

[Dokumen ini belum disemak]

DEWAN RAKYAT

## **PARLIMEN KESEBELAS**

### **PENGGAL KEDUA MESYUARAT PERTAMA**

---

---

**Bil. 9**

**Selasa**

**5 April 2005**

---

## **K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)

**USUL-USUL:**

Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka  
Baginda Yang Di-Pertuan Agong (Halaman 25)

Waktu Mesyuarat Dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 114)

**MALAYSIA****DEWAN RAKYAT****Selasa, 5 April, 2005****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA****[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan apakah kedudukan projek Jalan Pantai yang pernah dicadangkan dari Johor ke Pulau Pinang sebagai alternatif kepada projek Lebuhraya Utara-Selatan satu ketika dulu.

**Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat kerajaan tidak pernah menerima cadangan untuk melaksanakan projek jalan pantai dari Johor ke Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, kerajaan ada menerima cadangan untuk pembinaan lebuhraya Pantai Barat yang jajarannya meliputi jalan dari Banting Selangor ke Taiping Perak. Jajaran lebuhraya ini yang panjangnya 257.5 kilometer adalah selari dengan jajaran Lebuhraya Utara Selatan tetapi merentasi kawasan persisiran pantai barat. Lebuhraya dicadangkan dilaksanakan secara penswastaan. Buat masa ini pelaksanaan lebuhraya ini masih di peringkat rundingan oleh Jawatankuasa Penswastaan Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri dengan pihak berminat iaitu Konsortium Lebuhraya Pantai Barat Sendirian Berhad.

Perbincangan masih diadakan untuk muktamadkan jajaran bagi lebuhraya ini. Kerajaan tidak akan menanggung sebarang kos dalam pembinaan lebuhraya ini selain daripada kos pengambilan balik tanah. Oleh kerana itu jajaran lebuhraya ini melalui kawasan persisiran Pantai Barat maka terdapat beberapa kawasan di mana keadaan tanah perlu di rawat sebelum jalan raya dapat di bina di atasnya. Oleh yang demikian lebuhraya ini dicadangkan dibahagikan kepada tiga seksyen seperti berikut:

- i) Banting ke Tanjong Karang;
- ii) Tanjong Karang ke Sabak Bernam;
- iii) Sabak Bernam ke Taiping.

Walau bagaimanapun, perbincangan masih dijalankan di antara syarikat dan kerajaan untuk memuktamadkan jajaran ini sebelum dibentangkan ke Jemaah Menteri untuk kelulusan pelaksanaannya.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat menteri, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat datang kepada anak-anak murid sekolah dari *St. Peter Institution* Seremban, Negeri Sembilan [*Tepuk*]. Yang Berhormat menteri pada 1 April, yang lepas Lebuh Raya Utara Selatan telah mengalami malapetaka iaitu saya sendiri terlibat lima jam kesesakan lalu lintas daripada persimpangan Nilai hingga ke persimpangan Simpang Ampat disebabkan oleh satu kemalangan kecil sahaja. Pada 3 April, yang baru lalu Senawang Nilai 12 kilometer kesesakan lalu lintas dan ini juga disebabkan oleh kemalangan kecil di sebelah jalan yang lagi satu begitu juga pada semalam 4 April, Seremban Nilai 8 kilometer telah menyaksikan pengguna-pengguna jalan raya seolah-olah mengalami satu keadaan *picnic* di tepi jalan membaca surat khabar dan sebagainya.

Yang Berhormat Menteri, keadaan ini telah menunjukkan bahawa lebuh raya kita telah tidak dapat menepati keperluan pengguna-pengguna jalan raya yang memerlukan sampai ke suatu tempat dalam keadaan selamat, selesa dan tepat pada masanya. Kaitan dengan negeri Melaka Yang Berhormat menteri, apabila Kerajaan Persekutuan mencadangkan satu *highway* yang baru merentasi negeri Melaka dari Simpang Ampat ke Muar telah didapati dua pekan telah hilang dari pandangan kita iaitu Pekan Simpan Ampat dan Pekan Rumbia, pekan-pekan tradisi bagi rakyat negeri Melaka.

Soalan saya, kerajaan mengambil inisiatif untuk mengatasi kesesakan lalu lintas yang saya sebutkan tadi, hari ini membina jajaran lebuh raya di Pantai Barat apakah bentuk perhubungan atau pun kerjasama dengan kementerian-kementerian yang lain umpamanya Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan, Kementerian Luar Bandar

supaya jajaran yang baru ini tidak akan melakukan perkara yang serupa iaitu menghilangkan pekan-pekan tradisi. Terima kasih, Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau hendak jawab boleh. Kalau hendak jawab boleh jawab.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Ya. Maklumat yang saya punyai saya jawab Tuan Yang di-Pertua dengan izin. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat di kawasan Yang Berhormat kita sedang menyelesaikan pembinaan jalan dari Simpang Ampat ke Muar ini satu jalan baru dengan empat lorong dua hala, masalahnya apabila kita mengadakan jajaran baru pekan-pekan kecil yang sedia ada tidak masuk dalam jajaran baru, jikalau kita masuk jajaran pekan-pekan dalam jajaran baru ini jalan itu tidak boleh menjadi satu jalan yang licin untuk mengadakan perjalanan.

Oleh kerana itu saya janji kepada Yang Berhormat, pada masa akan datang apabila kita menjalankan perancangan jalan-jalan baru, kita ambil kira macam manakah kita menyambung pekan-pekan yang sedia ada di tepi atau di sebelah kanan atau kiri untuk mengadakan aktiviti-aktiviti ekonomi dan perniagaan, ini satunya.

Yang keduanya, berkenaan dengan masalah dihadapi di atas Lebuhraya Utara Selatan, semalamnya Tuan Yang di-Pertua, satu lori terbalik oleh kerana itu kita kena tutup separuh jalan untuk mengadakan kerja-kerja di mana lori itu dikeluarkan daripada jalan. Jadi ini menjadi satu masalah di mana-mana pun apabila kita menghadapi masalah seperti ini. Apa jawapan kita dapat daripada tuan punya atau *driver* lori tidak ada brek, brek sudah jadi satu masalah besar sekarang kepada kita.

Mana-mana *driver* lori apabila sahaja kena langgar, dia kata, tidak ada brek. Saya tidak tahu adakah pihak-pihak yang mesti menyiasat berkenaan dengan brek-brek di lori-lori itu adakah menjalankan tugas mereka atau tidak, tiap-tiap kali bila kita ada kemalangan, tidak ada brek. Di Jelapang kita sudah berlaku beberapa kemalangan, berapa orang nyawa kita hilang. Jadi, saya akan bawa ini kepada pihak-pihak yang bertanggungjawab untuk mengadakan satu siasatan atas lori-lori mengikut dengan masanya untuk mendapat apa ini. Terima kasih.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri pernah berkata bahawa kalau kerajaan tidak membenarkan Lebuhraya PLUS untuk menaikkan tol, kerajaan perlu membayar ganti rugi RM38 bilion untuk 33 tahun

yang akan datang dan baru-baru dengan perlanjutan konsesi yang ketiga untuk melebarkan beberapa bahagian Lebuh Raya Utara Selatan, kerajaan perlu memberi sokongan kewangan semacam *write-off* RM960 juta sebagai pinjaman dahulu semacam satu komersial *loan* RM900 juta, saya tidak tahu sama ada kerajaan perlu memberi jaminan, *guarantee*, *send guarantee* kepada komersial *loan* itu. Adakah kerajaan pernah menimbang menggunakan wang-wang ini untuk *up-grade* jalan yang ada supaya taraf lebuh raya, supaya ada alternatif yang selesa yang boleh digunakan kepada Lebuh Raya Utara Selatan, supaya adalah pilihan yang lebih baik untuk semua pengguna-pengguna jalan raya, bukankah ini satu opsi yang lebih untuk pengguna-pengguna dan adakah sebelum *extension* ketiga itu ditandatangani bahawa perkara ini dirujuk kepada Ahli-ahli Parlimen supaya satu *consultative process* diadakan.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah jawab perkara ini dalam Dewan baru-baru ini. Mengapakah kita *write-off* RM970 juta oleh kerana permintaan badan kerajaan untuk melebarkan jalan. Pelebaran jalan tidak masuk dalam perjanjian asal, ini pada masa itu kita tidak jangka kita ada juga satu juta dan satu juta empat ratus ribu kenderaan boleh juga menggunakan lebuh raya yang sedia ada tiap-tiap hari. Kadang kalanya kita dapat 1.4 juta kenderaan pada musim perayaan. Jadi, permintaan daripada kerajaan untuk melebarkan jalan. Oleh kerana itu kita kena bayar dan kita tidak ada apa-apa perjanjian untuk memberi sokongan kepada pinjaman akan didapati oleh PLUS daripada bank.

Yang kedua, dalam permintaan yang popular untuk menghapuskan tol di Senai, di Dewan ini beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat telah memohon untuk menghapuskan tol di Senai, menghapus boleh tetapi siapa bayar? Kerajaanlah bayar, hapus senang, bayar RM340 juta. RM340 juta itu dibayar oleh kerajaan, itu pun masuk dalam *concession* ini, selain daripada itu Jalan Port Dickson-Seremban satu lagi masalah yang kita hadapi oleh kerana bilangan trafik yang ada dalam perjanjian itu tidak mencukupi untuk menampung pendapatan syarikat itu, kita ambil alih oleh jalan itu dan bagi kepada PLUS, minta PLUS untuk menjaga, menyelenggarakan dan juga mengutip tol. Jadi, semuanya merangkumi satu pakej di mana kita kena *offset* 970 daripada pinjaman kita beri kepada PLUS. Jadi, itulah satu penjelasan yang saya boleh beri kepada Ahli Yang Berhormat dari Ipoh Timur.

2. **Dato' Haji Abdul Rahman bin Ariffin [Jerlun]** minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah kementerian sedar pengagihan dan pengesahan bantuan Kem Pelajaran seperti Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) dan Rancangan Makanan Tambahan (RMT) tidak melibatkan Ahli-ahli Parlimen.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab pertanyaan Yang Berhormat bagi Jerlun bersama-sama dengan pertanyaan Yang Berhormat bagi Tanah Merah pada 11 April 2005. Boleh saya teruskan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya!

**Puan Komala Devi:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat bagi Jerlun mengenai penglibatan Ahli-ahli Parlimen dalam pengagihan dan pengesahan bantuan Kementerian Pelajaran, seperti Kumpulan Wang Amanah Murid Miskin (KWAPM) dan Rancangan Makanan Tambahan (RMT), saya suka memaklumkan di sini memang ada usaha yang dibuat dalam pengagihan bantuan-bantuan tertentu.

Bagaimanapun, bagi pengesahan bantuan, kementerian masih menggunakan mekanisme sedia ada, iaitu melalui pengesahan pegawai kerajaan Kumpulan A, Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), penghulu dan ketua kampung yang setaraf dengannya.

Kementerian Pelajaran ingin menyatakan di sini bahawa kita memang amat berbesar hati dan berterima kasih kepada sesiapa di kalangan ahli masyarakat, terutamanya Ahli-ahli Yang Berhormat, jika sudi membantu kita mengenal pasti murid-murid miskin yang layak diberi bantuan tetapi tercicir nama mereka dari senarai bantuan akibat mekanisme yang sedia ada.

Selaras dengan Dasar Pendidikan Wajib, jika Ahli-ahli Yang Berhormat menemui kes anak-anak yang tercicir dari persekolahan akibat kemiskinan di kawasan masing-masing, bolehlah menghubungi saya sendiri agar pihak yang berkenaan dapat diberi bantuan dengan segera.

Bagi proses pengagihan pula, terdapat sebilangan bantuan yang diberikan terus ke sekolah, seperti Pemberian Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT) dan bantuan makanan dan makanan asrama yang sukar untuk kita selaraskan dengan penglibatan Ahli-ahli

Parlimen. Sebelum ini memang ada Ahli-ahli Parlimen yang terlibat dalam pengagihan bantuan 'One-Off' RM120 untuk pakaian seragam.

Berdasarkan pengalaman lepas terdapat beberapa masalah yang dihadapi oleh Kementerian Pelajaran seperti kelewatan pengagihan bantuan kepada murid kerana perlu penyelarasan dengan jadual program Ahli-ahli Parlimen, sekolah terpaksa mengeluarkan perbelanjaan tambahan di luar peruntukan untuk mengadakan majlis penyerahan bantuan dan berlaku kekeliruan kerana sekolah menganggap sumbangan tersebut merupakan sumbangan peribadi Ahli-ahli Parlimen dan membelanjakannya untuk tujuan-tujuan lain, selain tujuan asal sehinggakan pihak sekolah dikenakan audit bersyarat.

Berbekalkan pengalaman lalu, tahun ini Kementerian Pelajaran telah mencuba untuk menyelaraskan penglibatan Ahli-ahli Parlimen bagi pengagihan KWAPM di tujuh kawasan Parlimen, iaitu Kepala Batas, Hulu Terengganu, Dungun, Jempol, Tampin, Kuala Pilah dan Rembau. Laporan mengenainya masih belum lengkap. Ketika ini Kementerian Pelajaran juga sedang mengkaji kaedah yang sesuai untuk melibatkan Ahli-ahli Parlimen dalam pengagihan Rancangan Makanan Tambahan.

Berhubung dengan pertanyaan Yang Berhormat bagi Tanah Merah tentang kesan yang diperolehi oleh kerajaan setelah pemberian bantuan tabung KWAPM, saya ingin memaklumkan bahawa kajian impak yang menyeluruh masih belum dibuat kerana tabung ini baru sahaja beroperasi, dan pada tahun ini terdapat sedikit perubahan apabila peruntukan 'One-off' RM120 untuk pakaian seragam telah disalurkan melalui KWAPM. Walau bagaimanapun, didapati bantuan ini sedikit sebanyak telah dapat meringankan beban ibu bapa murid yang tidak berkemampuan.

Sebenarnya, melalui KWAPM, kementerian juga akan berusaha untuk membantu pembayaran yuran persekolahan dan yuran peperiksaan pelajar-pelajar miskin. Walau bagaimanapun, oleh kerana jumlah tabungan adalah terhad, kementerian hanya mampu menyalurkannya kepada sebilangan pelajar sahaja yang memenuhi kriteria yang ditetapkan.

Semenjak penubuhannya dalam tahun 2003, KWAPM telah menerima peruntukan sebanyak RM250 juta dari kerajaan. Selain sumbangan kerajaan terdapat juga sumbangan dari pihak swasta sebanyak RM8.9 juta.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, soalan ini, sama ada rancangan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin dan Rancangan Makanan Tambahan ini dikatakan tidak melibatkan Ahli-ahli Parlimen. Ya ataupun tidak?

**Puan Komala Devi:** Ini adalah jawapan untuk soalan Yang Berhormat yang kemudiannya, iaitu Yang Berhormat bagi Tanah Merah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Habis sudah?

**Puan Komala Devi:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, terima kasih, banyak. Yang Berhormat bagi Jerlun.

**Dato' Abdul Rahman bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas jawapan Setiausaha Parlimen dan terima kasih juga kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi laluan dan ruang sedikit berkenaan dengan soalan. Memang soalan saya ini mudah, sedar atau tidak, ya atau tidak. *[Ketawa]* Tetapi minta maaf, daripada jawapan yang diberikan, jawapan yang demikian, orang Kedah kata, jawapan yang menaikkan darah. *[Ketawa]* *[Disampuk]* Hot, hot. Sebab tidak menjawab soalan.

Pertama, saya tanya sedar atau tidak? Memang di dalam pengagihan ini, Ahli-ahli Parlimen tidak diberi maklumat langsung. Saya tanyakan, mungkin kementerian tidak sedar bahawa ini adalah keputusan Kabinet. Kabinet yang memutuskan duit KWAPM dan RMT ini diagihkan ke negeri-negeri. Di negeri-negeri, Pengarah Pelajaran seorang. Pegawai Pendidikan Daerah seorang sahaja. Adakah mereka ini tidak boleh dimaklumkan oleh pihak kementerian, bahawa setiap keputusan Kabinet ini, yang merupakan KWAPMkah, apakah, hendaklah berbincang atau melibatkan diri dengan Ahli Parlimen.

Dan, kita Ahli-ahli Parlimen di bawah, ronda tiap-tiap buah sekolah mesyuarat PIBG, berpuluh-puluh ribu kita beri. *[Tepuk]* Adakah RM985 hendak diberikan kepada murid-murid susah yang melibatkan hingga 100 atau 200 orang, Ahli Parlimen tidak boleh melibatkan diri. Kita pula kena cari yang mana susah. Saya tidak faham kenapa perkara ini diabaikan kerana sebagai seorang ahli politik dan Ahli Parlimen kita bertanyakan soalan ini kerana kita ada strategi.

Jadi, adakah kementerian sedar. Jawab itu sahajalah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang jawab soalan.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dato' Abdul Rahman bin Ariffin:** Dan, yang keduanya, RMT ini. Adakah kerajaan sedar juga, kementerian sedar sekarang RMT ini hanya makanan yang baik diberi kepada guru. Contoh makanan yang disediakan kepada murid-murid hendaklah dilihat oleh guru dahulu. Guru yang mendapat makanan yang baik, tetapi apabila dihidangkan kepada murid hanya taugé dengan kangkung yang ada. Saya boleh beri *report*, tetapi apabila saya beri *report* kena ambil tindakan yang drastik kepada orang yang berkenaan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila jawab, Yang Berhormat.

**Puan Komala Devi:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan syabas atas keprihatinan Ahli Yang Berhormat dan kami harap semua Ahli Parlimen yang ada di Dewan yang mulia ini bersikap sedemikian. Mungkin Ahli Yang Berhormat .....

*[Dewan gamat seketika]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, beri peluang Menteri menjawab.

**Puan Komala Devi:** Tidak dengar jawapan tadi, saya telah sebut bahawa mekanisme yang sedia ada tidak ada ruang untuk penglibatan Ahli Yang Berhormat, tetapi keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat adalah sangat dialu-alukan dan sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat telah mengenal pasti mana-mana murid yang kurang berkemampuan, silalah berikan nama kepada kita.

Berkenaan dan Rancangan Makanan Tambahan, setakat ini kementerian belum menerima mana-mana aduan secara bertulis, tetapi sekiranya ada aduan, berilah kepada kita dan tindakan sewajarnya akan diambil. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat masa penerangan sudah sampai, jadi saya beralih kepada soalan yang lain. Yang Berhormat bagi Rantau Panjang.

3. **Tuan Haji Abdul Fatah bin Harun [Rantau Panjang]** minta Menteri Pertahanan menyatakan sejauh manakah keberkesanan interaksi kaum belia-belie Malaysia hasil daripada penyertaan dalam Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) dan setakat ini berapa orang yang telah dilatih?

**Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan [Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak]:** Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya, Program Latihan Khidmat Negara telah berjaya memperlihatkan keberkesanan interaksi kaum di

kalangan para pelatih. Ini dapat diukur melalui kajian, tinjauan yang meliputi kaedah penggunaan borang soal selidik, temu bual dan juga pemerhatian di kem-kem semasa pelaksanaan program tersebut.

Penemuan kajian menunjukkan pelatih-pelatih bersetuju bahawa PLKN telah berjaya mewujudkan kesefahaman yang lebih baik di kalangan mereka yang berlainan agama dan kaum. Program tersebut juga telah berjaya menyatupadukan dan menjadikan para pelatih lebih menghormati kaum lain. Tuan Yang di-Pertua, PLKN yang diperkenalkan pada tahun 2004 telah melatih seramai 119,932 orang pelatih, iaitu 68,816 pelatih pada tahun 2004 dan 51,116 pelatih pada tahun 2005 setakat ini.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haron:** Nampaknya kayu ukur yang dibuat ataupun yang diguna pakai untuk menilai keberkesanan ini digunakan melalui temu bual di antara pelatih-pelatih. Apa yang saya ingin tahu ialah, apakah perbezaan yang ketara yang boleh dilihat di antara belia-belua yang telah dilatih di PLKN ini dengan belia-belua yang belum dilatih di luar. Perbezaan ketara juga boleh dilihat. Jawapan tadi adalah semasa berada di pusat latihan tersebut, maknanya melalui soal selidik, soal jawab, tetapi apabila di antara yang di luar dengan yang belum lagi masuk di pusat latihan tersebut. Apa perbezaan ketara yang boleh dilihat?

**Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Kesan daripada Program Latihan Khidmat Negara ini, di kalangan para belia kita amat bermakna sekali kerana setelah mereka melalui Program Latihan Khidmat Negara ini mereka mendapat nilai tambahan dari segi pembangunan diri sendiri. Di samping itu juga dari segi memahami dan menghormati antara kaum bertambah, lebih berkesan lagi.

Salah satu daripada maklumat timbal balas yang telah kita terima, termasuk juga satu surat yang telah saya terima daripada seorang ibu, di mana ibu berkenaan telah mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana anaknya telah menghadiri program ini, tetapi malangnya anaknya telah meninggal dunia selepas program itu kerana satu penyakit yang luar biasa. Apa yang menyayat hati saya ialah ibu berkenaan telah merasakan anaknya itu telah memperlihatkan perubahan yang amat besar dari segi sikap dan tingkah lakunya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Parit.

**Tuan Nasaruddin bin Hashim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dalam soalan daripada Yang Berhormat bagi Rantau Panjang, salah satu matlamat PLKN ialah untuk mewujudkan interaksi kaum. Bolehkah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri memberikan bilangan parti-parti ikut kaum yang telah hadir di dalam latihan tahun 2004 atau 2005. Terima kasih.

**Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Boleh, Tuan Yang di-Pertua. Saya akan hantar secara bertulis.

4. **Tuan Tan Kok Wai [Cheras]** minta Perdana Menteri menyatakan adakah Badan Pencegah Rasuah (BPR) bertindak atas aduan Setiausaha Agung DAP Malaysia kepada Ketua Pengarah BPR pada 2 Disember 2004 mengenai pemimpin UMNO termasuk wakil rakyat yang terlibat dalam politik wang semasa Perhimpunan Agung UMNO 2004 seperti yang diumumkan oleh Jawatankuasa Disiplin UMNO. Jika tidak ada, apakah keistimewaan pemimpin-pemimpin UMNO boleh dikecualikan dari tindakan BPR berbanding dengan rakyat lain.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, Badan Pencegah Rasuah sebagai badan penguat kuasa yang diamanahkan untuk menyiasat kes-kes yang berkaitan rasuah, menyiasat berdasarkan peruntukan undang-undang di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997. Badan ini menyiasat kes-kes rasuah berdasarkan aduan yang dibuat di bawah Seksyen 21(1) di bawah akta ini dan mengikut peruntukan undang-undang di bawah akta tersebut.

Di bawah peruntukan Seksyen 21(4) akta ini, sesuatu aduan yang dibuat di bawah subseksyen 21(1) hendaklah dirahsiakan dan tidak boleh didedahkan oleh mana-mana orang kepada mana-mana orang selain pegawai-pegawai Badan Pencegah Rasuah dan Pendakwa Raya sehinggalah orang tertuduh dipertuduhkan di mahkamah atas satu kesalahan di bawah Akta Pencegah Rasuah 1997 atau mana-mana undang-undang bertulis lain berbangkit daripada aduan itu. Saya ingin menyatakan di sini bahawa iaitu tidak ada keistimewaan yang diberikan kepada pemimpin-pemimpin UMNO yang boleh dikecualikan daripada tindakan BPR.

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Terlebih dahulu saya ingin berkata di sini, saya rasa kecewa kerana soalan ini tidak dapat dijawab oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri. Rasa malukah?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri sama ada semua kes yang melibatkan politik wang dalam UMNO telah pun dirujuk kepada ACA untuk siasatan lanjut kerana tanggapan umum oleh rakyat akibatnya kedudukan UMNO dan pihak kerajaan khasnya apabila *within high profile corruption cases* dijadikan kes-kes rasuah di 18 sektor, saya tidak hairanlah apabila soalan ini tidak dijawab oleh menteri UMNO akan memihak kepada ahli-ahli partinya sendiri.

Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri mengapakah boleh berlaku walau pun ada di antara pemimpin UMNO yang didapati bersalah dan digantung jawatan parti mereka di dalam UMNO kerana melibatkan rasuah dan politik wang tetapi masih memegang jawatan kerajaan di peringkat persekutuan dan juga negeri. Saya ingin memberikan dua misal di sini seperti .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, beri soalan.

**Tuan Tan Kok Wai:** ..... Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi yang kini masih memegang jawatan Timbalan Ketua UMNO Bahagian Silam dan juga EXCO Pelancongan Melaka – Dato' Hamid Nordin yang kini sebagai Ketua UMNO Bahagian Kota Melaka.

Adakah ini bermakna etika parti UMNO adalah lebih tinggi daripada etika kerajaan? Adakah laporan-laporan yang dibuat oleh pihak-pihak mana bukan ahli UMNO boleh saya dapat jaminan ini bahawa BPR akan mengambil tindakan siasatan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik. Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Pertamanya saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Cheras yang begitu prihatin dengan UMNO sebab kita tahu bahawa dia sayang kepada UMNO sebab itu hendak tengok semua berjalan dengan baik. Dia tidak percaya dengan PAS kawan dia yang lama itu. Dia sayang UMNO sebab itu dia tanya.

Saya menjawab soalan ini kerana mengikut pengagihan jawapan dalam Dewan Rakyat, saya yang menjawab. Bukan bermakna Timbalan Perdana Menteri tidak

menjawab, dia takut. Itu bukan yang berlaku di sini. Memang soalan ini diagihkan kepada saya untuk dijawab. Kalau tidak, dia pun boleh jawab, *anytime*. Tidak ada masalah.

Kemudian, saya ingin memberitahu di sini bahawa ada perkara yang diadakan oleh badan disiplin kita yang merupakan kesalahan tetapi mengikut akta rasuah, tidak salah. Sebagai contoh, Ketua Bahagian pada tiap-tiap tahun, macam kedua-dua Ketua Bahagian seperti yang telah disebutkan tadi. Pada tiap-tiap tahun kita memberi bantuan mungkin RM100 kepada cawangan-cawangan untuk bermesyuarat. Tetapi pada tahun pertandingan, pemberian itu dianggap sebagai suatu kesalahan wahal itu merupakan amalan biasa. Sebab itu mereka diambil tindakan oleh pihak disiplin UMNO, tetapi dari segi Akta Rasuah ia tidak salah kerana ini diberikan pada tiap-tiap tahun. Cuma pada tahun itu diberi mungkin dia sendiri, dia ingat biasalah Ketua Bahagian dia boleh bagi.

Tetapi pada tahun pertandingan, ada orang *complain* itu boleh mempengaruhi perwakilan maka dia dianggap dia bersalah. Itu amalan tiap-tiap tahun memberi bantuan kepada cawangan. Sebab itu saya hendak beritahu ada kesalahan yang dianggap kesalahan oleh Badan Disiplin UMNO yang sebenarnya tidak merupakan rasuah di bawah Akta Rasuah.

Kalau Yang Berhormat hendak sebut bahawa kita tidak ambil tindakan, saya tidak tahu bahawa Yang Berhormat ini butakah. Kalau hari ini surat khabar *Utusan Malaysia* boleh baca iaitu iaitu Dato' Azman Mahalan didakwa di atas kesalahan kerana berlaku politik wang dalam UMNO kerana memberi wang RM7,000, RM5,000 kepada orang untuk menahan lawan dia itu daripada bertanding. Kita ambil tindakan.

Sebab kalau hendak dikatakan bahawa UMNO ini tidak ambil tindakan, kita kata tidak betul. Kita ambil tindakan. Itu ikan yu lah itu Dato' Azman Mahalan itu. Sebab itu Yang Berhormat, saya harap supaya jangan menyatakan iaitu bahawa kita tidak bersungguh-sungguh untuk melawan rasuah dalam parti kita. Saya harap penjelasan ini adalah jelas supaya kita tahu iaitu bahawa ada tindakan yang dilakukan oleh parti itu sebenarnya tidak merupakan kesalahan di bawah Akta Rasuah.

**[Soalan No. 5 – Y.B Tuan Bernard S. Maraat [Pensiangan] tidak hadir]**

**6. Tuan Hashim bin Jahaya [Kuala Kedah]** minta Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) adakah kementerian berpuas hati dengan prestasi, mutu dan cara perkhidmatan kutipan dan pelupusan sampah serta sisa-sisa pepejal oleh Pihak Berkuasa Tempatan di seluruh Malaysia, dan
- (b) langkah-langkah yang telah dan akan dilaksanakan oleh kementerian bagi memastikan perkhidmatan kutipan dan pelupusan sampah serta sisa-sisa pepejal oleh Pihak Berkuasa Tempatan dilakukan secara bijak dan teratur bagi mengurangkan rungutan dan ketidakselesaan orang ramai.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan [Dr. S. Subramaniam]:** Tuan Yang di-Pertua, dengan penambahan jumlah penduduk di negara kita, maka jumlah pengeluaran sisa pepejal sudah bertambah pada masa sekarang. Di Lembah Klang sahaja pengeluaran sisa pepejal adalah 4,700 tan sehari. Justeru itu beban ke atas semua PBT untuk menguruskan sisa pepejal telah menjadi lebih rumit dan sebahagian daripada PBT tidak mampu dari segi kewangan dan kemudahan sedia ada untuk menangani masalah ini.

Sehubungan dengan ini, kerajaan pada tahun 1996 telah membuat keputusan untuk menswastakan pengurusan sisa pepejal secara interim dan di dua zon iaitu wilayah tengah dan timur dan di wilayah selatan telah diswastakan kepada Alam Flora Sendirian Berhad dan Southern Waste Management Sendirian Berhad. Di wilayah utara, pengurusan sisa pepejal masih dikendalikan oleh PBT.

Di dalam jangka masa lapan tahun ini, mengikut maklum balas yang telah diterima, kerajaan berpendapat bahawa urusan pengutipan sisa pepejal adalah memuaskan di lebih kurang 30% hingga 60% PBT. Tetapi di sebaliknya tugas-tugas pembersihan iaitu membersihkan longkang, memotong rumput dan sebagainya masih belum mencapai tahap yang memuaskan. Kementerian telah mengenal pasti beberapa faktor yang mengakibatkan keadaan ini iaitu:

- (i) PBT yang tidak membayar pihak-pihak swasta,
- (ii) PBT sendiri yang tidak mempunyai peruntukan yang cukup untuk membiayai kos pengurusan sisa pepejal yang semakin lama semakin tinggi.

Dalam proses pelupusan sisa pepejal, kementerian sedang menghadapi beberapa cabaran akibat faktor-faktor seperti tapak pelupusan yang sedia ada tidak dapat menampung lagi jumlah sisa pepejal yang semakin bertambah dan menghadapi kesukaran untuk mendapatkan tanah yang baru untuk kawasan tapak pelupusan baru.

Masalah ini bertambah dengan kesedaran dan kehendak pemeliharaan alam sekitar oleh kerajaan. Tindakan kerajaan untuk menangani dan mengatasi masalah-masalah tersebut adalah dengan penambahan peruntukan kepada PBT yang memerlukan bantuan dan pada hujung tahun 2003, kementerian telah memberi RM21 juta kepada PBT berkenaan untuk menolong mereka membayar kepada syarikat konsesi. Kementerian juga telah memberi bantuan untuk membeli kenderaan dan tong sampah serta bantuan untuk menaik taraf tapak pelupusan sebanyak RM59 juta.

Sebagai langkah jangka panjang untuk menangani dan mengatasi masalah pelupusan sisa pepejal, kementerian telah melancarkan kempen kitar semula dan selain dari ini kementerian sedang mengkaji proses teknologi yang baru bagi proses pelupusan sisa pepejal dalam negara kita dan dua projek yang menggunakan teknologi tapak pelupusan *sanitary* sedang dilaksanakan dan selain daripada ini kementerian ini sedang mengkaji teknologi yang lain termasuk *Thermal Treatment Plant* atau *incinerator*. Terima kasih.

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan bahawa kerajaan berpuas hati tentang sampah sarap yang sekarang sudah pun diswastakan. Tetapi saya ingin bertanya sama ada kerajaan berpuas hati di Semenanjung sahaja atau untuk Sabah dan Sarawak juga kerana Majlis Daerah semuanya bermasalah di Sabah kerana mungkin pertamanya kerana tiada kewangan. Tetapi kita semua sedia maklum di kawasan Tawau iaitu Majlis Perbandaran Tawau, sampah dan sisa-sisa ini sudah dikontrak. Tetapi bermasalah lagi kerana kontraktor tidak membuat kerja yang betul untuk mengumpul semua sampah dan dibuangkan kepada satu tempat yang ditetapkan.

Apa erti kalau kita ada undang-undang dan kemudian dia tidak sampai ke Tawau, apa ertinya ini dan saya menyoal ini kerana apa ertinya. Keduanya, kita sudah kontrakkan pungutan sampai ini tetapi penguatkuasaan tidak ada. Kita nampak pergi ke

bandar Tawau, kita nampak sampah sarap berada di dalam semua kawasan. Mungkin ada pakatan di antara Majlis dengan kontraktor, mana kita tahu.

Patut saya mahu Kementerian Perumahan Persekutuan siasat perkara ini. Terima kasih.

**Dr. S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat berkenaan keprihatinan Ahli Yang Berhormat terhadap masalah sisa pepejal di Tawau. Seperti Ahli Yang Berhormat maklum bahawa sampai masa sekarang tugas menguruskan sisa pepejal bergantung kepada Pihak Berkuasa Tempatan dan kerajaan negeri.

Adalah harapan Kerajaan Persekutuan untuk *standardise* iaitu menyeragamkan perkara ini dengan beberapa cara termasuk kita sedang mengeluarkan satu rangka jangka masa untuk menguruskan sisa pepejal kebangsaan yang akan dilaksanakan selepas menerima sokongan daripada parlimen pada masa yang akan datang dan sama juga kita akan mengadakan satu Akta Pengurusan Sisa Pepejal yang akan menengok masalah-masalah yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat kerana kerja memberi kontrak dan menguatkuasakan itu adalah terpulang kepada Pihak Berkuasa Tempatan.

Di dalam PBT itu, kita ada Ahli-ahli Majlis dan ada Dewan Undangan Negeri, mereka mesti prihatin terhadap masalah ini dan mengambil tindakan di peringkat PBT dan peringkat negeri untuk mengatasi masalah ini. Tugas kementerian pada masa sekarang ini ialah dari segi dasar dan dari segi memberi nasihat. Terima kasih.

**Tuan Hashim bin Jahaya:** Tuan Yang di-Pertua, soal pelupusan sampah di Malaysia ini agak terkebelakang sedikit daripada negara-negara maju yang lain. Di negara-negara maju sama ada di Timur ataupun Barat telah dibina dan digunakan cara moden seperti loji pelupusan sampah yang berteknologi tinggi yang sesuai dengan kehendak semasa dan juga sesuai dengan penjagaan alam sekitar dan juga alam semula jadi supaya tidak menjadi tercemar.

Soalan tambahan saya ialah apakah kementerian bercadang untuk membina loji-loji pelupusan sampah berteknologi tinggi di Malaysia dan jika ya, bilakah dan di mana ia akan dibina. Terima kasih.

**Dr S. Subramaniam:** Di dalam Rancangan Malaysia Kelapan, tiga tempat telah dicadangkan untuk membina tapak pelupusan (*incinerator*) iaitu satu di Selangor, satu di Pulau Pinang dan satu lagi di Cameron Highlands. Surat tawaran telah diberi kepada *incinerator* di Selangor iaitu di kawasan Broga oleh kementerian selepas mendapat kelulusan EIA, tetapi projek itu telah menghadapi tindakan mahkamah dan kerajaan sedang membuat rayuan ke atas keputusan mahkamah. Selepas rayuan itu telah didengar mungkin projek itu akan bermula. Projek-projek yang lain belum dilaksanakan. Terima kasih.

*[Soalan No. 7 – Y.B. Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) tidak hadir]*

8. **Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman [Kuala Nerus]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan jumlah pelaburan rakyat Malaysia di luar negara mengikut negara tumpuan dan sektor pelaburan utama. Apakah kemudahan yang disediakan oleh kerajaan untuk menggalakkan rakyat Malaysia meneroka peluang pelaburan di luar negara.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Indera Mahkota dan Hulu Langat yang perlu dijawab pada 25 dan 26 April 2005 kerana ketiga-tiga soalan ini berkaitan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, menurut Bank Negara Malaysia bagi tempoh tahun 2000 hingga 2004 jumlah pelaburan kasar Malaysia di luar negara dalam pelbagai sektor adalah berjumlah RM 82.7 bilion. Negara-negara yang menjadi destinasi utama pelaburan Malaysia bagi tempoh tersebut ialah Amerika Syarikat iaitu RM15.4 bilion, Singapura – RM9.4 bilion, Indonesia – RM3.8 bilion, dan United Kingdom – RM2.3 bilion. Pelaburan Malaysia di luar negara kebanyakan tertumpu dalam sektor utiliti, perkhidmatan, perkilangan, minyak dan gas.

Bagi menggalakkan pelabur Malaysia membuat pelaburan di luar negara kerajaan telah menyediakan beberapa insentif dan kemudahan iaitu:

- (i) mengecualikan cukai seratus peratus selama lima tahun ke atas pendapatan yang diperolehi dari pelaburan di luar negara yang dibawa balik ke Malaysia;
- (ii) elaun tahunan sebanyak 20% selama lima tahun ke atas kos pengambilalihan syarikat milik asing di luar negara oleh syarikat tempatan bagi tujuan memperoleh teknologi tinggi atau meneroka pasaran eksport baru;
- (iii) MIDA dipertanggungjawabkan untuk menyelaras serta membantu syarikat-syarikat Malaysia yang ingin melabur di luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Yang Berhormat bagi Indera Mahkota mengenai kemasukan FDI ke Malaysia dan persoalan masalah melibatkan dengan kemasukan FDI, untuk tempoh tahun 2000 hingga 2004 pelaburan asing dalam projek perkilangan berjumlah sebanyak RM79.1 bilion. Sumber utama FDI bagi tempoh tersebut ialah Amerika Syarikat iaitu RM22 bilion, German – RM14.4 bilion, Jepun – RM10.1 bilion, Singapura – RM8.7 bilion, dan United Kingdom – RM5.3 bilion. Ini dicapai dalam konteks penurunan dalam jumlah aliran FDI global yang menurun daripada USD1,387.9 bilion pada tahun 2000 ke USD559.6 bilion tahun 2003, selain persaingan dari lain-lain destinasi pelaburan.

Berdasarkan kepada laporan oleh agensi-agens penggalakan pelaburan bagi tempoh 2000 hingga 2003, kemasukan FDI dalam sektor perkilangan ke Malaysia adalah sebanyak RM66 bilion lebih tinggi berbanding dengan Singapura iaitu RM58.1 bilion, Thailand – RM48.8 bilion, dan Vietnam – RM22.5 bilion. Ini jelas menunjukkan bahawa Malaysia masih mampu menarik aliran global pelaburan asing.

Tuan Yang di-Pertua, pencapaian ini disumbangkan oleh langkah-langkah yang terus diambil untuk memastikan suasana dan iklim pelaburan di Malaysia terus menarik pelaburan asing.

Untuk menjawab kepada Yang Berhormat bagi Kuala Nerus, ini meliputi:

- (i) menyediakan pelbagai jenis galakan cukai seperti galakan taraf perintis, elaun cukai pelaburan, elaun pelaburan semula dan pengecualian duti import ke atas bahan mentah, jentera dan

- kelengkapan kepada syarikat baru dan syarikat yang menjalankan aktiviti pembesaran dan kepelbagaian;
- (ii) menawarkan galakan istimewa atau *prepackage as incentive*, dengan izin kepada bakal-bakal pelabur bagi projek-projek pelaburan yang strategik dan berkualiti;
  - (iii) meliberalisasi sepenuhnya dasar ekuiti sektor perkilangan di mana di bawah dasar ini pegangan ekuiti asing seratus peratus dibenarkan bagi semua pelaburan baru termasuk pelaburan dalam projek-projek pembesaran dan kepelbagaian oleh syarikat sedia ada;
  - (iv) meliberalisasi dasar pengambilan pegawai *expatriate*;
  - (v) menganjurkan misi menggalakkan penggalakan perdagangan dan pelaburan ke negara-negara pengeksport modal utama seperti Amerika Syarikat, Jepun, Taiwan, Korea Selatan dan negara-negara Eropah;
  - (vi) menganjurkan misi projek spesifik untuk menarik syarikat-syarikat asing yang memiliki teknologi tinggi yang sesuai menempatkan operasi di Malaysia; dan
  - (vii) mempertingkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan di semua peringkat untuk mempercepatkan kelulusan dan pelaksanaan projek pelaburan.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Setiausaha Parlimen. Ada pandangan dari pelabur-pelabur kita bahawa kalau kita hendak berusaha sama dengan pelabur-pelabur asing di luar negara, kita mesti berusaha sama dengan pemimpin-pemimpin politik di negara tersebut, bukan dengan pelabur-pelabur biasa. Saya ingin tahu sama ada, adakah tidak kerajaan kita menandatangani sebarang perjanjian dengan negara-negara asing yang memberi kemudahan atau keistimewaan kepada pelabur-pelabur kita untuk melabur di negara mereka. Terima kasih.

**Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew:** Tuan Yang di-Pertua, Malaysia mempunyai hubungan perdagangan dengan 240 negara dan aktiviti menggalakkan perdagangan dan pelaburan dalam bentuk rombongan perdagangan dan pelaburan, serta pameran perdagangan dijalankan di setiap tahun di pelbagai negara termasuk negara Barat dan Timur. Aktiviti perdagangan dan pelaburan Malaysia semakin meningkat terutamanya dengan negara di serantau dan perhubungan ini jelas sekali dengan usaha memulakan perjanjian perdagangan bebas, yang ini saya rasa boleh jawab soalan Yang Berhormat sebab kita telah memulakan perjanjian perdagangan bebas iaitu *free trade agreement* (FTA) dengan beberapa negara seperti Jepun, China. China akan bermula pada bulan Julai ini. Negara India, Pakistan, Australia dan New Zealand, dan untuk negara Amerika Syarikat kita juga telah bermula *negotiation*. Sekian, terima kasih.

**Ir. Hasni bin Haji Mohammad:** Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dan Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, nampaknya jumlah pelaburan syarikat Malaysia di luar negara semakin bertambah dari segi bilangan syarikat dan juga jumlah pelaburan. Daripada itu berapakah sumbangan yang dibuat oleh GLC-GLC yang ada dalam negara kita?

**Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew:** Tuan Yang di-Pertua, ini memerlukan statistik spesifik, saya minta supaya menjawab soalan ini melalui surat nanti.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tulis.

**Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew:** Secara bertulis. Sekian, terima kasih.

9. **Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]** Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan bilakah dan berapakah kos persiapan untuk Malaysia menghantar angkasawannya yang pertama ke angkasa lepas dan sudahkah dikenal pasti calonnya.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi [Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjawab soalan-soalan Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Muar, Gerik dan Kota Melaka pada tarikh 30 Mac 2005, 4 April 2005 dan 26 April 2005 secara serentak kerana semua soalan berkenaan menyentuh isu yang sama, iaitu usaha negara Malaysia untuk melahirkan angkasawan pertama negara ke angkasa lepas.

**Tuan M. Kulasegaran:** Point of order. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat mengatakan bahawa beliau akan menjawab satu soalan yang berkaitan pada 30 Mac 2005 yang sudah lalu, macam mana dia hendak jawab sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani:** Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan 30 Mac 2005 ini tidak naik semasa disoalkan. Jadi, oleh kerana soalan berkaitan dengan soalan pada tarikh 4 April 2005 dan juga 26 April 2005 jadi kita rangkumkan sekali jawapannya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik teruskan.

**Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani:** Okey. Ahli Yang Berhormat bagi Muar dan Kota Melaka ingin mengetahui perkembangan dan peruntukan yang diperlukan bagi program angkasawan negara, manakala Ahli Yang Berhormat bagi Gerik pula ada membangkitkan isu jangka waktu angkasawan Malaysia akan dihantar ke angkasa lepas dan status pemilihan calonnya.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, program angkasawan telah dimasukkan sebagai salah satu projek di bawah Program Offset perolehan pesawat Sukhoi PTMK dari Rusia. Program Offset ini merangkumi latihan untuk dua calon angkasawan dan pelancaran seorang daripadanya ke angkasa lepas. Oleh kerana *experiment* yang akan dijalankan di Stesen Angkasa Antarabangsa (IAS) sedang dalam proses dikenal pasti kosnya belum boleh ditentukan dengan tepat.

Walau bagaimanapun, anggaran kos untuk program di peringkat institusi, sekolah dan orang awam, pembangunan sumber tenaga manusia dan penggalakan promosi di dalam masa tiga hingga empat tahun dijangkakan berjumlah RM2 juta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini sebanyak 3,700 calon daripada kalangan rakyat Malaysia yang berumur 21 tahun ke atas telah mendaftarkan diri sebagai calon angkasawan negara. Kerajaan juga telah menubuhkan satu jawatankuasa pemilihan angkasawan yang dianggotai oleh beberapa kementerian yang berkepentingan untuk merangka kriteria terperinci untuk menyenaraipendekkan calon angkasawan tersebut. Tiga orang pakar dari Rusia telah pun datang ke Malaysia pada 28 Mac 2005 sehingga 1 April 2005 baru-baru ini bagi membantu proses pemilihan angkasawan pertama Malaysia ini. Nama bagi dua calon angkasawan negara yang akan

dihantar ke Rusia untuk menjalani latihan mengikut persetujuan dengan agensi angkasa Rusia akan diumumkan pada akhir tahun 2005.

Angkasawan pertama Malaysia dijangka akan ke angkasa lepas pada bulan Oktober 2007. Sekian, terima kasih.

**Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]:** Terima kasih, Setiausaha Parlimen dan saya ingin menyampaikan terima kasih saya kepada Ketua Pengarah Agensi Angkasa Negara yang telah menulis surat memberi maklumat yang lebih terperinci mengenai perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, minggu lalu kita bincang tentang *RazakSAT*, *TiungSAT* dan '*NantiSAT*' daripada Kedah. Jadi, hari ini kita hendak tahu ciri-ciri dua calon yang akan dipilih kerana kita mendapat tahu rasanya ada Ahli Parlimen kita juga berminat, seperti Ahli Yang Berhormat bagi Jerai atau yang saiz *over* sedikit, seperti Ahli Yang Berhormat bagi Arau, atau mungkinkah yang manis menawan seperti Puteri Gunung Ledang kita, Ahli Yang Berhormat bagi Baling? Adakah mereka ini dikira layak? Apakah ciri-cirinya, adakah mereka seseorang daripada *pilot*, daripada tentera, saintis atau bagaimanakah orang yang dipilih itu? Terima kasih.

**Prof. Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani:** Terima kasih, Ahli Yang Berhormat. Secara umumnya di antara kriteria asas pemilihan calon bagi angkasawan Malaysia ialah:

- (i) berumur 21 tahun ke atas;
- (ii) kesediaan untuk menjalani latihan selama 1 1/2 tahun di Russia;
- (iii) keadaan fizikal yang memuaskan - keperluan minimum:
  - (a) ketajaman penglihatan visual 20/70 tanpa pembedahan diperbetulkan ke 20/20
  - (b) tekanan darah 140/90 bacaan dalam posisi duduk;  
dan
- iv) kesihatan mental.

Apabila angkasawan tersebut pulang ke Malaysia mereka akan terlibat secara *comprehensive* dengan program kesedaran awam, khususnya di dalam bidang sains dan teknologi secara menyeluruh ke seluruh negara melalui program-program yang akan diaturkan dengan kerjasama beberapa kementerian yang berkaitan. Terima kasih.

10. **Tuan Haji Ismail bin Abd. Mutalib [Maran]** minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan sehingga Februari 2005, berapakah jumlah kejadian samseng jalan raya yang telah berlaku serta mangsa-mangsa yang terlibat. Berapa ramaikah samseng yang terlibat telah didakwa di mahkamah dan telah dijatuhkan hukuman?

**Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Tuan Chia Kwang Chye]:**

Tuan Yang di-Pertua, jawapannya pendek sahaja. Jumlah kes yang melibatkan kejadian samseng jalan raya bagi tempoh Januari hingga Februari 2005, sebanyak 11 kes yang melibatkan seramai 11 orang mangsa. Bagi tempoh tersebut tiada individu yang telah didakwa, memandangkan kes-kes tersebut masih dalam siasatan pihak polis. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Jerai.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat penjelasan, kes samseng jalanan ini sudah cukup lama, melibatkan kematian pihak polis, juga beberapa kes pembunuhan dan sebagainya. Mengapakah begitu lama sekali pihak keselamatan untuk menyelesaikan kes-kes ini kerana kes-kes ini meningkat. Sekarang ini boleh dikatakan apabila berada di jalanan kita merasa bimbang dan takut. Kita tidak tahu waktu bila dan ketikanya orang itu boleh menyerang kita.

Dalam akhbar baru-baru ini, orang awam telah membawa alat-alat pertahanan diri, seperti yang bermain golf dia bawa Iron-5. Saya bawa Iron-5, *in case* Iron-2 datang, kita 'bagi' dengan Iron-5, ada yang bawa *steering rod*, ada yang bawa macam-macam benda di dalam kereta kerana mungkin kalau kejadian tertentu terjadi di waktu keselamatan tidak terkawal, maka kita berada di dalam keadaan yang tidak boleh mempertahankan diri. Ini mungkin membahayakan kerana persepsi orang pada hari ini dia takut dan saya sendiri dapat melihat ada kereta yang memotong kereta kita dengan tidak memberi signal dan sebagainya, yang membuat kemarahan. Apakah kita harus mengadakan satu kempen dan tindakan-tindakan yang tegas kepada samseng jalanan ini supaya orang-orang lain tidak mengikut cara-cara mereka? Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Jerai. Memang dari persepsi bahawa kes samseng jalan raya ataupun *road bully*, nampaknya semakin

serius kerana ada kejadian baru-baru ini di mana mangsa telah dibunuh dan ini mengakibatkan perasaan tidak selamat. Oleh sebab itu, mungkin Yang Berhormat bagi Jerai ada membawa batang paip atau lain-lain.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Saya bawa golf set - Iron-5, saya tidak bawa batang paip. Kalau polis bertanya saya katakan untuk *play golf*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Iron-5 itu apa?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Iron-5 itu besi yang nombor lima, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Alat permainan golf?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Alat permainan golf. Yang ini kalau dia sepak, kepala tercabut. *[Ketawa]*

**Tuan Chia Kwang Chye:** Oh! Itu. Itu *club* ya?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin :** Ya, ya, *club*.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Yang iron, ya. Saya tidak tahu ada nombor 5 pula. Nombor 5 ada?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Iron nombor 5, ia yang terkuat sekali.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, sila jawab.

**Tuan Chia Kwang Chye:** *[Ketawa]* Ini dari perasaan dan juga dari persepsi. Ini tidak bermakna bahawa pihak polis tidak memandang serius kes-kes berkenaan. Daripada persepsi, kita juga mesti melihat kepada statistik di mana baru-baru ini boleh dikatakan trendnya telah menurun, iaitu jika dibandingkan dengan tempoh yang sama bagi bulan Januari hingga bulan Februari tahun 2004, kes boleh dikatakan telah menurun lebih daripada 50% kerana pada tempoh bulan yang pertama itu terdapat 23 kes berbanding dengan 11 kes yang saya nyatakan tadi.

Jika dibandingkan tahun demi kalau dibandingkan tahun 2004 dengan 2003 adalah penurunan sebanyak 47 kes kerana pada tahun 2004 ialah 108 kes sahaja, manakala pada tahun 2003 ialah 155 kes.

Berkenaan dengan kes-kes yang tidak dibawa ke mahkamah, ini adalah kerana tidak mencukupi bukti semasa siasatan dijalankan. Kalau dapat diselesaikan kes itu kita

akan membawa mereka ke mahkamah. Pada tahun 2003, walaupun ada kes sebanyak 155, kita cuma membawa 7 orang untuk didakwa di mahkamah. Sekian, terima kasih.

**Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Menteri. Saya hendak mengemukakan soalan tambahan. Apakah di antara langkah-langkah proaktif yang diambil oleh kerajaan, pihak bertanggungjawab dalam kita mengatasi masalah samseng jalan raya ini. Dahulu, semasa kita berjalan di kampung-kampung dan sebagainya, kalau kita berjumpa dengan orang di tepi jalan kita berasa hendak ambil, kesian kepada mereka, tetapi sekarang ini kita tidak berani lagi. Mungkin ini akan berlawanan dengan usaha kerajaan untuk menaikkan usaha berbudi bahasa budaya kita dan sebagainya, apakah langkah yang diambil oleh kerajaan?

**Tuan Chia Kwang Chye:** Tuan Yang di-Pertua, selain daripada langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak kerajaan dan polis, yang mustahak sekali ialah dari segi pendidikan di mana pemandu kereta mesti mengadakan satu etika dan ciri-ciri berbudi bahasa ketika membawa kereta atau motosikal yang lebih baik. Mungkin ini boleh ditekankan semasa ujian pemanduan untuk mendapatkan lesen motosikal, kereta atau lori dan sebagainya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik! Kita faham, Yang Berhormat.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita faham.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Tidak perlu lagi, ya? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tamatkan sesi Jawab Lisan untuk hari ini.

***[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]***

**USUL****MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN  
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatutnya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Kesebelas.” **[4 April 2005]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Diminta Timbalan Menteri Kewangan untuk menjawab.

**11.10 pg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang]:**

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Diraja di Dewan yang mulia ini dan yang telah memberi cadangan dan pandangan terhadap beberapa perkara yang dibentangkan dalam titah tersebut.

Beberapa isu di bawah bidang Kementerian Kewangan telah dibangkitkan dan ada juga Ahli-ahli Yang Berhormat memberi pandangan yang baik dan cadangan yang membina untuk kepentingan rakyat dan negara. Bagi pihak Kementerian Kewangan, saya akan menjawab soalan-soalan dan menjelaskan perkara-perkara yang telah dibangkitkan. Mana-mana perkara yang tidak sempat dijawab, saya suka memaklumkan, Kementerian Kewangan akan memberi perhatian dan pertimbangan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Kepong ingin mengetahui langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan dalam menghadapi ketidakpastian ekonomi dunia. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan memantau dari masa ke

semasa terhadap perkembangan ekonomi dunia termasuk isu berkaitan dengan kenaikan harga minyak dunia dan ketidaktentuan mata wang Dolar Amerika serta saingan cabaran dari China dan India supaya negara sentiasa dalam keadaan siap sedia dalam menghadapi sebarang kemungkinan.

Untuk memastikan kegiatan ekonomi negara dapat terus berkembang dengan cergas, strategi dan langkah-langkah utama sedang dilaksanakan oleh kerajaan sebagaimana yang digariskan dalam Bajet 2005 yang antaranya:

- (i) ialah untuk menjana punca pertumbuhan yang dihasilkan daripada kegiatan ekonomi dalam negeri dengan menyediakan iklim perniagaan dan pelaburan yang *conducive* ke arah meningkatkan lagi peranan sektor swasta. Usaha ini dimantapkan lagi oleh keyakinan pengguna melalui, dengan izin, *a consumption led growth* yang kekal teguh dijangka berupaya membantu negara dalam menghadapi kesan persekitaran luar yang tidak menentu;
- (ii) meneroka sumber pertumbuhan baru bagi mempelbagaikan kegiatan ekonomi negara, di samping mempercepatkan peralihan ke arah ekonomi berasaskan nilai tambah yang tinggi sebagai strategi untuk meningkatkan daya saing negara. Ini meliputi usaha mencergaskan semula sektor pertanian, termasuk pengeluaran produk halal melalui peningkatan output, R&D dan aplikasi teknologi moden serta mengkomersialkan aktiviti berskala besar.

Sektor-sektor ekonomi lain juga diberi tumpuan, seperti memperkayakan sektor perkhidmatan, terutamanya subsektor kewangan dan pasaran modal, ICT.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Kepong.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Saya habiskan yang ini dahulu, Yang Berhormat. Sektor perkhidmatan, terutamanya subsektor kewangan dan pasaran modal, ICT serta pelancongan, pendidikan dan kesihatan sektor pembuatan terus

diperkasakan dengan meningkatkan aktiviti perusahaan kecil dan sederhana. Sila, Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya nampak ada usaha juga untuk memperbaiki keadaan termasuk untuk mengimbangkan kepada bajet dan sebagainya. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa keadaan ekonomi walaupun dari segi angka-angka nampak tidak begitu merosot, seperti kita punya *research*, seperti kita punya eksport, kadangkala ada baik juga daripada sesetengah bidang. Tetapi kita nampak, adakah Yang Berhormat meninjau keadaan, suasana perniagaan dan sebagainya memang merosot. Terdapat masalah kerana dasar untuk menangani masalah pekerja, kita hendak mencegah pendatang tanpa izin (PATI) tetapi kalau kita mengambil tindakan yang tidak begitu sesuai sehingga menjejaskan keadaan ekonomi. Adakah Yang Berhormat sanggup untuk meninjau keadaan yang sebenarnya?

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Terima kasih, Yang Berhormat. Ini yang kita katakan kita sanggup dalam suasana yang tidak menentu. Saya jawab tadi, ini belum habis lagi, Yang Berhormat. Saya teruskan. Antara langkah lain juga kita memperkembangkan lagi sistem penyampaian khidmat, *delivery system*, yang mana dapat mengurangkan kos kendalian perniagaan serta memantapkan keyakinan para pelabur dan pengguna awam, termasuk apa yang Yang Berhormat katakan tadi, bersama dengan membangunkan modal insan, *human capital*, dengan izin, yang berproduktiviti tinggi sebagai pemangkin pertumbuhan.

Usaha ini berupaya untuk mempertingkatkan lagi daya saing dan daya tahan negara serta memperkukuhkan lagi asas-asas ekonomi negara. Kerajaan yakin melalui langkah dan strategi yang dilaksanakan itu ekonomi negara akan terus berkembang dan insya-Allah kita akan mencapai kadar pertumbuhan sebanyak 6% bagi tahun 2005.

Dengan adanya asas-asas yang kukuh negara akan lebih bersedia menghadapi cabaran di masa akan datang. Di samping itu kerajaan juga sedang menggubal dasar dan strategi bagi Rancangan Malaysia Kesembilan yang akan mengambil kira perkembangan-perkembangan antarabangsa yang tidak menentu.

Rancangan Malaysia Kesembilan yang akan meliputi tempoh tahun 2006 – 2010 ini akan dilaksanakan bagi memperteguhkan pertumbuhan ekonomi dan menjana

kesejahteraan. Saya yakin asas-asas pertumbuhan ekonomi yang teguh dibina sejak kejayaan kita menangani krisis-krisis yang lalu akan membolehkan negara menghadapi cabaran-cabaran mendatang.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bintulu ingin mengetahui mengapakah peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Lima Tahun yang diluluskan oleh Dewan Rakyat tidak diberi terus kepada kementerian-kementerian berkaitan, tetapi semuanya diserahkan kepada Kementerian Kewangan. Seperti yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat rancangan pembangunan negara kita secara jangka panjang iaitu Rancangan Malaysia Lima Tahun telah dibentang dan diluluskan oleh Parlimen.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Kinabatangan bangun.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya cuma hendak tahu bagaimana kemampuan negara kita dalam menangani krisis kewangan dan saya meminta kerajaan *transparent* menyatakan kemampuan kita. Kalau tidak boleh kenapa kerajaan tidak meminjam dengan Bank Dunia dan sebagainya untuk memastikan bahawa projek-projek dalam negara kita sentiasa berjalan terus, sebab saya melihat Amerika sendiri pun mempunyai hutang luar lebih kurang USD3 trillion.. Jadi kenapa kita tidak membuka langkah sedemikian untuk memastikan bahawa program pembangunan kita berjalan terus.

Saya juga bersetuju dengan cadangan daripada Yang Berhormat Bintulu rakan saya, iaitu kalau boleh Kementerian Kewangan mengkaji semula untuk memberi kembali kuasa kepada Menteri-menteri dalam menentukan mungkin peruntukan RM20 juta ke bawah atau RM5 juta ke bawah diagihkan melalui kementerian masing-masing dan tidak dikawal iaitu *centralize* oleh Kementerian Kewangan. Sebab ini menyusahkan bukan sahaja kementerian itu bahkan keseluruhan pentadbiran negara kita. Jadi saya minta Timbalan Menteri memberi penjelasan secara telus bagaimana kemampuan negara kita. Kalau kita tidak mampu dalam menghadapi senario kewangan masa kini kenapa kita tidak meminjam dengan negara-negara luar. Terima kasih.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Terima kasih sahabat saya dari Kinabatangan. Sebenarnya dari segi kemampuan mengatasi krisis dan masalah, alhamdulillah negara kita kalau kita bandingkan dan kita lihat rekodnya mampu dan

berkesan cuma untuk meminjam dan sebagainya, dasar negara kita juga berkali-kali diingatkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan bahawa kita tidak mahu membebankan negara dan rakyat di masa akan datang. Kita harus berbelanja secara berhemah dan sebagainya.

Mengenai perkara kedua yang dibangkitkan tadi, insya-Allah akan saya jawab Yang Berhormat. Rancangan Lima Tahun ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kedua-duanya bangun Yang Berhormat. Kedua-dua dengan Sri Gading.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Saya tidak habis lagi isunya.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tidak mengapa, isu tidak akan habis. Kementerian Kewangan ini adalah kementerian yang penting.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat hendak beri siapa?

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Silakan, Sri Gading.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Menteri. Kita kadang-kadang bingung. Bingung kita. Sama ada kita ini ditipu dan sebagainya. Kerajaan kata ada duit, tetapi bila kita minta peruntukan ditolak. Apa ini? Satu, jawab baik-baik itu Timbalan Menteri. Yang sedap Menterilah jawab barulah 'ngam' kata orang. Kita cakap sudah berkali-kali dalam Parlimen ini Menteri berkenaan menjawab ini dibebankan kepada Timbalan Menteri. Timbalan Menteri bukannya ada kuasa sangat. Jawab ikut skrip inilah yang susah. Bagi Menteri yang betul-betul berwibawa biar dia bersoal jawab dengan kita. Ini Parlimen tempat yang mulia, ini tempat kita berbahas.

Yang kedua, ini rancangan Malaysia kita pun kadang-kadang pelik. Kita diajak berbincang, berfikir dan berbahas hendak mengatur rancangan Malaysia bagi satu tempoh, misalannya untuk Rancangan Malaysia Kesembilan. Kita diajak mengeluarkan pendapat, mengeluarkan fikiran, mengeluarkan cadangan dan macam-macam rupanya kewangan yang akan sampai hendak sempurnakan Rancangan Malaysia Kelapan yang tergendala. Ini Rancangan Malaysia Kesembilan apa? Timbalan Menteri apa benda? Jadi maknanya Rancangan Malaysia Kesembilan ini masih lagi kewangan yang kita pakai hendak selesaikan Rancangan Malaysia Kelapan

yang belum selesai. Jadi kita ini apa? Apakah kita menipu diri kita sendiri? Inilah soalnya. Kita bincang lama macam hendak pecah memikirkan, macam-macam harapan rakyat di bawah kita bawa ke atas rupanya hendak bayar Rancangan Malaysia Kelapan yang belum selesai. Jadi rakyat yang tahu bahawa wakil rakyatnya membawa masalah ke Dewan yang mulia ini rupa-rupanya indah khabar daripada rupa. Kami Ahli Parlimen ini silap-silap macam bermimpi di siang hari. Di mana lagi, di mana Dewan yang paling besar, yang lebih berkuasa kalau tidak di Dewan ini. Ini Timbalan Menteri kena jawab baik-baik kalau tidak jawab dengan baik saya akan bangun lagi.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Terima kasih Yang Berhormat Sri Gading. Pertamanya saya ingin sampaikan bahawa Menteri Kewangan memang berhajat untuk menggulung sendiri kepada Yang Berhormat, tetapi pada masa ini Menteri Kewangan I berada di luar negara atas urusan negara dan Menteri Kewangan II pun berada di luar negara atas urusan negara. Dan saya bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa perancangan kewangan negara kita sejak merdeka malah sebelum merdeka diperkuatkan lagi selepas merdeka dengan sistem Rancangan Lima Tahun dan bajet tahunan dibincang dan diluluskan oleh Dewan ini. Saya percaya ia sangat berjaya dan tentu sekali setiap tahun ada perubahan, ada pembetulan, ada peningkatan yang perlu kita buat dan pemikiran serta cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan kita yang mulia ini sangatlah diambil kira oleh kementerian.

Begitu juga dengan perancangan setiap tahun tentu sekali tidak lengkap, contoh yang dikatakan projek sambungan untuk RMK-8 yang akan habis penghujung tahun ini tentu sekali bajet perlu kita bawa ke hadapan untuk kita lengkapkan, untuk kita siapkan. Saya bagaimana Yang Berhormat juga, kita di Kementerian Kewangan membawa kepada Dewan atas cadangan serta perancangan yang telah dilengkapkan oleh kementerian-kementerian masing-masing.

Yang Berhormat izinkan saya untuk meneruskan.....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Datuk tidak menjawab soalan saya. Lari. Saya bukan tidak faham.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat minta dengan kementerian.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya sudah lima penggal menjadi wakil rakyat. Saya pernah jadi *Exco* negeri. Saya pernah jadi wakil peribadi Perdana Menteri saya faham ini. Janganlah hendak belit-belitkan cerita. Soalnya bukan kami tidak faham ada projek sekolah katakan tidak siap dibuat, okey, sambung tetapi mengapa tidak *revert* dia punya duit? Peruntukan tidak pergi ke depan tetapi ambil peruntukan Rancangan Malaysia Kesembilan untuk bayar Rancangan Malaysia Kelapan yang belum selesai, inilah masalah yang saya katakan Perancangan Lima Tahun itu tidak sebenarnya lima tahun. Ini yang jadi masalah. Jawablah baik-baik. Yalah, saya tahu Perdana Menteri ada di luar, Menteri Kewangan II pun keluar juga? Takkanlah semua Menteri keluar sewaktu perbahasan ini. Baliklah, ini Parlimen lebih penting daripada luar negeri, boleh wakillah. Perdana Menteri okey, kita tidak sentuh dia ketua negara tetapi Menteri yang lagi satu, buat apa Menteri sampai dua tiga orang dalam satu jabatan, buat apa? Semua hendak keluar negeri. Parlimen yang mulia ini tinggal. Kalau kami tinggalkan Parlimen semua pemimpin marah kenapa *Backbencher* keluar negeri ataupun tidak datang ke Parlimen. Menteri tidak datang ke Parlimen siapa hendak marah? Kamilah nak marah.

*[Dewan riuh rendah]*

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya teruskan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, silakan Yang Berhormat.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Apabila diluluskan oleh Parlimen peringkat peruntukan ataupun siling perbelanjaan termasuk apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sri Gading tadi, peringkat itu peruntukan ataupun siling perbelanjaan bagi setiap kementerian secara dasarnya telah ditetapkan. Berikutnya apa yang dilakukan oleh Kementerian Kewangan hanyalah mengagihkan siling perbelanjaan tersebut kepada Kementerian-kementerian yang berkenaan setiap tahun melalui bajet tahunan berasaskan keperluan aliran tunai projek tersebut serta kemampuan kewangan kerajaan pada tahun tersebut. Di samping itu ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kinabatangan bangun Yang Berhormat.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Saya habis dua ayat Yang Berhormat. Di samping keperluan membentangkan dan meluluskan bajet pembangunan pada setiap tahun adalah juga bagi mematuhi kehendak undang-undang di bawah Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966. Sila Yang Berhormat Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Menteri. Saya mahu tahu sama ada kerajaan sedar atau tidak bahawa pada ketika ini terdapat kontraktor yang besar dan yang kecil sudah tidak ada pekerjaan. Ramai di antara kontraktor kita ini diisytihar mufliis sebab tidak ada kewangan. Sebentar tadi Timbalan Menteri menjelaskan kita mampu, kalau mampu kenapa kontraktor-kontraktor ini jadi mufliis? Kenapa tidak ada pekerjaan yang boleh disediakan oleh kerajaan? Ada *letter of intent* pun dapat kemudian. Habis itu diam-diam. Saya mahu tahu siapa yang berkuasa EPUKah atau Kementerian Kewangan dalam menyelaras program-program, projek-projek dalam negara kita? Terima kasih.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Kita dijelaskan oleh Menteri Kewangan bahawa pertumbuhan sektor pembinaan pada tahun 2004 memang agak tidak memberangsangkan dengan izin, *minus* 2.9. Walau bagaimanapun, sebenarnya pertumbuhan yang sewajarnya oleh kerana pada awal Rancangan Malaysia Kelapan kita telah dijelaskan pertumbuhan pesat di bidang pembinaan adalah untuk menjana ekonomi pada ketika itu. Kemampuan negara untuk berbelanja berhemah serta prioriti projek dijelaskan dengan baik kerana kita hendak melangkah Rancangan Malaysia Kesembilan, insya-Allah hasil kita semua merancang supaya suasana yang lebih baik dan sebagaimana yang saya terangkan satu, dua, tiga, tadi dapat kita tingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Sri Gading bangun Yang Berhormat.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Saya faham Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya hendak dalam soal ini juga.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Hendak beri jalankah Yang Berhormat?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Kena bagi, apa tak bagi pulak. Kalau Timbalan Menteri tidak bagi siapa hendak bagi?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat kena cakaplah.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Sikit lagi, sikit lagi Yang Berhormat Sri Gading. Sila, sila.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Sedikit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Terus kan Yang Berhormat Sri Gading.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Yang di bawah ini kontraktor-kontraktor terutama kelas 'F' sudah lama macam hendak gulung tikar dah. Tidak mampu bayar kereta, tak mampu bayar *office*, macam-macam. Kerajaan kena beranilah berbelanja. Kerajaan kena berani belanja untuk menjadi satu rangsangan, untuk mengaktifkan perniagaan di bawah-bawah yang kelas 'F' kelas apa ni. Macam-macam kelas di bawah ini. Boleh tak? Kerajaan beranilah berbelanja tidak dapat elaklah. Tak tu kita punya... rakyat kitalah berhutang, berhutanglah apa masalahnya berhutang ni? Tidak ada negara tidak berhutang, macam kata Yang Berhormat Kinabatangan tadi Amerika pun berhutang USD3 trilion. Negara kaya pun berani berhutang apa masalah kita. Berhutang, berhutanglah untuk menjana ekonomi negara supaya rancak dan kemewahan itu akan dapat dikecapi oleh rakyat. Terima kasih Datuk.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Tuan Yang di-Pertua, saya faham dengan rakan-rakan kita, sebenarnya ini hendak melambangkan lagi kekuatan perjuangan kita. Saya pun macam Sri Gading juga, macam Kinabatangan juga. Tetapi dalam sistem menguruskan kewangan negara ini, apa yang sebenarnya kita berada di ambang hujung RMK-8 dan perancangan akan masuk tahun depan untuk RMK-9.

Jadi, izinkan saya untuk memperjelaskan dulu apa yang dibangkitkan sepanjang kita berbahas dahulu kerana banyak perkara yang saya hendak sentuh ini dan masa yang sedikit sebenarnya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri akan menggulung untuk setengah jam lagi pada pukul 12.00 nanti untuk Kementerian Pertahanan. Jadi, izinkan saya Yang Berhormat ya?

Yang Berhormat Ayer Hitam dan...

**Beberapa ahli:** *[menyampuk]*

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Saya percaya Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pun berada di sini akan mendengar dan juga mengambil berat soal apa yang kita bangkitkan di Dewan ini.

Yang Berhormat Ayer Hitam dan Beluran telah membangkitkan tentang kelewatan mengeluarkan waran peruntukan dan pemotongan peruntukan yang disalurkan kepada kementerian dan jabatan serta agensi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, kena beritahu hendak bagi jalan atau tidak?

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Yang Berhormat, izinkan, sebab kita sudah ada peluang berucap sebelum pada ini, jadi ini peluang untuk kita menggulung.

**Seorang ahli:** Berucap tetapi tidak jawab.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Ya, ya, izinkan saya untuk...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dia belum panggil, sila duduk.

**Tan Sri Dato' K.S. Nijhar:** Sedikit, sedikit sahaja.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Ya?

**Tan Sri Dato' K.S. Nijhar:** Sedikit sahaja.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Saya ingin teruskan dulu Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dia belum bagi Yang Berhormat, sila duduk.

**Beberapa ahli:** *[Menyampuk]*

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Kewangan mengeluarkan waran am sebaik sahaja Akta Perbekalan tahunan diluluskan oleh Parlimen dan diwartakan sebelum tahun kewangan bermula.

Contohnya bagi tahun kewangan 2005, waran am telah dikeluarkan pada 30 Disember 2004. Adalah menjadi tanggungjawab kementerian untuk mengeluarkan waran kecil ataupun *subwarrant* sebaik sahaja menerima waran am ini. Bermakna pada

awal, seawal 2 Januari 2005 kementerian-kementerian bolehlah mengeluarkan *subwarrant* untuk berbelanja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Subang bangun pula Yang Berhormat.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Tuan Yang di-Pertua,

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Nak bagi jalan?

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Saya habiskan dulu Yang Berhormat. Yang Berhormat Subang Jaya banyak sebab saya nak jawab yang telah dibangkitkan di dalam ucapan- Titah Ucapan Diraja Tuanku.

**Tan Sri Dato' K.S. Nijhar:** Ini nak tolong Yang Berhormat sikit tentang peruntukan yang dibangkitkan oleh, isu peruntukan yang dibangkitkan oleh Sri Gading.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Terima kasih, sikit lagi, sikit lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, dia belum lagi, biar dia habiskan dulu.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Dalam setiap bajet tahunan, setiap kementerian diberikan peruntukan di peringkat program, aktiviti dan projek setelah ia diperhalusi, dipersetujui dan diluluskan di peringkat Parlimen. Kementerian boleh berbelanja setakat yang diperuntukkan. Peruntukkan hanya disekat sekiranya sesuatu program, aktiviti atau projek itu ditangguhkan atau dibatalkan sahaja. Sila Yang Berhormat.

**Tan Sri Dato' K.S. Nijhar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga kepada Timbalan Menteri. Tadi Yang Berhormat Sri Gading menyentuh isu tentang peruntukkan yang berkaitan dengan pembangunan di kawasanya dan di kawasan lain-lain. Bagi saya, saya melihat Yang Berhormat tidak menjawab soalan itu secara lisan. Saya nak tanya kalau jawapan itu boleh diberi secara bertulis kepada Yang Berhormat Sri Gading dan lain-lain. Terima kasih.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Yang Berhormat Ayer Hitam juga berpandangan Kementerian Kewangan perlu memantapkan pengurusan kewangan supaya hasil mencukupi untuk membangunkan negara. Usaha-usaha memantapkan pengurusan kewangan Kerajaan Persekutuan merupakan keutamaan yang berterusan bagi Kementerian Kewangan. Kementerian sentiasa berusaha mengenal pasti sumber

hasil baru dan kutipan hasil yang lebih berkesan menjadi fokus semasa di samping memastikan perbelanjaan dilakukan secara berhemah dan berkesan serta menepati sasaran yang dirancang.

Sehubungan dengan ini, Kementerian Kewangan sedang mengambil langkah-langkah menambah baik secara berterusan sistem pengurusan kewangan yang sedia ada dan tumpuan terhadap perkara-perkara berikut:

- (i) meningkatkan lagi keberkesanan proses pemantauan dan penyeliaan oleh Ketua Jabatan terhadap pegawai-pegawai yang terlibat secara langsung di dalam pengurusan kewangan;
- (ii) mengkaji cara-cara menggunakan sumber-sumber kewangan secara optimum supaya dapat mengurangkan kos operasi.
- (iii) mengukuhkan peranan dan fungsi audit dalam di agensi-agensi kerajaan dan membantu pegawai-pegawai pengawal untuk memastikan sistem kewangan yang mantap dan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Ayer Hitam ada mencadangkan supaya Kementerian Kewangan menurunkan kuasa membuat keputusan mengenai tender kerajaan. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kewangan memang telah melaksanakan langkah-langkah menurunkan kuasa dalam urusan tender kerajaan bagi mempercepatkan pelaksanaan projek dan memudahkan lagi proses perolehan kerajaan. Langkah penurunan kuasa yang pertama telah dilaksanakan oleh kementerian pada tahun 1995, seterusnya pada tahun 2001, langkah penurunan kuasa yang kedua telah pun dilaksanakan dengan meningkatkan lagi hak nilai perolehan secara tender terbuka yang boleh diputuskan oleh Lembaga Perolehan Agensi di peringkat kementerian ataupun jabatan daripada RM30 juta kepada RM50 juta pada hari ini. Perolehan kerajaan untuk bekalan pula telah ditingkatkan daripada RM15 juta kepada RM30 juta, manakala bagi tender terhad Lembaga Perolehan Agensi tersebut telah diberikan kuasa untuk menimbangkan perolehan yang bernilai sehingga RM5 juta.

Sebelum ini kuasa ini tidak diberikan, di samping itu Lembaga Perolehan diberikan di peringkat negeri yang menerima peruntukan Kerajaan Pusat juga telah diberi kuasa membuat keputusan terhadap perolehan kerajaan bernilai 20 juta daripada RM10 juta sebelum ini secara standard terbuka.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Bintulu bangun Yang Berhormat.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** .....manakala RM1 juta secara tender terhad di mana sebelum ini tidak ada sama sekali. Sila Bintulu.

**Dato' Seri Tiong King Sing:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat, saya ada sedih sikitlah, saya rasa sudah banyak perkara saya bahas dalam Dewan yang mulia ini tidak dapat dijawab langsung.

Jadi, saya ada dengar Yang Berhormat jawab tadi kata kuasa memang sudah turun, tetapi kita kuasa tender-tender itu memang ada turun kepada agensi atau kementerian-kementerian. Jadi, saya mahu bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, sama ada sedar atau tidak selalu kuasa walaupun ada, sampai *final decision* mesti mahu bawa apa-apa perkara, mesti mahu balik semula kepada Kementerian Kewangan untuk membuat keputusan, ini bukan kira *double standard*kah? Silakan, bagi penjelasan.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Saya rasa itu tidak berkaitan dengan jawapan yang telah dijelaskan tadi saya rasa kita telah pun jelas Yang Berhormat. Berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh Bintulu, masih ada lagi yang belum dijawab.

Berhubung soalan Ahli Yang Berhormat bagi Ayer Hitam tadi juga supaya dipastikan penyediaan spesifikasi dan penilaian terbaik bagi mengelakkan tuntutan perubahan kerja ataupun V.O yang tinggi, aspek ini sememangnya telah diberi perhatian. Untuk makluman penyediaan spesifikasi salah satu proses dalam urusan tender telah dilakukan oleh Jawatankuasa Spesifikasi yang keahliannya terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga pegawai yang mahir dalam bidang berkaitan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sri Gading bangun Yang Berhormat.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Jawatankuasa Penyediaan Spesifikasi adalah yang bertanggungjawab menyediakan kriteria-kriteria penilaian. Sri Gading, izinkan saya habiskan ini dulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sila duduk Sri Gading.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Penilaian tender-tender pula dilakukan oleh dua jawatankuasa berasingan, iaitu Jawatankuasa Penilaian Teknikal dan Jawatankuasa Penilaian Kewangan bagi tender bekalan dan perkhidmatan. Manakala bagi tender kerja hanya satu jawatankuasa terlibat iaitu Jawatankuasa Penilaian yang terdiri daripada pegawai-pegawai mahir, berpengalaman dan berkelayakan.

Mengenai *variation order*, dengan izin, agensi hanya dibenarkan menimbang perubahan kerja setakat 30% daripada nilai kontrak diputuskan oleh jawatankuasa yang ditubuhkan oleh agensi. Kelulusan Kementerian Kewangan perlu diperolehi bagi perubahan kerja melebihi had berkenaan. Sila.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak minta, bagilah kebebasan yang seluas-luasnya. Parlimen ini ialah tempat perbahasan, tempat kita melahirkan apa sahaja yang berkaitan dengan rakyat. Apabila jawapan tidak menepati, kami hendak bawa balik kepada rakyat ini agak sukar. Dalam Dewan ini soalan yang dibangkitkan, katakanlah macam Ahli Yang Berhormat bagi Bintulu tadi, jawapan yang diberi tidak sampai dan tidak dapat menjelaskan apa yang dimusykilkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Bintulu. Saya berharap menteri atau timbalan menteri yang menjawab biarlah jawapannya dapat menyelesaikan masalah yang dibangkitkan. Berilah kami sesuatu jawapan yang amat bernas dan ini menguntungkan parti dan menguntungkan kerajaan. Ini juga memberikan keuntungan kepada kami supaya membawa hujah yang baik itu kepada rakyat supaya rakyat faham. Inilah politik dan inilah demokrasi.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap tolonglah ingatkan kepada menteri-menteri dan timbalan menteri yang menjawab supaya menjawab dengan sebenar-benarnya mengikut apa yang disoal dan berikan penjelasan yang terang. Jangan cuba hanya hendak menjawab selepas itu jawapan kabur, samar - kami makin samar, makin kabur, ini masalahnya. Saya minta maaf, minta maaf Timbalan Perdana Menteri ada di sini, minta maaf. Sila.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Terima kasih Sri Gading. Saya mengatakan tadi jawapan panjang lebar mengenai penurunan kuasa kepada agensi dan juga kementerian jelas tidak ada lagi penarikan kepada penurunan kuasa itu. Itu tidak

ada kaitan dengan Pekeliling Perbendaharaan. Kemungkinan-kemungkinan berlaku itu di luar....kalau saya hendak jawab kepada Yang Berhormat untuk dibawa ke bawah kepada rakyat mungkin tidak betul sebab tidak ada lagi pekeling untuk membatalkan penurunan kuasa itu. Saya harap ini faham dan jelas kepada kita.

**Dato' Seri Tiong King Sing:** Mana ada?

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Itu andaian yang mungkin Yang Berhormat keluarkan di Dewan ini, saya tidak boleh jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, ada yang minta laluan.

**Dato' Seri Tiong King Sing:** Contoh, contoh, bagi contoh.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Sila, sila, sila. Saya tidak boleh jawab kepada andaian, Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, ya Yang Berhormat sila, teruskan.

**Dato' Seri Tiong King Sing:** Contohnya, katakanlah JKR, kalau sudah habis tender dan Lembaga Tender pun sudah buat keputusan tetapi *final* kelulusan mestilah daripada Kementerian Kewangan. Kementerian Kewangan mesti bersetuju dahulu barulah boleh keluar *letter of award* dan naik balik kepada Kementerian Kewangan. Jadi apa bikin *tender board* itu ada pegawai daripada Kementerian Kewangan?

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Okey, Yang Berhormat sila kemukakan kepada saya yang di luar pekeling berkenaan yang masih tidak diikuti ataupun sebagainya, sila angkat kepada menteri untuk kes tertentu, kes khusus mengenai perkara-perkara yang dibangkitkan. Saya tidak mungkin untuk menjawab soal-soal yang diandai ataupun soal-soal yang tidak tahu di Dewan yang mulia ini. Terima kasih Yang Berhormat, mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bintulu juga, Kementerian Kewangan.....

**Puan Chong Eng:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila teruskan Yang Berhormat, yang lain diam.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** ....Terlalu menumpukan tentang pemantauan projek yang merupakan tugas kementerian. Untuk makluman Yang

Berhormat pemantauan projek pembangunan sebenarnya adalah di bawah bidang tugas unit penyelarasan pelaksanaan ICU di Jabatan Perdana Menteri dan kementerian masing-masing. Kementerian Kewangan hanya memantau projek-projek yang mempunyai kepentingan khususnya perolehan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan sahaja bagi memastikan ia dilaksanakan dengan segera serta mematuhi peraturan kewangan sedia ada. Aspek pematuhan ini juga menyentuh berkenaan pentadbiran kontrak dan sewajarnya agensi pelaksanaan memastikan perkara yang terkandung dalam dokumen kontrak di hormati dan dipatuhi oleh semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Ayer Hitam mencadangkan supaya insentif atau potongan cukai disediakan kepada IPTS yang berjaya memperdagangkan atau mengkomersialkan hasil R&D. Adalah dimaklumkan penyelidikan daripada IPTA dan IPTS diberi pengecualian cukai pendapatan sebanyak 50% selama 5 tahun berturut-turut daripada tarikh bayaran pertama yang diterima di atas R&D ataupun perkara yang dibangkitkan.

Yang Berhormat bagi Larut melahirkan kebimbangan mengenai amaun pinjaman yang tidak berbayar berjumlah RM730 juta di bawah Skim Kredit Mikro dan berharap dapat mencari kaedah kutipan bayar balik yang lebih baik. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga akhir Februari 2005 amaun pinjaman tidak berbayar ataupun MPL bagi skim kredit mikro adalah hanya berjumlah RM190.94 juta iaitu RM142.32 juta oleh Bank Simpanan Nasional dan RM48.62 juta oleh Bank Pertanian Malaysia. BSN dan Bank Pertanian telah mengambil beberapa langkah bagi mengatasi masalah ini, antaranya:

- i) mewujudkan *core center* dan pegawai penyelidikan, penyeliaan dengan tumpuan menghubungi setiap peminjam yang tertunggak melalui telefon;
- ii) menghubungi dan bekerjasama dengan pihak persatuan untuk mendapatkan maklumat pelanggan bagi meminta bayaran;
- iii) membuat lawatan ke tapak projek dan premis kediaman peminjam yang mana pinjamannya masih lagi tertunggak bagi tujuan *outdoor collection*, dengan izin;
- iv) mengeluarkan surat peringatan pertama, kedua dan terakhir kepada peminjam yang mana pinjamannya masih mengalami tunggakan;

- v) mengeluarkan surat peringatan peguam, surat gesaan daripada peguam kepada pinjaman yang masih tertunggak dengan tempoh notis 7 hari;
- vi) meluluskan tindakan penguatkuasaan undang-undang dan mengeluarkan notis tuntutan ke atas keseluruhan bagi pinjaman melalui panel peguam; dan
- vii) sekiranya tidak ada sebarang perkembangan positif maka diteruskan tindakan saman sehingga kehakiman diperolehi ke atas peminjam.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Subang telah mencadangkan supaya Skim Kredit Mikro diteruskan kerana dapat menjana pendapatan yang membantu perkembangan ekonomi negara. Skim pinjaman Skim Kredit Mikro ini telah dilaksanakan sejak 2003 sempena pelancaran pakej rangsangan ekonomi negara sehingga akhir 2005. Sejumlah 2.55 bilion permohonan pinjaman telah diterima. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM939.87 juta telah diluluskan manakala sejumlah RM922.71 juta telah dikeluarkan. Bagi meneruskan skim pinjaman ini Kementerian Kewangan kini sedang mendapatkan maklum balas dari pelbagai pihak bagi mencadangkan satu sistem mikro kredit yang lebih berkesan ditunjukkan pada masa akan datang.

Mengenai penubuhan Bank Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana, Yang Berhormat bagi Ayer Hitam dan Teberau membangkitkan keperluan bank mengambil kira keperluan-keperluan pengusaha IKS dan fungsi bank kelak berbeza dengan bank yang sedia ada. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Bank IKS akan mempunyai struktur organisasinya sendiri bagi melaksana agenda pembangunan sektor IKS dan usahawan bumiputera dengan memberi penumpuan terhadap keperluan IKS seperti perkhidmatan pembiayaan, khidmat nasihat, teknikal dan pengurusan. Sebagaimana institusi kewangan pembangunan yang lain, Bank Pembangunan IKS adalah tertakluk kepada Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 yang dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Yang Berhormat bagi Ayer Hitam seterusnya telah membangkitkan beberapa kelemahan sektor kewangan seperti pinjaman diberi kepada sektor yang menguntungkan sahaja dan ada *collateral*, lewat memproses permohonan pinjaman, bank perdagangan tidak faham isu-isu yang dihadapi oleh IKS, mutu perkhidmatan

rendah dan tidak mematuhi garis panduan mengenai caj yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia serta penggunaan MEP *cash* masih terhad. Sebagai perantaraan kewangan institusi perbankan bertanggungjawab memastikan pinjaman yang diberi dibayar balik demi menjaga kepentingan pendeposit. Cagaran bukanlah merupakan kriteria utama dalam menilai permohonan pinjaman yang diperlukan sebagai alternatif terakhir bagi mengurangkan risiko kredit pinjaman.

Mengenai tempoh memproses pinjaman, Bank Negara Malaysia pada tahun 1959 telah mengeluarkan arahan kepada institusi perbankan supaya mempamerkan piagam pelanggan mengenai memproses permohonan pinjaman. Secara amnya tempoh memproses pinjaman adalah satu bulan daripada tarikh maklumat lengkap diterima oleh IKS. Oleh itu apa yang penting ialah permohonan harus mengemukakan maklumat yang lengkap semasa membuat permohonan pinjaman supaya pemprosesan pinjaman tidak mengalami kelewatan.

Pada akhir 2004, pinjaman kepada PKS merangkumi 40.3% daripada jumlah pinjaman bagi perusahaan perniagaan. Dalam tahun tersebut, institusi perbankan telah meluluskan pinjaman berjumlah RM31.6 bilion kepada Perusahaan Kecil Sederhana (PKS), iaitu merupakan peningkatan sebanyak RM21.9% berbanding pada tahun sebelumnya. Manakala, sejumlah RM100.4 bilion pinjaman telah dikeluarkan kepada PKS termasuk pinjaman yang telah diluluskan sebelum tahun 2004 oleh institusi perbankan, iaitu peningkatan sebanyak RM15.3% berbanding tahun 2003.

Pertumbuhan ketara dalam pinjaman kepada PKS mencerminkan peningkatan fokus institusi perbankan kepada PKS di samping pelbagai insentif yang diambil oleh Bank Negara Malaysia bagi meningkatkan akses PKS kepada pembiayaan. Bank Negara Malaysia sentiasa menitikberatkan tahap kecekapan serta mutu perkhidmatan yang diberi oleh institusi perbankan dengan meletakkan tanda aras mutu perkhidmatan yang terbaik dan telah mengarahkan bank-bank perdagangan dan syarikat kewangan agar menawarkan akaun simpanan asas dan akaun semasa asas kepada semua warganegara Malaysia termasuk pemastautin tetap.

Pelanggan yang masih tidak berpuas hati dengan mutu perkhidmatan institusi perbankan, boleh mengemukakan aduan kepada unit aduan yang ditubuhkan di setiap institusi perbankan. Jika aduan tersebut masih tidak dapat diselesaikan, pelanggan

boleh mengemukakan aduan tersebut terus kepada Bank Negara Malaysia untuk tindakan penyelesaian.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Jasin telah membangkitkan perkara mengenai subsidi diesel dalam perbahasan merangkumi cadangan untuk menghapuskan subsidi diesel dan menggantikannya dengan manfaat lain seperti mengurangkan cukai jalan. Sementara Yang Berhormat bagi Bentong pula mencadangkan supaya subsidi diesel diperluaskan lagi, kepada sektor yang belum menikmati subsidi ini seperti sektor pertanian dan sebagainya .

Sebagaimana yang Ahli Yang Berhormat sedia maklum, dengan peningkatan harga minyak mentah di luar kawalan kita yang sewajarnya. Harga diesel kepada pengguna menggambarkan kenaikan harga tersebut. Walau bagaimanapun, kerajaan setakat ini belum bercadang untuk menghapuskan subsidi diesel demi menjaga kepentingan rakyat sebagai pengguna. Namun, secara berperingkat-peringkat, kerajaan tiada pilihan melainkan menaikkan harga diesel bagi mengurangkan tanggungan subsidi.

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat bagi Bagan supaya kerajaan membekalkan subsidi diesel kepada nelayan, kemudahan tersebut telah pun dinikmati, disediakan dengan sepenuhnya melalui Persatuan Nelayan Kebangsaan, iaitu NIKMAT atau Persatuan Nelayan Kawasan. Bagi nelayan individu, kemudahan membekalkan diesel bersubsidi secara terus kepada mereka diberi jika nelayan berkenaan memiliki tidak kurang daripada 16 buah bot. Cadangan yang dikemukakan seperti untuk menurunkan cukai jalan sebenarnya telah dikaji tetapi buat ketika ini, didapati manfaat penjimatan daripada pengguna adalah tidak setimpal dengan manfaat subsidi diesel yang sedia ada. Matlamat kerajaan adalah untuk memastikan supaya kepentingan pengguna dan beban subsidi kepada kerajaan dapat diimbangi.

**Tuan Lim Hock Seng:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Bagan bangun.

**Tuan Lim Hock Seng:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya memang ada membangkitkan subsidi diesel kepada nelayan. Jikalau Yang Berhormat boleh bertanya kepada Ahli-ahli Parlimen, di

mana kawasan mereka ada nelayan, mereka tentu sependapat dengan saya bahawa subsidi diesel ini sebenarnya tidak sampai ke tangan nelayan-nelayan. Mereka tidak dapat beli diesel dengan harga subsidi. Mereka terpaksa membeli diesel dari lori-lori kecil atau pembekal-pembekal diesel dengan harga yang lebih tinggi.

Jadi, tujuan baik kerajaan tidak dapat dinikmati oleh mereka ini. Ada juga sesetengah nelayan, bot mereka tidak begitu besar. Jadi, mereka hendak memakai tong plastik untuk pergi ke *petrol kiosk* untuk membeli. Tetapi, *petrol kiosk* enggan menjual kepada mereka kerana takut ditangkap oleh pasukan penguat kuasa dan juga pernah berlaku di mana nelayan-nelayan dalam perjalanan membeli diesel dari *petrol kiosk* mereka ditangkap.

Jadi, apakah cara yang terbaik sekali untuk membantu nelayan-nelayan ini supaya mereka boleh dapat diesel yang murah, supaya mata pencarian mereka tidak terjejas? Terima kasih.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Bagan. Dasar kerajaan jelas. Subsidi itu untuk membantu nelayan dan dari segi pelaksanaan dan pemantauannya, itulah sekarang ini sedang dikawal oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri untuk memastikan penyelewengan subsidi ini tidak berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Bintulu juga membangkitkan elau Ahli-ahli Yang Berhormat yang perlu mendapat kelulusan Kementerian Kewangan dan berpandangan patut diserahkan kepada Parlimen.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Johor Bahru bangun.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang soal subsidi diesel. Mengapa masih lagi kerajaan berpendapat mesti ada dua harga bagi bekalan diesel? Tidakkah kerajaan memikirkan bahawa dengan keadaan dua harga dan perkara ini telah ditimbulkan dalam perbahasan tempoh hari. Dalam keadaan dua harga ini, akan menimbulkan satu keadaan yang songsang, di mana pastinya ada pihak yang menggunakan diesel, menjual harga diesel yang murah kepada pihak yang sanggup membayar harga yang dibeli.

Jadi, mengapa kerajaan tidak mengambil satu tindakan yang realistik bahawa menetapkan satu harga sahaja bagi penggunaan diesel? Jadi, tidaklah timbulnya penyeludupan di antara dalam negara dan juga penyeludupan keluar negara. Jadi, kalau kerajaan dan Kementerian Kewangan boleh memikirkan dan boleh mengambil keputusan yang tegas tentang soal harga diesel ini, ditetapkan satu harga sahaja, saya rasa masalah yang kita lihat, dapat kita selesaikan. Sekarang mungkin surat khabar tidak menunjukkan. Surat khabar yang saya baca iaitu dalam media bahasa Inggeris atau bahasa Melayu tidak mempamerkan masalah yang dihadapi oleh pelbagai pihak kerana disebabkan oleh dua harga ini. Tetapi, kalau surat khabar media bahasa Cina menunjukkan bahawa begitu banyak masalah yang telah terbit daripada keadaan dua harga. Terima kasih.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Johor Bahru. Saya percaya dasar kerajaan meletakkan subsidi kepada golongan tertentu untuk membantu menambahkan pendapatan mereka. Ini menyebabkan kita dapati pada hari ini, ada golongan ataupun ada pihak yang menyelewengkan subsidi itu dan menjadi masalah pada hari ini. Sebagaimana yang saya katakan tadi Yang Berhormat, jawatankuasa di peringkat kementerian, termasuk kementerian-kementerian yang terlibat untuk memastikan penggunaan ataupun masalah diesel ini dapat diselesaikan pada matlamat yang sebenarnya, termasuk cadangan Yang Berhormat tadi, sedang diambil kira dan sedang diperhalusi untuk dilaksanakan di peringkat kerajaan, di peringkat dasar. Jadi, ia akan menentukan harga sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Sri Gading bangun, Yang Berhormat. Ya, Sri Gading.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, minta maaf saya. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada di Dewan ini. Kita kadang-kadang tidak yakin jawapan daripada seorang Timbalan Menteri, lebih-lebih lagi kementerian yang lain.

Saya hendak minta Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada di sini. Kalau dalam Mesyuarat Kabinet, Menteri yang tidak hadir tidak boleh digantikan oleh

Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen - tidak boleh, mesti diganti oleh Menteri yang lain. Itu peraturan dalam Kabinet.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Kenapa di Dewan yang mulia ini kalau seseorang Menteri tidak dapat menjawab kementerianannya, Menteri yang lainlah diwakilkan baru *confident* kita, rasa kepercayaan kita kerana dijawab oleh seorang Menteri. Kenapa di Dewan yang mulia ini boleh Setiausaha Parlimen menjawab? [Tepuk] Kenapa? Tidakkah boleh Menteri lain, awak sudah jadi Menteri, kena bertanggungjawablah. Ini saya hendak menolong Timbalan Menteri supaya jangan jadi mangsa kepada masalah-masalah seperti ini. Kalau bolehlah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada di sini. Bawalah ke Kabinet, besok hari Rabu. Kalau Menteri yang berkenaan tidak boleh menjawab di Parlimen ini atas kementerianannya wakilkan kepada Menteri yang lain. Macam juga dalam Mesyuarat Kabinet. Menteri yang tidak datang tidak boleh digantikan oleh Timbalannya atau Setiausaha Parlimennya, mereka mesti diganti oleh orang yang bertaraf Menteri di kementerian lain bagi pihak.

Apakah Parlimen lebih rendah daripada Kabinet? Ini masalahnya. Ini Dewan yang mulia. Saya haraplah supaya tidak timbul masalah kesangsian kami atas jawapan-jawapan yang kadang-kadang samar, kadang-kadang tidak menepati soalan yang kami kemukakan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Tuan Yang di-Pertua,.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, banyak lagi?

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Saya pun tidak berhasrat untuk menyamakan jawapan saya ini kepada Yang Berhormat. Sebenarnya perkara yang dibangkitkan semasa ucapan telah dicatit, dihalusi setiap perkara dan dibincang, dan jawapan ini sebenarnya telah pun diluluskan di peringkat Menteri dan sama-sama bertanggungjawab ke atas soal ini. Tetapi soal yang dibangkitkan ataupun kita bersemangat membangkitkan semula terutamanya soal Kementerian Kewangan, kontrak, tender dan sebagainya. Tentu sekali perkara ini tidak dapat dan pegawai yang mencatat serta saya sendiri pun tidak dapat memenuhi hasrat dan suasana pada

ketika ini dan insya-Allah Yang Berhormat sama-sama kita pastikan sebenarnya pada Kementerian Kewangan setiap yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dicatat dan dikemukakan jawapan di dalam...apa yang saya baca ini adalah perbincangan yang diluluskan oleh Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, saya ringkaskan apa yang dibangkitkan pada.....

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan sedikit. Kalau sebentar tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa kedua-dua Menteri Kewangan berada di luar negeri. Jadi bila jawapan ini disiapkan dan diluluskan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan? *[Ketawa]*

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Terima kasih Yang Berhormat. Minggu lepas, yang semalam tidak ada. Yang dibangkitkan semalam hanya dua perkara. Sebelum daripada itu apa telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat telah pun dibincang di peringkat kementerian bersama-sama dengan Menteri Kewangan Kedua. Semalam beliau telah berangkat, memandangkan semalam tiada isu sangat yang berbangkit. Hanya dua perkara.....

**Tuan Chong Chieng Jen:** Minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Bandar Kuching.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Ya.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Patutlah semalam soalan yang saya timbulkan tidak dijawab dalam jawapan Timbalan Menteri. Yang saya kata itu berkenaan dengan diesel yang mempunyai dua harga itu. Rasional yang diberikan oleh Timbalan Menteri adalah kerana kementerian mahu subsidi dan segolongan rakyat yang perlukan subsidi. Tidak mahu subsidi itu untuk industri. Yang saya katakan dalam ucapan saya adalah, kita menyeragamkan minyak diesel pada harga diesel komersial dan terhadap industri-industri yang perlu menggunakan diesel untuk *production* mereka. Kita boleh membuat *adjustment* terhadap cukai pendapatan syarikat-syarikat yang terlibat dalam industri ini. Kajian boleh dibuat, kerana selepas sistem kuota diimplementasikan selama tiga bulan....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, hendak minta penjelasan atau hendak buat ucapan.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Ya, ya. Saya minta penjelasannya. Adakah dia akan mengimplementasikan saya punya cadangan. Ianya adalah menyeragamkan harga minyak diesel pada tahap diesel komersial dan menggunakan sistem tax, *taxation system* untuk mengambil balik wang subsidi-wang subsidi yang diberi kepada industri. Itu satu.

Keduanya, bilakah cadangan ini akan dilaksanakan memandangkan sistem kuota yang dijalankan oleh kerajaan yang selama tiga bulan tiada berkesan. Sebaliknya mereka yang benar-benar perlu subsidi itu menderita. Pemandu lori yang telah saya sebut kelmarin berbaris panjang empat kilometer tunggu beli diesel. Orang ramai yang memandu enjin diesel...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik Yang Berhormat, cukuplah.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Kerana dia nampaknya tiada masuk akal.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Belum sampai, Yang Berhormat mungkin belum sampai.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Tidak, tidak. Dia sudah mahu pindah tajuk.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Sila jawab.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Terima kasih Yang Berhormat Kuching.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Bandar Kuching, bukan Kucing.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Tuan Yang di-Pertua, *[Ketawa]* *[Dewan riuh]* insya-Allah sebenarnya.....

**Seorang Ahli:** Kejam mat Kuching.....

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Saya sudah kata tadi, oleh kerana masalah yang dihadapi oleh penyelewengan kepada subsidi diesel ini sedang dikaji dan akan ditentukan oleh kerajaan. Kita tunggu dan pendapat Yang Berhormat akan diambil kira. Tuan Yang di-Pertua, kepada soalan-soalan yang dibangkitkan...

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Kepong bangun.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Yang Berhormat bagi Kepong, saya banyak lagi. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri berada di sini dan beliau berkesempatan mungkin untuk bersama-sama dengan kita dan kita beri peluang nanti untuk Yang Berhormat dengan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, kepada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak sempat saya gulung di Dewan ini, insya-Allah kita akan hantar ataupun kita akan menjawab melalui secara bertulis kepada....yang lebih mustahak ini Yang Berhormat, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bintulu mengenai elaun Ahli-ahli Parlimen.

Elaun Ahli-ahli Parlimen yang diperuntukkan di bawah peruntukan Parlimen dan pembayarannya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat juga diuruskan oleh Parlimen. Kementerian Kewangan cuma menyediakan peruntukan tahunan sebagaimana yang dipohon oleh Parlimen. Kelulusan Kementerian Kewangan diperlukan kepada kes-kes tertentu sahaja. Seperti kes peruntukan tidak mencukupi atau pembayaran bil-bil yang dituntut bukan pada tahun semasa. Maka kita kena tuntutan cepat dan kita kena merancang memberitahu Parlimen supaya perancangan kita ini insya-Allah akan dapat memenuhi peruntukan tahun semasa.

Tuan Yang di-Pertua, pada.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Sri Gading.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Yang Berhormat jangan panjang sangat.

**Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz:** Cuba jawab Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Menteri cuba jawab benda yang betul-betul kita yakin. Boleh naik, tidak boleh naik? Kami sudah merayu dengan alasan-alasan elaun untuk wakil rakyat sudah tidak cukup. Tidak cukup, beban yang dipikul oleh wakil rakyat begitu besar. Bagilah jawapan yang sebenar-benarnya. Macam mana sebenarnya? Apakah diberi kuasa kepada Parlimen, ok. Kalau diberi kuasa kepada Parlimen, lepas itu bawa kepada Kementerian Kewangan. Apakah Kementerian Kewangan akan luluskan? Janji, jawab.

Kalau diberi kepada Parlimen untuk menentukan dan lepas itu dihantar balik kepada Kementerian Kewangan, benda itu lulus, bagi jaminan. Saya minta Yang Berhormat bagi Johor Bahru ketua kami, kami akan bincang macam mana hendak menaikkan kami punya gaji.

Lepas itu Kementerian Kewangan, kalau berani jawablah, jawab hari ini. Lulus ok kita terima. Kalau tidak, jawapan itu kami tidak terima.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Tuan Yang di-Pertua, saya pun hendak bersama dengan Yang Berhormat bagi Sri Gading. Sebenarnya perkara yang dibangkitkan adalah perkara lain, bukan soal hendak menaikkan elaun. Soalnya prosedur pembayaran. Yang dibangkitkan dulu dijawab atas perkara yang membangkit. Soal kenaikan nanti, saya pun sama-sama sokong sebagaimana Yang Berhormat bagi Sri Gading bangkitkan.

**Ir. Hasni bin Haji Mohammad:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Ledang.

**Ir. Hasni bin Haji Mohammad:** Sedikit, satu minit pun tidak sampai. Sedikit sahaja. Tuan Yang di-Pertua, contoh. Johor menyumbang hasil yang besar kepada negara. Saya menyertai rombongan Kerajaan Negeri Johor mencari investor ke Dubai dan ke Mesir. Kita hendak tuntutan elaun ke luar negara, Parlimen kata Kementerian Kewangan tolak. Adakah ini dasar Kementerian Kewangan? Sekian, terima kasih.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Saya percaya soal tuntutan dan sebagainya berdasarkan garis panduan yang dikemukakan oleh kerajaan dan Kementerian Kewangan menolak ataupun meluluskan berdasarkan kepada garis panduan ataupun *claim* yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Sri Gading ada membangkitkan supaya kerajaan menambah ataupun memberi peruntukan yang lebih kepada NGO, terutamanya MERCY Malaysia di atas khidmat mereka di luar negara yang menaikkan imej negara, insya-Allah pandangan ini akan diambil kira. Untuk makluman Yang Berhormat, MERCY tidak pernah meminta bantuan kepada Kementerian Kewangan, walau bagaimanapun perkara ini akan diambil kira sebagaimana cadangan Ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya perkara-perkara yang tidak berbangkit Kementerian Kewangan akan berhubung ataupun menghantar terus kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan itulah sekadar yang dapat saya wakili kementerian. Terima kasih, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, kita sampai kepada Kementerian Pertahanan, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dijemput.

**12.12 tgh.**

**Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan [Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sama ada mereka telah menyentuh bidang tugas saya sebagai Menteri Pertahanan ataupun peranan saya sebagai Pengerusi Jawatankuasa Bencana Negara.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang telah saya janjikan pada sesi yang lalu bahawa saya akan bentang dalam Dewan ini secara terperinci jumlah kutipan Tabung Bencana Tsunami yang telah diusahakan oleh kerajaan dengan kerjasama pihak media dan juga jumlah yang kita terima secara langsung. Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk memperjelaskan butiran-butiran secara *detail* berkenaan dengan jumlah yang kita telah terima dan juga berkenaan dengan perbelanjaan yang telah kita keluarkan untuk tujuan-tujuan tertentu.

Bencana Tsunami telah melanda pada 26 Disember 2004 telah mendapat simpati secara meluas sama ada di kalangan masyarakat di Malaysia mahupun masyarakat antarabangsa. Pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan juga telah memainkan peranannya. Media massa juga telah melancarkan tabung dan kerajaan juga telah menerima secara langsung sumbangan-sumbangan yang telah diberikan untuk mengisi Tabung Tsunami Negara.

Dari segi kerajaan, kita telah memutuskan untuk memberi bantuan berbentuk bantuan permulaan wang ihsan atau bantuan segera kepada mangsa-mangsa Tsunami seperti berikut:

Kategori	Kadar (RM)
Kematian	21,000
Kecederaan	200
Berpindah ke pusat pemindahan	500
Nelayan yang hilang pendapatan	500
Rumah musnah	5,000
Rumah rosak	2,000
Bot besar yang rosak	3,000
Bot kecil yang rosak	1,000
Kerugian penternakan kerang dan lain-lain ternakan laut	500
Syarikat	12,000 (maksimum)
Hilang pendapatan petani	500
Bantuan sekolah menengah	300
Bantuan sekolah rendah	200
Kerosakan peralatan rumah	2,000 (maksimum) dan 1,000 (minimum)

Berdasarkan kepada kadar dan prinsip tersebut, jumlah yang telah dikeluarkan dari segi sumbangan wang ihsan ataupun sumbangan secara segera ialah sebanyak RM21,434,134.50.

Tuan Yang di-Pertua, secara terperinci jumlah itu adalah terbahagi mengikut tajuk-tajuk ataupun butiran-butiran yang saya sebutkan tadi. Saya tidak perlu hendak baca secara keseluruhannya tetapi sebagai contoh – untuk kematian dalam negeri, 68 orang, jumlah yang kita sudah keluarkan ialah RM1,428,000.00 dan kematian luar negeri pun dapat, ada 6 orang, jadi RM120,000.00 dan sebagainya. Ini semua di bawah butiran-butiran yang saya sebutkan tadi dalam bentuk wang segera yang telah pun kita keluarkan, jumlahnya ialah RM21,434,134.50.

Tuan Yang di-Pertua...

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat bagi Bera bangun.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Amat Berhormat Dato' Sri Timbalan Perdana Menteri, sebulan yang lepas di dalam berita TV3 terdapat beberapa aduan daripada nelayan di Kedah misalnya, yang mengatakan bahawa janji-janji yang sepatutnya ditunaikan kepada mereka belum diterima. Misalnya, dari aduan tersebut mereka menggambarkan bahawa bantuan untuk peralatan nelayan misalnya, masih belum diterima.

Rumah yang dijanjikan masih belum diterima, sedangkan kenyataan daripada pihak kerajaan semuanya telah pun dikeluarkan. Jadi apakah sebenarnya yang berlaku? Adakah bantuan yang disampaikan tidak sampai kepada sasaran ataupun sebenarnya mereka yang berbohong dalam kenyataan yang dikeluarkan di dalam laporan TV tersebut.

**Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, kita telah menetapkan supaya Kementerian Pertanian dan Asas Tani melalui LKIM mengambil tindakan berdasarkan kepada keputusan-keputusan yang telah dibuat oleh kerajaan. Umpamanya untuk bot rosak, saya sudah sebutkan tadi secara serta-merta, mereka akan dapat kalau bot besar, RM3,000 dan bot kecil RM1,000. Selepas itu kita telah tetapkan bahawa kita akan mengeluarkan sumbangan untuk membaik pulih bot itu secara kekal. Jadi kalau bot itu rosak sama sekali, kita akan buat bot yang baru dan kita akan gunakan sebahagian daripada peruntukan Tabung Bencana Negara, sebahagian daripada dana nelayan. Ini dasar yang kita telah tetapkan tetapi pelaksanaannya melalui LKIM.

Kalau sekiranya ada nelayan yang merasakan mereka tidak dapat sesuatu, adalah menjadi tanggungjawab mereka untuk merujuk kepada LKIM dan saya percaya kalau dirujuk kepada LKIM, kalau disiasat benar mereka layak, mereka akan dapat. Saya tidak pasti kalau secara umum melainkan saya dapat butir-butiran secara *detail* dan disiasat oleh LKIM dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, barulah saya boleh berbuat sesuatu ketetapan.

**Tuan Lim Hock Seng:** Minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Bagan.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Semalam saya ada membangkitkan di Tanjung

Piandang ada enam keluarga dan di Kuala Kurau ada 15 keluarga nelayan menternak ikan dalam sangkar dan kerajaan sudah memutuskan hendak memberi setiap keluarga, RM2,400 untuk pampasan tetapi sampai sekarang mereka belum lagi dapat. Saya berharap Yang Amat Berhormat boleh ambil perhatian dan bantuan itu diberikan kepada mereka. Terima kasih.

**Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Boleh Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Berhormat bagi saya butir-butir, saya akan serahkan kepada Kementerian Pertanian untuk mengambil tindakan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Sri Gading.

**Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Sri Gading? *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sri Gading, apa ada lagi?

**Seorang Ahli:** Macam-macam ada!

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Tidak ada kerajaan di dunia ini macam Kerajaan Barisan Nasional yang begitu baik. *[Tepuk]* Saya ucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato'....

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Itu soalan apa tu?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** .... yang mengetuai Jawatankuasa Bantuan Bencana ini dan alhamdulillah, Yang Amat Berhormat Dato' telah dapat menyempurnakan tugas yang mulia ini dengan pantas, segera. Cuma saya hendak bertanya sedikit sahaja, ada sedikit kelainan tetapi saya minta maaf. Kita memberikan bantuan segera, banyak, ikhlas dan bersungguh-sungguh kepada mangsa-mangsa tsunami di Aceh. Kita yang mula-mula sampai. Tetapi di Indonesia, rakyatnya diapi-apikan dan tergamak rakyat Indonesia memanggil kita ini sebagai 'maling'. Maling dalam bahasa Jawa ialah pencuri kerana peristiwa minyak di Lautan Sulawesi.

Apa sebenarnya hubungan kita - rakyat Indonesia diapi-apikan oleh sesetengah media dia dan sesetengah pemimpinnya supaya ganyang Malaysia, perang Malaysia. Jasa dan budi yang begitu luhur kita taburkan di Aceh seolah-olah tidak nampak, kita memberi peluang jutaan kepada rakyatnya mencari makan di sini, dengan layanan yang istimewa, tidak nampak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, nampaknya ada terkeluar sedikit daripada perkara yang dibangkitkan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya pun sudah cakap tadi, terkeluar sedikit tetapi Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri seorang yang bijaksana, keluar macam mana pun, dia dapat bendung. *[Ketawa]* Jadi Tuan Yang di-Pertua jangan bimbanglah, dia boleh jawab punya. Saya hendakkan penjelasan dia itu bagaimana sebenarnya, kedermawanan dan kebaikan kerajaan dan pemimpin-pemimpin Malaysia, itu maksud saya Tuan Yang di-Pertua. Dia jawab nanti surat khabar masuklah, itu yang saya hendak Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, selamat Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, baik, baik. *[Ketawa]*

**Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dia terkeluar sedikit hendak masuk balik dalam *court* tetapi pemerhatian Yang Berhormat bagi Sri Gading itu memang melambangkan sentimen kita sebenarnya. Tetapi apa yang kita faham rakyat Indonesia keturunan Aceh memang menghargai amat sangat sokongan dan bantuan kita. Saya pergi sana dan bercakap dengan beberapa orang rakyat biasa, mereka sampai kata pada saya, jangan balik, biar kekal di situ bantuan kita dengan pasukan tentera kita di situ. Jadi, itu menunjukkan dari segi rakyat, memang mereka amat menghargai bantuan kita. Tetapi bila masuk soal pertimbangan politik dan sebagainya, jadi lainlah Yang Berhormat, ini biasalah kan.

Jadi, dari segi ...

**Tuan Salahuddin bin Ayub:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah Yang Berhormat, Kubang Kerian bangun.

**Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Oh, Kubang Kerian ya.

**Tuan Salahuddin bin Ayub:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Cuma saya hendak minta penjelasan, tadi dinyatakan bahawa jumlah yang dibelanjakan untuk mangsa tsunami ialah lebih kurang RM21,434,134. Saya hendak minta penjelasan, adakah jumlah ini benar-benar dikeluarkan daripada Perbendaharaan Negara ataupun jumlah ini adalah hasil derma

orang ramai melalui tabung-tabung yang diwujudkan dengan kerjasama *Berita Harian*, *Utusan Malaysia* dan seumpamanya, ini yang saya hendak minta penjelasan.

**Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Saya sudah kata Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dengar tidak ucapan saya tadi? Saya kata daripada tabung maknanya tabung itu adalah sumbangan daripada orang ramailah, bukan daripada tabung kerajaan, *consolidated fund*, berbeza.

Jadi, saya hendak nyatakan tadi dari segi sumbangan segera yang kita berikan melalui tabung ini yang kita telah kutip dananya dan saya akan maklumkan jumlah kutipan sebenarnya yang kita telah terima. Tadi lebih kurang RM21 juta kita belanjakan. Untuk jangka panjang, kita telah memutuskan - bagi rumah-rumah yang rosak dan runtuh sama sekali, kita akan bina rumah baru, dan yang rosak kita akan baik pulih. Syarikat Perumahan Negara telah pun ambil tindakan yang segera dan setakat ini rumah-rumah yang rosak boleh dikatakan sudah dibaik pulih semua sekali dan rumah-rumah baru pun sebahagian besar telah siap dan saya dijangka akan melancarkan perasmiannya mulai di Langkawi. Dalam masa beberapa hari lagi rumah-rumah kekal yang dibina oleh Syarikat Perumahan Negara dengan perbelanjaan semua sekali untuk Kedah dan Pulau Pinang jumlahnya RM62.2 juta dan daripada kos tersebut, satu pertiga ditanggung oleh Tabung Bencana Negara dan satu pertiga daripada subsidi kerajaan, dan selebih lagi adalah dari segi pemilik sendiri.

Apa yang telah berlaku ialah rumah yang keluasannya lebih daripada 1,000 kaki persegi keluasannya, rumahnya cukup cantik, mereka akan hanya perlu bayar RM50 sebulan sahaja. Sebab itulah seperti mana Yang Berhormat bagi Sri Gading kata, mana ada kerajaan lain di dunia yang buat cara seperti ini? [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua....

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Jerai..

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Minta sedikit penjelasan Yang Berhormat.

**Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Okey.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih Yang Amat Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya sedikit, hak yang

bagi pada tabung itu, saya difahamkan ada yang janji bagi, tidak bagi. Ada yang bagi *mock check*, tetapi cek betul tidak bagi, ada yang bagi *mock check*, *check* betul bagi, *check pok*. Jadi depa ambil kesempatan daripada kesengsaraan orang untuk hendak *advertise* kata syarikat mereka bagus, promosi secara iklan. Jadi ini betul atau tidak Yang Amat Berhormat? Yang kedua Yang Amat Berhormat, memang betul di Kedah ini nelayan-nelayan ini bukan semua boleh pergi ke laut, ada lagi yang tidak boleh pergi ke laut. Jadi bila saya tanya, “awat hang tidak pi ke laut?” Dia kata, tidak boleh siap lagi, bot dia tidak *repair* dan sebagainya. “Awat tidak *repair*?” Dia kata, dia tanya LKIM, LKIM kata duit tidak sampai, itu yang hendak mai habaq kat Yang Amat Berhormat, tolong tengok Yang Berhormat fasal apa duit tidak sampai? Kesian kat depa Yang Amat Berhormat, depa tidak boleh tangkap ikan, depa dok tangkap wakil rakyat, ini yang teruk [Ketawa] Terima kasih Yang Amat Berhormat. [Ketawa]

**Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** [Ketawa] Jadi mereka ‘sambak’ wakil rakyatlah ni. Sebenarnya bukan soal duit, duit kita sudah serahkan tetapi ikut jadual Kementerian Pertanian kata, dia perlu akhir bulan Mei baru siap sebab setengah daripada peralatan itu dia terpaksa import dari luar negara. Jadi, itu memang ikut jadual. Apa yang telah ditakliskan kepada saya oleh Menteri Pertanian, memang ikut jadual. Jadi kalaulah akhir Mei masih ada yang dok tangkap wakil rakyat, tolong beritahu saya.

Tuan Yang di-Pertua, itulah dari segi perbelanjaan kita dan insya-Allah, yang lain itu memang adalah yang saya telah sebutkan tadi – bantuan sekolah dan sebagainya. Dari segi kutipan, saya hendak maklumkan, kutipan keseluruhannya sehingga 24 Mac tahun ini, jumlah kutipan yang diterima dari pihak media ialah sebanyak RM72,945,305.26.

Sejumlah RM43,770,644.23 telah pun diserahkan kepada Tabung Bencana Negara. Sumbangan langsung kepada TBBN ialah sebanyak RM24,798,825.48. Ini mereka bagi terus kepada tabung tidak melalui media dan menjadikan jumlah keseluruhan ialah sebanyak RM68,569,496.71. Jadi inilah kedudukannya Tuan Yang di-Pertua. Kalau Ahli Yang Berhormat ada hendak memerlukan penjelasan saya akan edarkan ucapan saya secara bertulis, boleh semak.

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman:** [Bangun]

**Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Kalau tidak jelas lagi tolong tanya saya, saya akan beri penjelasan. Insyallah.

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Saya hendak bertanya berhubung dengan bantuan kehilangan nyawa, sebab di tempat saya ada dua orang. Satu isterinya, satu lagi anaknya. Anak ini budak kecillah. Baru-baru ini saya balik, saya tanya dia dan dia kata, yang anak itu masih belum dapat bantuan untuk kematian RM20,000. Hanya dapat emak sahaja. Jadi saya hendak minta penjelasan cara mana penurunan bantuan kepada yang kehilangan nyawa ini. Adakah melalui pegawai daerah ataupun mana-mana pihak yang bertanggungjawab. Terima kasih.

**Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Pihak kita selaraskan perkara ini dengan Jawatankuasa Keselamatan peringkat daerah dan negeri. Jadi saya hairanlah kalau anak yang telah meninggal dunia sampai sekarang tidak dapat. Mengikut butiran saya semua sudah dapat. Jadi saya akan siasat perkara itu kalau Yang Berhormat beritahu saya nama yang berkenaan itu saya akan siasat. Mengikut keterangan kita, kita sudah bayar semua. Jadi saya hairan ya, kalau dia tidak dapat setakat ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, itulah langkah-langkah yang kita telah ambil. Kita akan teruskan bantuan kita termasuk juga bantuan ke luar negara. Kita telah mengambil tindakan yang pantas dan bersungguh-sungguh untuk menolong mangsa-mangsa tsunami terutama sekali di Aceh, umpamanya kita bagi kebenaran menggunakan lapangan terbang kita dan juga ruang udara kita untuk pasukan bantuan daripada negara-negara luar seperti Amerika Syarikat, Australia, Britain dan sebagainya termasuk juga agensi-agensi Bangsa-Bangsa Bersatu yang bekerjasama dengan kita. Bantuan daripada rakyat dalam pelbagai bentuk seperti pakaian, air, perubatan dan lain-lain yang kita telah serahkan.

Setakat ini kita telah buat 13 pelayaran dengan kapal-kapal TLDM kita iaitu KD, Inderasakti dan Mahawangsa. 13 misi kemanusiaan kita telah lakukan dan bagi setiap misi itu muatannya 500 metrik tan. Jadi bayangkan 13 pelayaran dengan setiap kali 500 metrik tan yang kita sudah hantar ke Aceh. Ini tidak termasuk lagi penerbangan kita.

Berpuluh-puluh penerbangan yang telah kita lakukan untuk membantu mangsa-mangsa tsunami di Aceh.

Bagi jangka panjang kita akan teruskan bantuan kita, walaupun kita telah diminta untuk mengundurkan pasukan tentera kita di Aceh. Mengikut jadual kita, kita akan gunakan pasukan jurutera kita membina kompleks untuk anak-anak yatim dan mangsa-mangsa tsunami di Jantho dan Long di Aceh. Tetapi baru-baru ini kita telah dapat surat daripada tentera Indonesia supaya kita mengundurkan diri dari segi tentera yang berada di Aceh. Jadi kalau orang suruh kita undur, kita undurlah Tuan Yang di-Pertua tapi dari segi bantuan untuk rakyat Aceh kita tetap tunaikan janji.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Amat Berhormat, Larut.

**Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Jadi kita akan keluarkan tender.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Larut.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih Yang Amat Berhormat. Syabas di atas usaha kerajaan terutama secara peribadi oleh Yang Amat Berhormat dalam hal bantuan negara kita ke Aceh. Cuma saya hendak bertanya tentang kebajikan keselamatan ke atas sukarelawan yang bertugas di Aceh, kerana kita tidak tahu kejadian-kejadian yang mungkin berlaku di luar jangkaan sama ada dalam peristiwa Tsunami di Aceh yang berlaku sejak 26 Disember yang lalu, dan kemungkinan misi-misi kita yang terbaru ke atas gempa bumi yang berlaku minggu yang lalu terutamanya di Pulau Nias ataupun Pulau Sebogor sebagaimana yang telah dilaporkan di sebelah Sumatera Utara.

Selain daripada itu, apakah Yang Amat Berhormat terutamanya melihat untuk menghantar kami Ahli-ahli Parlimen ini untuk turut sama dalam meninjau keadaan di sana terutama di Pulau Nias, walaupun tidak ada berlaku kemalangan begitu besar sebagaimana yang dilaporkan. Kemungkinan ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mungkin menawarkan diri untuk turut sama. Terima kasih.

**Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, mungkin boleh kalau Ahli Yang Berhormat berminat kita boleh menimbangkan kalau

hendak buat lawatan, tidak jadi masalah. Kalau hendak duduk lama di sana pun boleh kita timbangkan.

*[Dewan menjadi riuh dengan ketawa]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Minta sedikit laluan Yang Amat Berhormat. Saya berterima kasih Yang Amat Berhormat sebab kita tolong Aceh. Perkataan Aceh ini sebenarnya Yang Amat Berhormat, tergolong daripada keturunan yang ada di sana. 'A' itu Arab, 'C' itu China, 'E' itu Eropah dan 'H' itu Hindu. Sebab itulah kalau kita pergi ke negeri Aceh dia ada muka macam Arab di satu kawasan, muka macam Cina di satu kawasan, gelap macam Hindu di satu kawasan dan macam Eropah orang putih pun ada. Kalau tidak percaya pergi tengok. Tapi tidak tahulah takut sudah mati.

Jadi yang saya hendak tanya ini pasal apa Kerajaan Indonesia ini kita hendak buat baik kemudian dia suruh tentera kita keluar. Kita hendak tolong depa. Hendak tolong rumpun bangsa kita. Jadi depa tidak berterima kasih, tidak reti mengenang budikah macam kita berbudi bahasa, lemah lembut. Itulah pandangan saya Yang Amat Berhormat, minta tolong perjelaskan sedikit pasal apa kita sudah tolong elok-elok sampai hendak bina rumah anak-anak yatim, tau-tau dia suruh kita balik. Tidak patutlah macam itu Yang Amat Berhormat. Terima kasih.

**Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** *[Ketawa]* Terima kasih. Saya tidak boleh hendak baca apa dalam hati pihak Indonesia dari segi kerajaannya, tapi macam mana pun kita bantu rakyat Aceh ataupun rakyat Indonesia keturunan Aceh. Jangan salah sebut negara Aceh itu sensitif. Sebab kita menghormati apa-apa pendirian yang dilakukan oleh Kerajaan Indonesia dan kita janji untuk menolong rakyat Indonesia di Wilayah Aceh dan kita teruskan, tidak apa.

Saya percaya macam mana pun mereka akan lihat bahawa kita ini adalah sahabat yang baik dan kita ini adalah jiran yang bertanggungjawab. Jadi itulah yang saya kira kita akan teruskan. Apa-apa yang telah kita nyatakan kita akan lakukan, insya-Allah kita akan teruskan. Tuan Yang di-Pertua, itu sahajalah dari segi.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Amat Berhormat, Sekijang.

**Tuan Baharum bin Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Kita sebenarnya banyak memberi bantuan ke Aceh. Cuma saya hendak tanya bagaimana pula bantuan kita sebagaimana yang rakan saya Yang Berhormat bagi Larut katakan tadi Pulau Nias, yang mana kita nampaknya kurang memberikan bantuan atau sensitiviti kita berbanding dengan Aceh. Apakah ini menunjukkan bahawa rakyat kita Malaysia telah kurang berminat untuk membantu negara itu setelah berlaku peristiwa hitam membakar bendera kita? Terima kasih.

**Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, kita menghadapi sedikit masalah pada peringkat awalnya. Saya telah arahkan supaya satu pasukan yang terdiri daripada anggota Pasukan SMART dan Mercy juga beberapa anggota lain untuk pergi ke Nias. Tetapi kita terima kelulusan agak lewat daripada pihak berkuasa. Saya tidak tahulah.... saya tidak mahu tafsir ini sebagai satu tindakan politik. Tetapi mereka memberitahu bahawa ini adalah kerana kesilapan dan kelemahan dari segi birokrasi. Kita terimalah apa-apa penjelasan yang mereka lakukan dan pasukan kita berada di sana dan tertakluk kepada penilaian mereka dan juga persetujuan daripada Kerajaan Indonesia, kita sedia untuk membantu mereka tetapi mereka mestilah membayangkan kepada kita apa-apa keperluan yang boleh kita lakukan misalnya Pasukan MERCY, ATM, kita bersedia menghantar pasukan yang jauh lebih besar lagi. Tetapi kita mesti buat mengikut kepada kehendak pihak berkuasa Indonesia.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya beralih kepada Kementerian Pertahanan Malaysia dan juga Program Latihan Khidmat Negara. Ahli Yang Berhormat bagi Ayer Hitam telah membangkitkan masalah panggilan telefon ke Jabatan Latihan Khidmat Negara yang dikatakan tidak dijawab. Jabatan Latihan Khidmat Negara telah pun menambah sebanyak 13 talian *hotline* di pusat panggilan '*Call Centre*' yang berfungsi pada waktu pejabat.

Selain dari itu panggilan-panggilan yang masuk, turut dijawab oleh pegawai staf jabatan tersebut yang bertugas di Bilik Gerakan yang beroperasi 24 jam. Dengan tindakan ini, saya percaya tidak seharusnya timbul masalah dari segi tidak menerima ataupun tidak menjawab panggilan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Ayer Hitam juga bertanya mengenai kejadian di mana ada anggota PLKN yang menerima Sijil Penghargaan dan elaun walau pun mereka tidak hadir dalam program tersebut. Sebenarnya ini melibatkan beberapa individu sahaja dan Jabatan Latihan Khidmat Negara telah mengenal pasti individu tersebut dan tindakan telah pun diambil untuk mengutip semula wang yang telah diberikan kepada mereka. Perkara ini boleh dikatakan telah pun diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Tanah Merah mengesyorkan supaya kerajaan melatih semua yang layak untuk menyertai Program Latihan Khidmat Negara. Ini memanglah satu cadangan yang baik tetapi kemampuan kita terutama sekali dari segi kewangan ialah untuk melatih lebih kurang 85,000 pelatih setahun sahaja yakni kira-kira 18% daripada segi 'Cohort' yang sepatutnya dilatih di bawah Program Latihan Khidmat Negara. Kalau sekiranya kita ada kemampuan, insy-Allah kita akan tambah lagi bilangan ini pada masa-masa yang akan datang.

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** *[Bangun]*

**Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak :** Tuan Yang di-Pertua, .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Amat Berhormat, Pendang.

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Saya hendak bertanya berhubung dengan PLKN ini. Dalam salah satu daripada permohonan daripada pelajar-pelajar tahun 2005, untuk mendapat biasiswa JPA, MARA, untuk permohonan ke luar negara, perkara yang keenam di dalam permohonan itu dikatakan, "*Sila bawa Sijil PLKN semasa temu duga.*"

Saya hendak mendapat kepastian, sebenarnya pelajar yang memohon terdiri daripada mereka yang mungkin *brilliant* di dalam keputusan SPM dan pelajar-pelajar ini hanya 18% mewakili pelajar-pelajar yang mendapat latihan di PLKN. Apakah syarat-syarat ini orang kata, memberikan merit kepada mereka yang pergi ke PLKN tetapi kepada mereka yang tidak pergi bagaimana? Itu saya mohon penjelasan.

**Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, mereka yang tidak dapat menyertai Program Latihan Khidmat Negara ini, mereka tidak terjejas sebenarnya. Cuma kita hendak tahu seseorang yang memohon itu kalau ada

sijil penyertaan. Maksudnya sekurang-kurangnya kita tahulah dia sudah menyertai program ini dan kalau sekiranya kita lihat dia seorang pelajar yang menunjukkan sikap positif umpamanya dan sebagainya, jadi adalah pertimbangan-pertimbangan tertentu.

Tetapi jangan bimbang kalau mereka tidak ada sijil kerana bukan kesalahan mereka sebab mereka tidak tergolong dalam 18% itu tidak ada kerugian bagi mereka.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan Ahli Yang Berhormat bagi Kelana Jaya supaya kerajaan memperluaskan skop pelaksanaan PLKN agar mereka yang tidak terpilih diberi peluang menyertai pasukan beruniform yang lain seperti Kadet Polis, Persatuan Bulan Sabit Merah dan sebagainya memang kita menggalakkan sesiapa untuk menyertai persatuan-persatuan dan pasukan-pasukan sukarela.

**Dato; Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Amat Berhormat, Sabak Bernam.

**Dato; Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** Tuan Yang di-Pertua dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. PLKN ini sebenarnya telah memberikan kesan yang cukup baik. Ini dapat kita lagi daripada ujian *pre Ttest* dengan *post test*. Saya telah difahamkan lebih 95% telah memberi maklum balas bahawa dari segi umpamanya keyakinan diri digunakan skala 1 hingga 5 umpamanya. Begitu juga dari segi kasih sayang kepada negara digunakan skala 1 hingga 5. Lebih 90% meletakkan di situ skala 5. Maksudnya mereka cukup yakin dengan program ini.

Yang Amat Berhormat, saya hanya hendak menyatakan begitu, Selangor – Kesatuan Pelajar-pelajar Melayu Selangor (KPPMS), kita pun ada membuat kajian yang melibatkan lebih 65 orang dan positifnya PLKN ini sangat jelas. Hanya yang kita lihat di situ Yang Amat Berhormat, kita lihat pelajar-pelajar yang terlibat itu lebih 50% adalah pelajar yang berpotensi untuk menjadi baik. Maksudnya dari segi sahsiah dia. Kita berpandangan bahawa jika di peringkat sekolah, pelajar-pelajar ini yang dari segi sahsiah ini mungkin 50-50, saya maksudkan dari segi mungkin perangai, disiplin dan sebagainya. Kalau kumpulan ini yang kalau kita biarkan di dalam *open market* dengan izin, mereka akan jadi belia dan biasanya mereka ini yang mudah terjebak dalam gejala sosial negatif termasuk dadah. Tidakkah bagus atau lebih baik difikirkan pelajar-pelajar seperti ini dijadikan kumpulan sasaran yang terlibat dalam PLKN ini? Terima kasih.

**Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, pemilihan untuk menyertai program latihan khidmat negara ini kita dibuat dengan menggunakan komputer supaya kita buat secara rawak. Kalau sekiranya kita memberi tumpuan semata-mata kepada sahsiah yang disebutkan sahsiah pelajar yang bermasalah dan sebagainya, Program Latihan Khidmat Negara ini akan berlaku stigma kepada mereka yang menyertai program ini nanti, seolah-olah mereka yang menyertai program ini ialah pelajar yang bermasalah.

Ini bertentangan dengan konsep falsafah Program Latihan Khidmat Negara ini sebab program ini tidak mengenali latar belakang seseorang itu. Ia bersifat nasional iaitu menyeluruh. Sebab itulah kita pilih yang baik, yang kurang baik, yang bermasalah, yang berpotensi. Semua itu kita rangkum sekali di dalam program ini supaya secara interaksi yang meluas ini, yang baik boleh menjadi *role model* kepada yang kurang baik dan yang kurang baik insya-Allah melalui program ini dia akan menjadi insan yang lebih berguna untuk negara kita. Itulah konsep sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali Ahli Yang Berhormat bagi Sri Gading telah mencadangkan supaya pertahanan negara kita ini terus dimantapkan dengan pembelian kelengkapan pertahanan .....

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Minta penjelasan. Maaf ya. Terima kasih Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Saya ingin tanya dari aspek Jabatan Latihan Khidmat Negara dan juga arahan daripada Majlis Latihan Khidmat Negara. Secara keseluruhannya saya mendapati masih wujud kelemahan di mana arahan atau direktif dari atasan tidak sampai atau tidak dijalankan oleh pihak-pihak Komander di kem-kem.

Ini menyebabkan saya merasa risau sekali. Yang Amat Berhormat, kalau boleh saya beri contoh yang lebih cenderung kepada sensitiviti kepada kaum lain dari segi agama, makanan dan juga pelatih wanita, keperluan dan halangan-halangan kaum wanita untuk menjalankan latihan fizikal.

Saya hendak tahu dari aspek ini, apakah tindakan yang akan diambil terhadap komander-komander kem yang tidak mematuhi arahan dan *directive* dari atasan dan juga terhadap jurulatih. Saya rasa ini amat penting lebih-lebih lagi yang melibatkan aspek agama, itu perkara pertama. Perkara kedua ialah setakat ini saya masih terima

panggilan telefon, air yang kotor di Kem Melaka, kekurangan air minuman baru hari Isnin saya terima panggilan dan laporan akhbar mengatakan pelatih didisiplin dengan dipanggil untuk membersihkan dan mengaut najis dari tandas. Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat terhadap sikap sedemikian? Cara disiplin sedemikian dan kedua tindakan terhadap operator-operator yang masih gagal membekalkan infrastruktur yang paling asas bagi memastikan perjalanan program ini berjalan dengan lancar tanpa kesulitan terhadap pelatih. Terima kasih

**Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah daripada mula tidak pernah menyatakan program ini baik, menguntungkan dan sebagainya. Dia selalu cari kesilapan. Tetapi walau bagaimanapun, saya terima apa-apa maklumat yang boleh memperbaiki lagi program ini. Jadi, kalau secara spesifik Ahli Yang Berhormat ada terima apa-apa, kita boleh siasat dahulu, kalau secara umum susahlah bagi saya hendak buat sesuatu. Tentang laporan, tentang pembersihan najis yang telah didakwa itu, saya sedang menyiasat perkara itu sebab saya tidak fikir ia seteruk seperti mana yang didakwa itu. Tetapi walau macam mana pun kita akan siasat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Sri Gading.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Kuala Terengganu.

**Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Dari Kuala Terengganu, okey. Akhir sekali, ya.

**Dato' Razali bin Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tarik perhatian sedikit lagi tentang PLKN kita ini. Saya mencadangkan agar program PLKN ini dilihat dalam satu kontinuiti, iaitu dalam satu ruang yang berkesinambungan, ertinya ada pra PLKN di peringkat sekolah, ada PLKN yang kita sedang kita buat sekarang ini dalam tempoh beberapa bulan itu, tetapi mesti ada keberterusan. Ertinya dilihat ini sebagai satu pendidikan sepanjang hayat sebab matlamat kita adalah membina daya tahan, patriotisme, cintakan negara dan ia seharusnya tidak dilihat sebagai *one-off*, tetapi ia harus ada kurikulum yang bersinambungan, ada kontinuitinya. Terima kasih.

**Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, memang kita sedar perkara ini dan Kementerian Pelajaran telah diminta untuk melihat

supaya sebahagian daripada kurikulum PLKN ini boleh dilakukan di peringkat sekolah dan perkara ini sedang dilihat oleh Kementerian Pelajaran. Selepas mereka sudah lulus melalui program ini, sudah selesai program ini, maka Kementerian Belia dan Sukan bercadang untuk menggalakkan mereka untuk menyertai program Rakan Muda, umpamanya ataupun menjadi jurulatih di bawah program Kementerian Belia dan Sukan ataupun menjadi anggota kepada Pertubuhan Persatuan Belia dan sebagainya. Apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat itu memanglah satu perkara yang amat wajar dan kita lakukan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Sri Gading telah mencadangkan supaya kita meneruskan usaha memantapkan kemampuan pertahanan negara dan perkara ini akan terus dilaksanakan oleh kerajaan dengan pembelian-pembelian dan juga dengan perancangan yang kita sedang dan akan lakukan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-8 dan perancangan Rancangan Malaysia Ke-9 yang akan datang ini. Ini juga melibatkan cadangan supaya keadaan bagi anggota askar wataniah ditambahbaikkkan, kemudahan-kemudahan dan juga pertimbangan-pertimbangan dari segi elaun dan sebagainya. Perkara ini sedang dipertimbangkan oleh kerajaan pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih dan kalau ada apa-apa ulasan tambahan maka saya sanggup melakukan penjelasan tambahan Insya-Allah. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik. Ahli Yang Berhormat sekarang kita pergi ke Kementerian Penerangan yang telah mendapatkan persetujuan daripada Kementerian Keselamatan Dalam Negeri didahulukan. Yang Berhormat Menteri, sila.

**12.55 tgh.**

**Menteri Penerangan [Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Penerangan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Ketereh membangkitkan iklan budi bahasa di mana orang buta menaiki LRT. Iklan ini mengikut beliau menggambarkan

orang kita pemuda Melayu tidak prihatin kepada orang cacat. Manakala, Yang Berhormat bagi Dungun pula meminta menyatakan bahawa iklan tersebut secara keseluruhannya tidak sesuai untuk dipamerkan secara berterusan dan beliau berharap agar kerajaan dan kementerian menghentikan iklan tersebut.

Sukacita saya nyatakan bahawa pihak Kementerian Penerangan bertanggungjawab di antara lain untuk memajukan semua dasar-dasar kerajaan, bermakna termasuk juga dasar-dasar Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Warisan. Dan, iklan yang telah pun ditayangkan oleh Kementerian Penerangan adalah dibuat oleh Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Warisan. Kita tayangkan. Namun demikian, pihak Kementerian merasakan itu adalah suatu iklan yang baik. Kita tidak melihatnya dari segi perkauman.

Namun demikian, kita terpaksa juga tukar iklan itu dari mas ke semasa.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat!

**Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Bagi habis dahulu. . Kita akan mengubahsuai iklan itu dari masa ke semasa supaya tidak menjemukan dan segala pandangan yang telah diberikan itu kita akan ambil perhatian atau kementerian yang berkaitan akan ambil perhatian dan kita akan cuba menyiarkan iklan-iklan yang membawa maksudnya tetapi kalau boleh tidak kontroversial pada masa depan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih, Yang Berhormat dan terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sekarang ini macam ini Datuk Menteri, kita buat iklan anak baik sudahlah. Tunjuk dia berbudi bahasa, orang datang dia beri duduk. Tidak usah tunjuk yang datang dia tidak beri duduk tu. Jadi, kita jangan tunjuk yang tidak elok, kita tunjuk cara budi bahasa dia, orang tua-tua lalu kita tunduk depan hingga sampai sudah biasa, *traffic light* itu dia kena beradap, hendak cross jalan pun dia tunduk baru melintas jalan, itu budi bahasa. Kalau kita tunjukkan yang tidak elok, kemudian tunjuk yang elok, itulah menjadi tidak elok. Jadi, kita tunjuk yang elok-elok sahaja supaya budaya yang tidak elok itu tidak dimainkan di dalam kaca-kaca TV kita. Yang Berhormat bersetuju atau tidak dengan pandangan yang elok daripada saya ini? Terima kasih.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Saya bukan menjawab bagi pihak Menteri, tetapi saya tidak bersetuju. Kita kena tunjukkan yang tidak betul dan yang betul sebab kita ini hidup di alam nyata, jangan berpura-pura. Saya tidak setuju dengan Yang Berhormat bagi Jerai.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Siapa Menteri ini?

[*Dewan ketawa*]

**Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Yang Berhormat dia pun ketagih juga bagi *chancelah* pada dia. *Anywhere*, saya telah diberitahu oleh pihak kementerian berkaitan memang itulah hajat mereka. Mula-mula hendak tunjukkan *the ugly side of it*, dengan izin, iaitu cara yang tidak baik tetapi memang mereka berhajat untuk tukar pula iklan itu untuk menunjukkan, *the positif side* pula. Jadi, yang tidak baik dan baik juga ditunjukkan. Ini pandangan masing-masinglah tentang apakah caranya supaya ia benar-benar berkesan, itu sahaja.

Iklan ini kononnya tidak melambangkan sikap negatif sesuatu bangsa malah boleh disifatkan sebagai salah satu cara mendidik masyarakat dengan menggunakan, dengan izin, *reverse psychology method*. Ini pakar-pakar pengiklanan, dia kata kadangkadangkanya lebih berkesan kalau digunakan *reverse psychology method*. Namun demikian, kita akan cuba memang itu dasar kementerian di mana boleh kita akan cuba mencari iklan-iklan yang tidak kontroversial tetapi dalam masa yang sama dapat mencapai maksud yang dikehendaki.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri sudah pukul 1.00 tengah hari, boleh sambung nantilah. Ahli-ahli Yang Berhormat saya tangguhkan mesyuarat ini sehingga jam 2.30 petang.

***Mesyuarat dtempohkan pada pukul 2.30 petang.***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.***

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan bersidang semula.

**Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Lipis menyarankan agar diwujudkan satu suruhanjaya komunikasi dan

ini diletakkan di bawah Kementerian Penerangan dan Kementerian Penerangan juga ditukar nama menjadi 'Kementerian Penerangan dan Komunikasi' Saya mengalu-alukanlah cadangan ini.

Namun demikian, perkara sebegini perlu dikaji terlebih dahulu memandangkan sebuah suruhanjaya iaitu Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia telah pun ditubuhkan dan diletakkan di bawah Kementerian Air, Tenaga dan Komunikasi dan yang berkaitan dengan Akta Komunikasi dan Multimedia. Sebagaimana yang kita sedia maklum, sekarang ini terdapat dua kementerian yang menangani isu-isu penyiaran, iaitu Kementerian Penerangan yang mengawal selia stesen penyiaran kerajaan iaitu RTM dan Kementerian Air, Tenaga dan Komunikasi adalah pula bertanggungjawab menyelia semua stesen penyiaran swasta.

Keadaan ini mewujudkan beberapa pertindihan bidang kuasa di samping terdapat kekeliruan di kalangan masyarakat terutamanya mengenai aspek penyeliaan dan pengawal selia stesen-stesen penyiaran tersebut. Masyarakat mempunyai persepsi bahawa tanggungjawab untuk mengawal selia semua stesen penyiaran di negara ini seharusnya menjadi tanggungjawab Kementerian Penerangan. Namun hakikat sebenarnya bidang kuasa Kementerian Penerangan amatlah terhad dan sering kali ianya terpaksa berhadapan dengan masalah di mana beberapa program kerajaan juga tidak mendapat kerjasama sepenuhnya daripada stesen swasta.

Ini kerana program-program tersebut tidak memberi keuntungan kewangan kepada mereka. Dalam mengalu-alukan apa jua bentuk cadangan yang boleh memantapkan aspek penyeliaan dan kawal selia semua stesen penyiaran di negara ini supaya kita dapat membina, mempercepatkan pembinaan bangsa Malaysia yang bersatu padu dapat direalisasikan, maka pihak kementerian sedang berusaha untuk merangka suatu memorandum Jemaah Menteri supaya perkara ini dapat diperkemas. Memang saya mengaku bahawa terdapat sedikit ruang untuk kita memperbaiki jentera pentadbiran kerajaan dalam hubungan dalam media massa kerajaan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Kubang Kerian bangun.

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Menteri Penerangan. Sampai bilakah kita akan akan mengkaji tentang perkara ini. Sedangkan saya mengalu-alukan cadangan daripada Lipis tadi kerana saya rasa telah sampai masanya negara dan kerajaan menubuhkan satu suruhanjaya. Sebab bila timbul masalah-masalah yang bertindih yang tidak pernah selesai, sebagai contoh TV-TV ataupun stesen TV swasta yang menyiarkan program-program tidak bermoral sebagai contoh.

Ini menjadi suatu perdebatan pada hari ini, bukan saja di kalangan pembangkang tetapi juga wakil-wakil kerajaan. Bila lahir ataupun perkara ini timbul tentang filem-filem yang tidak mencerminkan budaya kita, tidak mencerminkan acuan pembangunan negara kita yang disiarkan oleh TV swasta, maka berlakulah tuduh menuduh. Penerangan kata tidak ada kuasa dan sebagainya.

Jadi saya rasa telah sampai masanya untuk Kementerian Penerangan sendiri mencadangkan untuk melebar luaskan kuasa yang ada, ini yang perlu pada pandangan saya, supaya tidak lagi berlaku tuduh-menuduh dan sampai bila, sedangkan masalah yang dihadapi ini makin merebak dan mendapat perhatian daripada masyarakat semua. Ini saya minta penjelasan.

**Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Sebagaimana saya juga menyatakan memang terdapat sedikit masalah, sedikit ruang untuk kita memperbaiki jentera kerajaan, jentera kerajaan sepanjang masa kita memperbaikinya.

Misalnya mengenai soal penyeliaan media cetak pula terletak di bawah Kementerian Keselamatan Dalam Negeri kerana ianya bertanggungjawab untuk mengendalikannya Akta Percetakan, *Printing Press Act*. Dan begitu juga Lembaga Penapisan Filem terletak di Kementerian Dalam Negeri. FINAS yang bertanggungjawab untuk membangunkan industri perfileman negara terletak di Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan.

Jadi memang dapat sedikit pertindihan, kecelaruan dan sebagainya dan InsyaAllah, dalam masa sebulan lebih kurang lagi pihak Kementerian Penerangan akan memberi pandangannya kepada jemaah menteri supaya perkara ini dapat difikirkan bersama oleh semua jemaah menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada dua yang bangun Yang Berhormat.

**Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Saya harus tegaskan di sini ada sebab-sebab tertentu kenapa kuasa-kuasa tertentu diletak di bawah sesuatu kementerian . Ada sebabnya ya, tetapi apa juga penyelesaian nanti tidak akan seratus peratus mengakhirkkan masalah. Tetapi kita akan fikir bersama. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sri Gading.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera dan selamat petang. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan tahniah Yang Berhormat Datuk Kadir selaku Menteri Penerangan datang sendiri menjawab di Parlimen ini. *[Tepuk]* Saya kenal Yang Berhormat Datuk Kadir ini lebih 40 tahun, lebih 40 tahun. Seorang yang hebat, seorang baik, seorang yang berkebolehan.

Saya ingin mengutarakan beberapa perkara, cuma saya harap Datuk Kadir dapat bersabar.

**Seorang Ahli:** Nama tak boleh sebut.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ini mencelah janggan panjang sangat Yang Berhormat.

**Beberapa ahli:** *[Menyampuk]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Minta maaf, saya tak sebut nama, menterilah, Menteri Penerangan itu lebih besar. Minta maaf Yang Berhormat Datuk Menteri kalau boleh bersabar kerana yang nak saya sampaikan ini ialah suara yang diutarakan oleh rakyat.

**Seorang Ahli:** Marah tak boleh, harus manis.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Dan yang lebih menariknya ini ada Menteri Besar telefon saya *[Ketawa]*.

Tidak usah sebutlah namanya, dia hendak minta saya bawakan di Parlimen yang mulia ini. Jadi apa yang saya hendak lahirkan ini bukan daripada fikiran saya sendiri tetapi hasil pendengaran, rintihan, sebutan, perbualan, ramai orang yang tidak berpeluang di Parlimen ini.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** *[Menyampuk]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Dan mereka mengharapkan kita Ahli Parlimen menyampaikannya. Saya harap Yang Berhormat Menteri bersabar, bersabar dan bersabar. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Terus kepada isi.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Dan Tuan Yang di-Pertua pun bersabar. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Saya boleh bersabar Yang Berhormat tetapi isinya perlu dikeluarkan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Isi, isi keluarkan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Isinya berlambak-lambak Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Apa lambak-lambak.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Apabila Yang Berhormat memegang kementerian ini, perubahan-perubahan telah Yang Berhormat lakukan. Kita memang suka menerima perubahan, tetapi kadang-kala kepada orang Melayu Yang Berhormat membuat perubahan yang merugikan orang Melayu, kata orang Melayu.

**Seorang ahli:** Kalau orang cina?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Kata orang Melayu, orang Cina tidak sampai pula kepada saya, jadi saya tidak mahu cakap bohong, jadi saya sampaikan dahulu.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Orang India?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Baru-baru ini, orang menyampaikan kepada saya, Yang Berhormat buang Malaysia dan buang Melayu. Ooh!

**Beberapa ahli:** Ooh!

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Buang Malaysia dan buang Melayu apabila Yang Berhormat membuat penamaan semula radio. Dahulu negeri saya dikenali dengan nama Radio Malaysia Johor, sekarang sudah tidak ada Malaysia, Johor FM, 'Malaysia'nya hilang itu yang dikatakan oleh orang ramai Yang Berhormat membuang Malaysia. Dahulu Radio Malaysia Seremban, sekarang Negeri FM, hilang 'Malaysia'

**Beberapa ahli:** Hilang 'Sembilan'!

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** ‘Sembilan’ pun hilang! *[Ketawa]* Yang Berhormat, itu sebab saya minta Yang Berhormat bersabar, saya bersahabat dengan Yang Berhormat dan saya sayangkan Yang Berhormat. Rintihan rakyat ini harus didengar kerana sebagai seorang sahabat kita tidak mahu sahabatnya binasa supaya sahabatnya duduk di landasan yang betul maka saya sampaikan rintihan dan rintihan ini. Antara yang menyampaikan kepada saya pula seorang Menteri Besar, katanya Yang Berhormat buang Melayu, dahulu ada RIMA, Radio Irama Asli Melayu, R-I-M-A...Radio Irama....

**Beberapa ahli:** Radio Irama Melayu Asli, Melayu Asli!

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** R-I-M-A, di mana? Radio? *[Ketawa]*

**Datuk Bung Mokhtar bin Radin:** Rentak Irama Melayu Asli.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Yalah, Rentak Irama Melayu Asli, sekarang sudah ditukar kepada Klasik FM, bercampur katanya, katanya. Bercampur dalam klasik FM ini, bercampurlah dengan macam-macam pula, masuklah India, masuklah Hindustan, masuklah Inggeris, masuklah Cina. Radio Cina tidak keluar lagu Melayu *[Ketawa]* Yalah, yalah, saya minta maaf rakan-rakan daripada bangsa Cina.

**Cik Fong Po Kuan:** Mana ada!

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Lu jangan bisinglah, lu diamlah! *[Ketawa]* Jadi, orang minta Yang Berhormat kerana Yang Berhormat, ini orang sampaikan seorang ustaz, ini Yang Berhormat merbahaya, ustaz UMNO

**Datuk Bung Mokhtar bin Radin:** Oh, bukan PAS *[Ketawa]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Kalau Yang Berhormat tidak hendak tukarkan semula kepada Melayu dan Malaysia ini dia kata, marilah kita angkat tangan beramai-ramai, kata ustaz ini bukan kata saya, saya menyampaikan, Yang Berhormat dengar, “Marilah kita mengangkat tangan setinggi-tingginya mohon ke hadrat Allah SWT bukakan hati PM tukarkan Yang Berhormat daripada Menteri Penerangan.

**Datuk Bung Mokhtar bin Radin:** *[Ketawa]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya serius.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Yang ini dia seriuslah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya sayang Yang Berhormat Dato' Kadir, eh maaf, saya sayang Dato' Menteri Penerangan ini, kawannya begitu lama, Yang

Berhormat jangan salah faham, saya menyampaikan hajat, hasrat, permohonan, permintaan, kritikan, orang-orang Melayu, teguran. Yang Berhormat, kalau kita sesat di pangkal jalan.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Di hujung jalan Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** ....di hujung jalan, baliklah ke pangkal jalan. Yang hendak berubah ini Yang Berhormat dan yang kita harapkan Yang Berhormat memberikan kebaikan, kebajikan kepada kakitangan. Baikkan mutu penyiaran, penyiaran yang bermutu, penyebaran yang luas, penyebaran yang tepat, lekas. Tidaklah macam malam bila itu? Bila bergegar - nasib baik, radio...

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** ntv7.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** ntv7 yang mengeluarkan. Walaupun kata Menteri siapa jawab hari itu, penyelamat Yang Berhormat, dia kata radio kita keluar dahulu. Betullah tetapi orang sekarang radio pun tidak ada di rumah.....

**Seorang ahli:** Tengok TV sahajalah!

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tengok TV sahajalah! Yang Berhormat saya harapkanlah balikkanlah semula kemelayuan di Radio Malaysia ini balikkanlah, balikkanlah rupa bangsa di mana Yang Berhormat hendak menjaga Malaysian, jagalah tetapi rupa bangsa keaslian Melayu itu dikembalikanlah supaya Radio Malaysia bertanggungjawab tentang mempertahankan kemelayuan rakyat jati negara yang tercinta, Yang Berhormat saya minta maaf, terima kasih.

**Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, memang saya akan sampai kepada peringkat itu dalam jawapan saya tetapi tidak apalah saya mengambil peluang ini untuk menjawab sekarang ini. Sebenarnya dalam membawa perubahan kepada radio atau televisyen, kalau tanya 100 orang akan ada 100 pendapat yang berbagai-bagai, itu tidak dapat dielakkan walaupun Yang Berhormat Sri Gading, sahabat saya mempunyai pandangan yang begitu kuat sebaliknya ada pula pandangan yang berbagai-bagai yang saya terima menerusi surat, menerusi telefon dan sebagainya yang memuji-muji dan yang menyokong langkah-langkah yang telah pun diambil oleh pihak kerajaan. Misalnya di kalangan 32 stesen radio kepunyaan RTM, ada beberapa stesen radio yang merupakan stesen Radio Nasional iaitu disiarkan kepada di

seluruh negara. Ada pula stesen-stesen radio yang lain pula yang hanya khusus kepada negeri masing-masing di mana segala siaran itu ditumpukan dan di fokus banyak kepada soal-soal tempatan, itu satu.

Keduanya, dari segi *rating* iaitu dari segi *audience* iaitu pendengar kepada radio-radio kepunyaan RTM kita telah dapati bahawa ia sedang menurun dengan begitu dahsyat. Jadi timbul satu masalah bagaimana kita hendak meningkatkan *audience* atau pendengar kepada radio-radio ini. Tidak guna kita menggunakan duit rakyat yang begitu banyak, mengadakan radio yang begitu banyak tetapi rakyat pula tidak mendengar, dia pergi kepada stesen-stesen radio kepunyaan ASTRO, kepunyaan yang lain-lain yang tidak banyak menyiarkan dasar-dasar kerajaan ataupun program-program yang memajukan dasar-dasar kerajaan. Kita perlu memikir bagaimana kita perlu meningkatkan pendengar kepada radio-radio ini, jadi sedikit sebanyak kita perlu memikirkan pula selera zaman ini, selera penduduk zaman ini. Maka itulah di kalangan pakar-pakar yang kita telah berunding lebih kurang setahun maka mereka menyatakan elok kita menukar namanya kepada Radio FM, ditekankan perkataan istilah FM. Jadi Johor FM, Kedah FM dan sebagainya untuk sedikit sebanyak hendak menekankan, kalau hendak dengar berita-berita tempatan, berita mengenai Menteri Besar, berita mengenai negeri-negeri itu, mengenai apa yang berlaku di suatu negeri ini maka eloklah *ditune* kepada Johor FM, kepada Kedah FM, Perlis FM dan sebagainya.

Itu tuan-tuan dan puan-puan, apa yang diperkatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sri Gading tadi pun betul juga. Jadi kadang-kadang kita terpaksa mengimbang hak mana yang lebih baik dan yang mana lebih menguntungkan. Jadi kami memikirkan bahawa masalah utama sekarang ini bagaimana hendak perbanyakkan pendengar kepada radio-radio kita yang kita merosot. Jadi itulah *on balance* kita terima hakikat, bukan seorang buat keputusan tetapi ramai buat keputusan dan kebanyakannya adalah pakar-pakar pegawai-pegawai kita. Pegawai semua terlibat dalam keputusan ini, semua pegawai, di peringkat negeri, peringkat Federal semuanya terlibat. Maka dibuat keputusan bersama iaitu di radio-radio di negeri itu dinamakan Johor FM dan sebagainya.

Jadi ini sedikit sebanyak percayalah kepada saya telah pun memberi sedikit semangat, satu *environment* baru, semangat baru kepada pegawai-pegawai.

Tadi Yang Berhormat menyatakan bahawa kita perlu fikir mengenai kebajikan pegawai-pegawai. Ini memikirkan kebajikan pegawai-pegawailah kerana kita hendak pegawai bersemangat baru, kerja dengan lebih kuat, jangan kerja hanya kerana untuk Menteri ataupun kerana dapat gaji. Tetapi, kerja untuk mendapat suatu kepuasan dalaman dan kita dapat berbakti kepada rakyat, berbakti kepada negara, sesuatu yang memang gemilang. Itu sebabnya. Dan begitu juga dengan radio RIMA. Saya adalah salah seorang peminat radio RIMA, selalu saya dengar radio RIMA, sama macam Ahli Yang Berhormat jugalah, saya orang lama, cukup seronok.

Tetapi, macam mana sedap pun lagu keroncong, lagu irama asli, kalau sejam dok dengar keroncong sahaja, dia jemu. Kalau dua jam dok dengar lagu Asli pun jemu. Jadi, yang dok dengar ini pun orang yang minat lagu keroncong asli pun, kadang-kadang dia dengar sekejap-sekejap sahaja. Jadi, audiens sebenar-benarnya. Ini, kita ada satu agensi yang membuat kajian ini, berapa orang mendengar radio dan sebagainya. Bukan buta-buta. Kita ada *rating agency*. Jadi, *rating agency* ini di antara orang yang mendengar radio RIMA dalam keadaan sekarang ini, terlalu sedikit dan kian menurun. Kalau dengar pun, dia dengar sekejap-sekejap, selepas itu dia jemu sebab terlalu lama sangat, walaupun sedap keroncong, walaupun sedap lagu-lagu asli.

Jadi, itulah sebabnya kita buat satu perubahan, bukan sahaja orang yang minat kepada radio RIMA tetapi juga audiens, untuk menarik pendengar yang baru, kita ubahsuai sedikit. Kita kata Klasik FM, Klasik FM makna itu 70% masih lagu-lagu Melayu asli. Tetapi, 30% kita bagilah sedikit *variety* supaya misalnya lagu Nat King Cole, lagu Frank Sinatra, lagu-lagu Cinakah, lagu-lagu Hindikah yang lama-lama sedikit sebanyak supaya ada *variety*, tidak boring sangat, termasuk orang macam kita yang memang minat lagu keroncong asli. Saya bukan saya minat, saya penyanyi. Penyanyi lagu keroncong asli. Saya cukup minat.

Tetapi, saya juga minat lagu Nat King Cole, lagu Frank Sinatra. Sekali-sekala hendak dengar juga lagu Bollywood yang lama-lama. Jadi, tidak boring, 70% dan 30%. Yang 30% ini pecah lima, enam. Jadi, ada satu, dua selit-selit. Begitu juga radio Cina tadi pun. Kami sudah masukkan sedikit sebanyak lagu-lagu Melayu dalam Radio Cina. Dia kompelin tetapi kita buat juga sebab kita hendak *variety* sedikit. Itu sebabnya Yang Berhormat. Jadi, tidak ada sesuatu penyelesaian ideal yang dapat memuaskan semua

orang. *What is the best under the circumstances?* Jadi, itulah keputusan yang telah pun dibuat. Percayalah kepada saya, pegawai-pegawai saya hampir kesemuanya, kecuali ada niat lain, dia semua mengalu-alukan pembaharuan ini. Saya penuh yakin radio-radio kita yang 32 semuanya, radio negeri dan juga radio nasional akan lebih berkesan selepas ini, insya-Allah dalam memajukan kesejahteraan rakyat dan negara. Okey. Tidak payahlah hendak tukar saya lagi. *[Ketawa]* Okey, sebab...Ya, sila.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Datuk, apa khabar?

**Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Ya, baik. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Haa Jerai, sila.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Baguslah kita tukar. Saya pun suka dengar radio. Kita orang lama ini, tambah lagu asli, nanti gedik tangan itu. Sambil dok pegang cucu, kita seronok dengar lagu-lagu lama. Cuma sebelum Datuk teruskan, saya hendak minta Datuk dalam TV, saya dok tengok selalu *direct telecast* TV di mana juruacara-juruacara ini, kalau dia kurang menjerit sikit bolehkah Datuk? Kadang-kadang dia menjerit sampai kita pun tidak ketahuan dengar. Dia hendak sebut satu nama, seorang nama itu dengan menjerit, dok 'qeyau'. Kemudian saya minta itu. Tidak apalah, pakaian ikut fesyen. Tetapi, yang mana dok pakai subang itu, saya ingat untuk orang perempuan. Orang lelaki itu tidak usah dok pakai subanglah Datuk, pasal dia pelik. Dia dok nampak lembut tidak lembut, keras tidak keras. Jadi, kita dengar pun tidak seronok. Jadi, yang itu pun.....

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** *[Menyampuk]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ini, jangan kacau. Saya tanya Menteri. Yang Berhormat suka ganggu. Jadi bolehkah tidak Datuk sebagai Menteri Penyiaran, jadi tolong sat. *Adjust* sat yang ini. Macam saya tengok dulu, bila Datuk naik itu, yang rock-rock ini dia melompat sampai kita pun susah hati takut dia ditimpa mai atas Datuk. Jadi, kita bagi tertib sikit pasal selaras dengan Kempen Berbudi Bahasa Datuk. Terima kasih Datuk. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Baiklah Yang Berhormat. Yang itu dapat kita boleh perbetullah. Yang subang itu, insya-Allah pegawai-pegawai saya dok dengar ini, subang-subang itu tidak payahlah dalam rancangan kita, insya-Allah.

Keduanya, yang menjerit-jerit itu insya-Allah di mana kita boleh kurangkan jerit itu, kita akan kurangkan.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Boleh minta sikit penjelasan? Jiran, jiran.

**Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Ya, ya.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Saya ke belakang sikit yang dibangkitkan oleh sahabat saya, Yang Berhormat bagi Sri Gading. Indeks Yang Berhormat sebut tentang selera orang sudah berubah. Tetapi, saya lihat lagu-lagu irama Malaysia, saya bagi contohnya Yang Berhormat, lagu asli. Baru sangat Siti Nurhaliza penyanyi yang menjadi kesayangan kita pada hari ini, tidak kiralah daripada Pahangkah, daripada negeri mana, Malaysia. Dia pergi sana tidak sebut Pahang Yang Berhormat, dia tidak sebut Pahang sebab orang mungkin tidak tahu kan. Dia akan sebut *I am from Malaysia*, dengan izin. Hari ini mendapat sambutan di *Royal Albert Hall* London, irama Malaysia saya sebut. Kita tahu Siti Nurhaliza tidak akan menyanyi lagu rock. Kalau ada pun atas permintaan, latar belakang dia. Bermakna, tidak mungkin lagu-lagu irama Malaysia pada hari ini menurun. Saya beri satu contoh Yang Berhormat, ya. Saya bercakap berdasarkan ada contoh, ya.

Tadi, sahabat saya dari Sri Gading berdasarkan rintihan, maklumat yang disampaikan, Siti Nurhaliza. Bahkan mengikut CEO *Royal Albert Hall* ini memberi undangan kali kedua untuk Siti Nurhaliza datang lagi. Bermakna Siti Nurhaliza ini terkenal dengan lagu irama Malaysia. Tidak kiralah siapa pengubahnya, macam mungkin Yang Berhormat Menteri dulu pernah menjadi penyanyi lagu keroncong, boria dan sebagainya .

Satu lagi contoh, baru-baru ini ASTRO, stesen TV swasta ada mengadakan konsert kemuncak Akademi Fantasia tiga negara, Malaysia, Thailand dan Indonesia Yang Berhormat, ya dan saya menonton. Sebab itu saya hendak bagi contoh. Salah seorang pemenang juara Akademi Fantasia Indonesia berasal dari Medan. Jadi, pemenang ada tiga yang datang pada hari itu. Seorang dari Medan, seorang pemenang berasal dari Bali dan seorang lagi saya tidak tahu, pasal dia perempuan. Dia menyanyi lagu asli, lagu selayang pandang. Sedap Yang Berhormat. Itu penyanyi remaja. Jadi, bererti saya merasakan bahawa keaslian kita, ikut budaya dan adat resam tidak boleh

dipisahkan. Jadi, itu pandangan. Saya minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat, kerana Negeri Sembilan ada adat perpatihnya. "*Biar mati anak, jangan mati adat*". Terima kasih.

**Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tetapi, saya tidak faham apa maksud Yang Berhormat. Sebenarnya lagu-lagu radio RIMA itu asalnya Klasik FM, memang ia bertujuan untuk memajukan lagu-lagu lama, lagu-lagu asli lama dan sebagainya. Lagu yang baru ini, Siti Nurhaliza memang kita tidak ada kurangkan. Kita ada radio yang pelbagai lagi, radio peringkat nasional. Muzik FM misalnya. Muzik FM banyak mainkan lagu-lagu.....

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Yang Berhormat jangan silap Yang Berhormat. Yang Berhormat pun tidak faham. Saya kata tadi, contoh. Bukan saya kata kurangkan. Contoh tentang bagaimana kita hendak menjauhkan dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading tadi radio irama asli dan sebagainya, menyebabkan berlakunya perubahan nama dan sebagainya. Saya bagi contoh. Terima kasih.

**Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Jadi, walaupun kita namakan Klasik FM, tetapi Klasik FM 70% masih kita kekalkan dengan konsep lama, ya. Okey, itu saya telah jawab. Berbalik kepada perkara.....

**Tuan Salahuddin bin Ayub:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kubang Kerian bangun Yang Berhormat.

**Tuan Salahuddin bin Ayub:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan juga Menteri Penerangan. Saya hendak balik sekejap tadi tentang RTM. Pada pandangan saya RTM perlu kekal dengan identiti Malaysia. Saya rasa dalam kes ini saya rasa kita perlu belajar dengan BBC London. Bagi orang Inggeris ataupun bagi pendengar seluruh dunia, kalau mereka mahu mendengar, *Queen English*, mereka akan buka BBC. Di sana mereka menjaga mutu bahasa, mutu persembahan mereka yang menggambarkan keinggerisan mereka. Saya rasa RTM sama ada televisyen ataupun radio tidak perlu terikut-ikut untuk memenuhi cita rasa dalam Radio Era, *Time Highway*. Saya suka untuk menyebut beberapa nama.

Kalau kita hendak mendengar Bahasa Melayu, keasliannya, mutu bahasanya, juruhebah-juruhebah yang terkenal yang pernah RTM lahirkan, sebagai contoh, Siti Hawa Majid, Zainuddin Zimbo, Salahuddin Haji Ramlan, Ramlah Haji Ramlan. Ini kita buka *channel* ini kita akan mendengar mutu bahasa mereka, intonasi suara mereka ini menggambarkan akhlak dan wibawa RTM. Oleh itu, saya rasa RTM mesti kekal sebagai mana BBC London mengekalkan keinggerisannya. Jadi tidak perlu kita hendak ikut. Kalau hari ini kita hendak buka *Time Highway*, buka Era, juruhebahnya bercakap bahasa rojak, bahasa yang tidak betul. Di mana kita hendak merujuk? Pada pandangan saya RTM mesti kekal. Jangan ikut tempoh, jangan ikut perkembangan yang ada pada radio dan televisyen yang lain, hilang identiti. Saya bersetuju supaya RTM dikekalkan untuk menjaga martabat Bahasa Malaysia yang bermutu dan juga wajah Malaysia yang sebenarnya. Ini pandangan saya.

**Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Sebenarnya siapa yang tukar RTM? Malah, yang kita promosikan sekarang ialah Radio RTM. Kesemua 32 stesen radio ini duduk di bawah payung Radio RTM. Kita mempromosikan Radio RTM. Dahulu pun kalau kita tengok nama-nama dahulu, misalnya Radio 1 bukannya Radio Malaysia. Radio 1 kita tukar jadikan *National FM* - Namanya itu Radio 4, Radio 3, ianya nombor bukan Radio Malaysia, ia ada nombor 1,2,3,4, dan sebagainya. Jadi sekarang kita beri nama-nama tertentu. Macam Radio Bahasa Tamil, kalau tidak salah saya radio 5. Sekarang dia tukar nama 'Minnal' iaitu nama yang diberikan oleh Menteri Kerja Raya juga, ada maknanya, '*Thunder*'.

Begitu juga Radio Cina dahulu Radio 6 kalau tidak salah - Nombor, nombor Radio 5. Sekarang kita bagi 'AY' Radio, 'AY' FM. Dalam itu ada bahasa Cinanya. 'AY' FM, 'AY' maknanya *love, love* bukan dari segi percintaan sesama manusia tetapi segala-galanya. Ini nama dipilih selepas kita berbincang dengan semua pihak termasuk juga pemimpin-pemimpin MCA dan sebagainya. Kalau tidak, dahulunya nombor, Radio 5, Radio 4, Radio 1, Radio 2. Sekarang kita ada nama-nama tertentu. Kita terpaksa promosi nama-nama ini. Insya-Allah selepas itu kita berharap ianya akan jadi *House whole nameslah* dan dapat mempertingkatkan *audience* ataupun pendengar kepada radio-radio ini. Bermakna mesej kerajaan yang kita bersusah payah sampaikan

dapatlah disampaikan kepada rakyat. Kalau tidak itu menjerit in *the wildness* here, tiada siapa yang mendengarnya.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** [*Bangun*]

**Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]:** Dua-dua bangun Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Pasir Mas dan Yang Berhormat bagi Sri Gading.

**Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Betullah Radio 1 jadi Radio Nasional dan sebagainya tetapi di negeri-negeri dahulu dipanggil Malaysia Radio Malaysia Johor Bharu Tetapi sekarang tidak adalah Malaysia itu. Kalau dengar jawapan Yang Berhormat, Yang Berhormat tetapi mempertahankan.

Yang Berhormat, negara kita ini demokrasi. Rintihan orang Melayu, kenapa yang Melayu punya mesti hendak dikongsi? Yang Melayu punya mesti hendak kongsi, hendak dengar Inggeriskah, Hindustankah, buatlah *channel* lain, campuradukkanlah dia, apa salahnya? Tetapi yang Melayu mesti hendak dicampuradukkan. Jadi yang Melayu ini bagi sajalah. Kita tidak boleh mempertahankan Melayu. Ini masalahnya yang dibangkitkan. .

Yang Berhormat, kalau hendak cerita tentang RTM ini banyak kelemahannya. Macam berita, Berita pukul 8, Berita Perdana TV, cerita rompak, *accident*, dan cerita-cerita begini kalau dilihat oleh warga negara asing, seolah-olah Malaysia ini penuh dengan jenayah, penuh dengan perkara-perkara yang menakutkan. Tidak ada membawa erti kata berita yang sebenarnya - amat sedikit, kemudian di campur pula dengan iklan dan sebagainya. Seolah-olah hendak ambil juga cari keuntungan, iklan macam radio-radio swasta yang lain, banyak Yang Berhormat. Soal penuturan macam kata Yang Berhormat bagi Kubang Kerian tadi, betul, campur aduk dengan bahasa kasar, bahasa pasar yang tidak dapat hendak dipertahankan kemelayuan. Saya bersetujulah dengan Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

BBC sudah seratus tahun lebih dia tidak tukar identitinya. Kalau hendak *Quick English*, pergi tukar BBC. Bahasa Melayu di mana boleh rujuk? Mana radio, mana TV yang boleh rujuk Bahasa Melayu yang sebenarnya, Bahasa Melayu standard, mana ada? Kadang-kadang Menteri pun cakap Bahasa Melayu yang sebetulnya pun tidak dapat hendak dilahirkan. Ini rintihan. Saya bercakap bagi pihak orang Melayu, yang

cinta kepada Melayu. Bukan kita hendak bermusuh dengan bangsa lain, tidak, sila. Yang Berhormat hendak bagi Radio Cina, Radio India, Radio Inggeris, bagi. Dia rakyat Malaysia yang mempunyai hak, bagilah. Tetapi yang Melayu ini jangan dikongsi. Kenapa mesti 30% bagi orang lain?

Siapa Yang Berhormat yang boleh mempertahankan ini? Sebagai Menteri, Yang Berhormatlah yang kita harap-harapkan, dapat mempertahankan. Tetapi Yang Berhormat hendak buat alasan hendak tolak juga Melayu ini. Saya tidak faham Yang Berhormat.

**Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** lalah, saya pun tidak faham juga dengan alasan Yang Berhormat juga. Yang buat keputusan pun banyak orang Melayu juga. Jadi kita hendak banyakkkan *audience* supaya mendengar radio itu. Tidak guna kita ada stesen radio, kalau pendengar itu menurun sepanjang masa. Itu sahajalah. Tidak timbul soal kita hendak membelakangkan kepentingan Melayu dan sebagainya. Kadang-kadang nampaknya begitu tetapi sebenarnya kita juga sekarang ini menggalakkan. Sekarang ini sudah ada orang-orang Cina dan India yang pergi menerusi aliran sekolah Kebangsaan dan sebagainya mula juga minat lagu-lagu Melayu.

Sekarang ini dengan adanya sedikit sebanyak lagu-lagu yang lain juga dalam Radio Klasik ini, maka sedikit sebanyak kita juga menggalakkan orang bukan Melayu juga mendengar Radio Klasik. Radio Klasik sekarang dengan satu cara kita menarik mereka untuk mendengar radio Klasik. Dengan secara tidak langsung mereka juga akan membiasakan diri mereka dengan lagu-lagu Melayu juga kerana dasar utama kita adalah ke arah bangsa Malaysia. Kita hendak tarik supaya mereka biasa dengan lagu-lagu Melayu klasik dan sebagainya. Ini adalah satu *angle...* kita bincang. Tetapi kadang-kadang ini kalau cakap *deras-deras* sangat di khalayak ramai sudah tidak elok. Tetapi ini adalah satu cara untuk mereka mendampingi dan merapatkan lagi dengan budaya Melayu, irama Melayu, lagu-lagu Melayu dan sebagainya supaya akhirnya kita dapat membina suatu kebudayaan Malaysia yang berteraskan kebudayaan Melayu.

Yang Berhormat berfikir sendirilah - tengok. Sekarang saya balik kepada soal tadi. Saya hendak....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Pasir Mas bangun.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri Penerangan. Saya tertarik dengan apa yang telah di bincang panjang tadi oleh Yang Berhormat Menteri Penerangan dan oleh sahabat-sahabat berkaitan dengan Kementerian Penerangan. Kita bersetuju dengan konsep dan tujuan Kementerian Penerangan untuk memberi suatu yang terbaik, mempersembahkan suatu yang terbaik bagi manfaat rakyat di seluruh negara kita ini melalui Kementerian Penerangan. Kerana kita tahu bahawa Kementerian Penerangan sama pentingnya dengan Kementerian Pelajaran. Oleh yang demikianlah, saya melihat sepanjang apa yang telah dikemukakan oleh Kementerian Penerangan melalui TV, melalui radio dan sebagainya, saya nampak kementerian masih mencari dasar penerangan, asyik tidak jumpa lagi dasar penerangan sebenar.

Oleh yang demikian, nampaknya bila satu menteri datang, berubah, mari datang menteri lain, berubah dan sebagainya. Saya melihat di sini kalau setidak-tidaknya yang paling utamanya kementerian mempertahankan sahsiah, keperibadian itu sendiri, misalnya penyanyi-penyanyi yang muncul di kaca TV ataupun di khalayak ramai, setidak-tidaknya sahsiah ataupun keperibadian sebagai warganegara Malaysia yang terkenal dengan identitinya dan sifat yang baiknya itu perlu kita pertahankan.

Saya lihat kelmarin, saya bukan tidak setuju, bukan kata PAS ini tidak setuju atau menolak semua, tidak. Ada yang kita setuju dan ada yang kita bagi cadangan. Sekiranya kita boleh terima, kita terima. Hampir seluruh rakyat Malaysia ini berminat dengan Siti, dengan suaranya, dengan penampilannya, tetapi setelah Siti membuat pertunjukan di *Royal Albert Hall, London* itu, saya tengok dengan pakaian yang luar biasa. Dahulu pakaian Siti ini elok sebenarnya, tidak mendedahkan sangat. Kalau ada pun sedikit-sedikit, tidak mendedahkan seluruhnya. Tetapi kelmarin pakaiannya cukup nipis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat perhati jugalah.

**Beberapa Ahli:** [Menyampuk]

[Dewan gamat seketika]

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Tengok, tengok, tengok, bukan tidak tengok, itu yang boleh cakap di sini. Suaranya elok, kita pujilah suara Siti ini, suara Siti elok.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tetapi yang saya tengok, Yang Berhormat, dia pakai pakaian dalam itu, Yang Berhormat, warna sama. [Ketawa]

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Anak saya tanya saya, dia kata, “Abah, ada pakaian atau tidak ada pakaian?” Kalau kekal dengan pakaian biasa, apa salahnya, Siti suaranya merdu. Sama macam suara orang Arab, Siti ini. [Disampuk] Betul. Suara Siti ini sama macam suara Umi Kalsom. Yalah, kalau orang lain tidak kata pun, saya kata. Saya pun dengar suara dia. Suara hebat, sama dengan suara orang Arab. Tetapi kalau kita kekalkan dengan pakaiannya, biarlah sedikit-sedikit itu maknanya melayani kehendak penonton dan peminat tetapi janganlah sangat...

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Minta jalan.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Yang keduanya pula...

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** [Mengetuk mikrofon]

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Dia hendak minta penjelasan.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Minta jalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, ini giliran Yang Berhormat bagi Pasir Mas.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Saya hendak mencelah sedikit, boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tanya, Yang Berhormat Menteri...

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Saya minat dengan suara dengan seni kata Ramli Sarip, “Kalau sudah madu tidak berbau”, misalnya, contohnya. Kita tengok bagaimana ada nilainya, perkataan yang dikemukakan itu ada nilai, bukan perkataan yang diambil daripada kita pun tidak faham. Barangkali penyanyi-penyanyi kita pun tidak faham, ke mana arah perkataan ataupun seni kata yang telah dikemukakan. Hendak bina apa? Seni kata yang diucapkan oleh penyanyi-penyanyi kita untuk tujuan apa? Hendak bina apa? Hendak bina masyarakatkah, hendak bina pemudakah, hendak bina orangkah, hendak bina binatangkah ataupun apa tujuannya?

Sini sepatutnya Kementerian Penerangan setidak-tidaknya buat syarat-syarat tertentu sehingga apa yang disampaikan oleh penyanyi-penyanyi ini dapat membentuk sesuatu, hendak bentuk pemudakah, hendak bentuk generasikah, hendak bentuk

apakah, kerana itu saya kata, saya tertarik dengan Ramli Sarip. *[Disampuk]* Bila dengar suara dia, memang suara dia menggeletar, tetapi perkataan dia, perkataan yang bagus, lagu-lagu asli, misalnya.

Tetapi bila masuk lagu rock, macam-macam lagu lagi sekarang ini yang disadur daripada Barat yang tidak boleh membina. Kita hendak bina apa? Lagu Barat ini hendak bina apa sebenarnya? Saya tidak tahu apa motifnya. Kerana itulah saya mengharapkan Yang Berhormat Datuk yang pegang kementerian ini mesti mempunyai wawasan dunia dan akhirat, bukan wawasan dunia sahaja. Apa lagi saya selalu sebut di sini bahawa makin lama makin dekat, makin lama makin dekat, kita akan mati dan kita akan disoal.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Datuk akan ditanya sebenarnya. Bukan Datuk lepas begitu sahaja, Datuk akan ditanya, mengapa Datuk lepas kepada penyanyi-penyanyi apa sahaja yang dia kehendaki. Ditanya sebagaimana saya ditanya di akhirat...

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Minta jalan.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** ...dan Datuk juga akan ditanya di akhirat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, ini Menteri...

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Hendak mencelah sedikit, hendak celah di sini, boleh tak?

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Tidak, tidak, antara saya dengan Datuk ini.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Minta jalan sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Minta dengan Menteri, Yang Berhormat.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Tidak, dengan dia bukan dengan Menteri, dengan Yang Berhormat.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tetapi sekarang giliran Yang Berhormat bagi Pasir Mas.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Ini saya dengan Datuk. Nanti Datuk bagilah. Jadi, apa yang saya hendak kemukakan di sini untuk mendapat pandangan Datuk, benda-benda sedemikian, maknanya kita hendak membina satu generasi Malaysia yang mempunyai kewibawaannya sendiri. Contoh lagi, Datuk...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah, Yang Berhormat bagi Pasir Mas, cukup.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Salam Pantai Timur, misalnya. Salam Pantai Timur itu mesejnya bagus tetapi kadang-kadang bercakap dengan bahasa rojak. Hendak kata bahasa Kelantan pun bukan bahasa Kelantan. Yang seorang perempuan itu bukan bercakap bahasa Kelantan, Datuk, minta maaf. Kalau ada di sini pun, saya sudah sentuh tahun lepas, bukan bahasa Kelantan yang sungguh, bahasa yang diambil, diimport daripada bahasa Pattani, bahasa Siam, Siam Melayu.

Jadi, tidak menyerlah juga kita, Kelantan pun tidak Kelantan, hendak Pahang tidak Pahang, hendak Johor pun tidak Johor, jadi biarlah Kelantan sungguh. Macam dikir barat, siapa itu? Salah seorang itu, namanya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Pasir Mas, cukuplah.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Dia bercakap dengan bahasa Kelantan tetapi baik. *[Disampuk]* Ha, Sabri, Sabri itu saya tahniah kepada Sabri kerana melalui televisyen dia serba...

**Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, panjang sangat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sudahlah, Yang Berhormat bagi Pasir Mas.

**Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Kita bagi jalan ini, saya tengah dok jawab ini. *[Ketawa]*

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Terima kasih, terima kasih.

**Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tetapi Yang Berhormat janganlah cakap panjang-panjang pasal Siti Nurhaliza dan sebagainya. Dasar rasmi Kerajaan Negeri Kelantan, suara orang perempuan sedap tara mana pun adalah aurat. Jadi, suara orang perempuan tidak boleh diperdengarkan langsung, *banned*. *[Ketawa]*

Ha! Macam mana itu hendak jadi? Yang Berhormat bagi Pasir Mas ini curi-curi dengar ini, Siti Nurhaliza. *[Ketawa]* Tahniahlah! Dia curi-curi dengar.

Okey, izinkan saya sedikit masa, Tuan Yang di-Pertua, untuk memperjelaskan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Boleh gulung, Yang Berhormat.

**Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Hendak memperjelaskan mengenai *coverage* oleh RTM kepada masalah gempa bumi di Aceh baru-baru ini. Banyak sangat kritikan yang telah pun dilemparkan kepada pegawai-pegawai radio dan juga televisyen RTM. Bersama-sama saya ada semua fakta, *right to the details*, waktu dan sebagainya dan saya harap semua akan dengar ini baik-baik. Selepas itu terpulang kepada Ahli Yang Berhormat sama ada hendak puji pegawai-pegawai radio dan televisyen di atas kecekapan mereka ataupun hendak terus-menerus mengkritik mereka.

Sebenarnya gempa bumi itu berlaku jam 12.09 tengah malam dan secepat mungkin menerusi rangkaian sahabat-sahabat RTM – radio-radio ini ada rangkaian sahabat-sahabat, *network throughout the country*. Mereka sampaikan berita yang berbagai-bagai menerusi MMS dan SMS mengenai gempa bumi ini dan tepat 6 minit selepas itu, 12.15 tengah malam, RMKL telah pun siarkan berita itu terus-menerus, tidak berhenti-henti selepas itu. Jadi, yang pertama kali menyiarkan adalah RMKL. Selepas itu lebih kurang jam 12.50, TV1 mendapat berita ini.

Tetapi TV1 dan TV2 adalah televisyen rasmi kerajaan. Dia hendak terus-menerus siarkan segala-gala yang dia terima itu, kadang-kadang ia akan timbulkan panik, bahaya, ini perkara besar, bukan perkara kecil. Wah! Akan ada Tsunami. Semua kena lari lintang-pukang, pindah dari rumah. Jadi, dia kena menghalusi untuk siasat supaya perkara itu benar-benar sah baru dia akan siarkan. Jadi, dia terima dalam 12.50, selepas itu dia cuba menghubungi Jabatan Kaji Cuaca berulang kali, dah telefon dia *jammed*. Jadi, dia tunggu punya tunggu, Tuan Yang di-Pertua, maka pada berita jam 1.15, dia tidak sabar lagi, maka dia siarkan jugalah berita gempa bumi ini. Hanya lebih kurang 15 minit sahaja lambat. Itu sebabnya dia dok mencari pengesahan sama ada betul atau tidak.

Walaupun ada gempa bumi, sudah *create* panik juga sama ada Tsunami berlaku atau tidak. 15 minit sahaja. Itu pun dia tunggu-tunggu tidak jadi, maka dia siarkan juga

pada 1.15 dan selepas itu dalam 12.30 dia sudah kerah jentera kita. Walaupun televisyen tamat pada 1.30 tetapi kita sudah pun ada mekanisme yang sedia ada, di mana semua pegawai kita boleh dikerahkan dan siaran itu dapat diteruskan 24 jam.

Sudah ada mekanisme, bukan satu perkara yang baru. Jadi pada 12.30 tengah malam, mekanisme itu telah pun digerakkan, maka seluruh negara, pegawai-pegawai kita dibangunkan dari tidur mereka dan terus pergi ke stesen masing-masing di Johor, Kedah, di merata-rata tempat termasuk juga di Kuala Lumpur dan siaran RTM – TV1 diteruskan sampai pagi, sampai enam pagi dan disambung balik seperti biasa. Jadi ini yang heboh sangat, pasal lambat 15 minit itulah, itu sahaja yang kata mereka tidak cekaplah, tidurlah, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor r kata 'tidur' dan sebagainya, 15 minit, itu pun pasal hendak dapat *confirmation*. Alhamdulillah sekarang ini kita sudah mengambil tindakan susulan, kita pun sudah ada hotline antara RTM dengan Jabatan Kaji Cuaca dan juga Ibu Pejabat Polis dan kita juga akan ada *hotline* dengan tempat-tempat lain yang diperlukan dari semasa ke semasa. Tuan Yang di-Pertua, jadi, itulah penjelasan.

Mengenai cadangan supaya RTM dikorporatkan, ia sebenarnya bertujuan untuk memantapkan kedudukan RTM dari segi pengurusan kewangan dan sumber manusianya tanpa menjejaskan tugas hakiki RTM, iaitu sebagai penyampai maklumat rasmi kerajaan. Pada waktu ini, pihak RTM sedang memperkemaskan jentera kewangannya, jentera pentadbirannya sebagai satu usaha untuk menyediakan RTM supaya dapat dikorporatkan.

Mengenai anggapan bahawa Jabatan Penerangan dan Jabatan Hal Ehwal Khas bersaing sesama sendiri, itu sebenarnya adalah satu persepsi di mana kedua-dua jabatan tersebut mempunyai tugas dan tanggungjawab yang sangat berbeza dan secara kebetulan kedua-duanya berada di bawah penyeliaan Kementerian Penerangan. Jabatan Penerangan mempunyai tugas khusus sebagai penyalur maklumat rasmi kerajaan melalui pendekatan komunikasi bersemuka dan juga menyebarkan risalah-risalah kerajaan. Buat masa ini, peranan Jabatan Penerangan juga telah diperluaskan dengan mewujudkan pusat maklumat masyarakat di seluruh negara untuk membolehkan orang ramai berinteraksi dengan Jabatan Penerangan bagi mendapat maklumat dan perkhidmatan yang berkaitan dengan urusan rasmi kerajaan. Jabatan Hal Ehwal Khas

juga melaksanakan tanggungjawab melalui kaedah komunikasi bersemuka, tetapi fokus kepada isu-isu yang berkaitan dengan isu agama dan juga politik. Waktu ini kita telah pun tubuhkan satu Jawatankuasa Penyelaras Kementerian Penerangan di tiap-tiap negeri dan semua ketua jabatan dan agensi di bawah Kementerian Penerangan selalu, sepanjang masa, setiap minggu mengadakan mesyuarat untuk menyelaraskan kerja-kerja mereka.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai saranan agar Kementerian Penerangan mempertingkatkan latihan kepada wartawan dalam mencari bahan-bahan berita yang menarik sebelum ia disiarkan, Kementerian Penerangan sememangnya sedar bahawa perkara ini perlu diberi tumpuan untuk memastikan kualiti berita yang disiarkan adalah menarik dan berkesan. Langkah-langkah yang telah diambil ialah mengenal pasti kaliber wartawan berita itu sendiri, di samping memberi latihan pemberitaan dan khidmat sokongan yang diperlukan seperti aspek pengangkutan dan komunikasi yang canggih. Perkara ini dilaksanakan secara berterusan terhadap wartawan berita di RTM agar mereka menjadi lebih mahir dan profesional.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Jasin bahawa berita yang disampaikan oleh RTM tidaklah begitu menarik, tetapi hanyalah pada memperagakan wanita-wanita cantik sahaja. Begitu juga yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Ketereh. Sebenarnya perkara itu tidak betul. Mengikut *feedback* yang kita telah terima dan *ratings* yang telah kita kaji, penonton kepada warta-berita RTM sekarang sedang meningkat. Bermakna ini mendapat sambutan daripada pihak rakyat.

Ada juga pemberita-pemberita yang baik, yang sudah lama, sudah berpuluh-puluh tahun dan berbelas-belas tahun membaca berita, maka adillah kita naikkan pangkat mereka. Takkan sudah berbelas-belas tahun hanya menjadi pembaca berita kalau mereka ini baik seperti Harjit Singh Hullon atau Haji Hasbullah, maka kita naikkan pangkat mereka dan memberi kerja-kerja yang lebih mencabar. Dengan itu kita boleh bawakan muka-muka baru pula. Muka-muka baru pun, kita pastikan mereka benar-benar cekap dan kebanyakan mereka yang baru bekerja dengan RTM adalah orang-orang yang mempunyai kelulusan yang tinggi.

Untuk makluman Yang Berhormat, RTM sedar persaingan yang terpaksa dihadapi dari stesen-stesen TV swasta dan sentiasa berusaha untuk menarik *audience* dengan pelbagai cara termasuk menggunakan penyampai berita yang cekap dan menarik. Melalui pengenalan personaliti-personaliti baru, penyampai berita ini, *audience* akan tergerak untuk mengikuti berita RTM. Masalah kita bukan sahaja hendak menyampaikan berita RTM, masalah utama kita juga adalah bagaimana hendak pastikan, orang tengok, orang dengar dan lihat, menonton siaran-siaran kita. Jadi RTM sentiasa mencuba untuk mendapatkan para penyampai yang dapat memberikan perkhidmatan dengan lebih profesional dan berkesan, juga yang mempunyai kelulusan tinggi. Pendekatan ini merupakan usaha berterusan RTM untuk meningkatkan kualiti pemberitaannya dan sama sekali tidak mengabaikan tanggungjawab sebagai penyampai maklumat rasmi kerajaan.

Yang Berhormat bagi Titiwangsa melahirkan perasaan tidak puas hati terhadap ketidakcekapan televisyen RTM membuat liputan berita gempa bumi itu....

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof:** *[Bangun]*

**Dato' Ghazali bin Ibrahim:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Jasin bangun Yang Berhormat, ada dua yang bangun Yang Berhormat.

**Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Itu saya telah pun jawab tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada dua yang bangun Yang Berhormat, hendak bagi? Jasin, ya?

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri, sahabat saya. Kita tengok RTM memang sudah baik - banyak, walaupun komen-komen kita itu kita minta diambil perhatian sedikit. Tetapi dalam baik itu Datuk, saya tengok RTM, gambar, logo, semua sudah baru tetapi peralatan dia, buruk-buruk. Orang sekarang sudah pakai kamera canggih-canggih, budak-budak RTM itu, kasihan Datuk, setengah pikul dok pikul. Selepas itu kenderaan RTM, kata hendak berita cepat, tengok ada kenderaan yang sepuluh tahun, rosak pula lagi, hendak berkejar-kejar berita, rosak tengah jalan apa semua. Jadi kalau hendak baik itu Datuk, prasarana di RTM itu harus diperbaiki sama. Jangan logo sahaja cantik,

apa cantik, tetapi peralatan buruk, kenderaan buruk, bagaimana orang-orang Datuk hendak bekerja? Ini pandangan saya Datuk, terima kasih.

**Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Terima kasihlah, itu pandangan yang membantu kami, ya. Memang kita sedar bahawa banyak dari peralatan itu sejak dari zaman Allahyarham Dato' Senu lagi dan kita sedar dan sepanjang masa memujuk Kementerian Kewangan untuk memberi peruntukan supaya kita dapat memperbaiki, memperbaharui bahan-bahan yang berkaitan. Alhamdulillah, sejak akhir-akhir ini, kita telah pun mula mendapat bantuan dari pihak Kementerian Kewangan untuk membeli barangan baru dan menggantikan yang lama, dan banyak yang lama juga kita telah pun dapat memperbaiki dari *savings* yang telah kita perolehi dengan kita memperbaiki jentera pentadbiran. Kita sedang memperbaiki jentera pentadbiran, jentera kewangan kita dan oleh sebab itu kita telah mendapat banyak *savings* dan *savings* ini juga kita gunakan untuk mempertingkatkan apa yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat.

**Dato' Ghazali bin Ibrahim:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** 'Padang Terap' bangun Yang Berhormat, hendak beri jalan?

**Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Sila, sila sahabat saya dari "Kuala Nerang" sila.

**Dato' Ghazali bin Ibrahim:** Padang Terap Datuk.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Padang Terap.

**Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Padang Terap tetapi kampung dia Kuala Nerang.

**Dato' Ghazali bin Ibrahim:** [*Ketawa*] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri yang menjawab. Tadi Yang Berhormat Menteri menyatakan bahawa, cuba hendak menarik *audience* supaya melihat program-program yang disiarkan oleh RTM. Tetapi kalau kita tengok satu iklan dalam RTM, satu orang tua, dia mengajak *audience* melihat Astro – 'macam-macam ada', dia kata. Jadi satu ketika kita hendak mengajak masyarakat supaya melihat program-program RTM tetapi dalam iklan RTM, suruh tengok Astro. Dia kata, 'macam-macam ada' dalam Astro, ada saya tengok dalam RTM, itu yang pertama.

Yang kedua, siaran-siaran Astro pukul lapan dia buat HO Live – Halim Othman Live, ringkasan. Kenapa kita tidak selaraskan semua pukul lapan diberikan Berita Perdana kepada seluruh stesen TV kita. Dan apa yang agak baik ialah Parlimen Hari Ini, pukul 8.30. *Time* itu saya tengok semua cikgu mengajar, semua pegawai kerajaan sudah pergi ke pejabat, yang petani apa semua pergi ke bendang. Jadi siapa hendak melihat program yang agak bermakna pada masyarakat. Boleh kita ubahsuai sedikit program supaya program yang bermakna itu diubahsuai kepada masa yang sesuai untuk dilihat oleh masyarakat seluruhnya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, percayalah kepada saya antara masalah utama RTM adalah bagaimana hendak meningkatkan audiens dan pendengar. Pendengar kepada radio dan audiens kepada TV. Itu masalah utama. Kita belanja duit cukup banyak, berjuta-juta ringgit hendak menyampaikan maklumat-maklumat yang membina. Maklumat untuk membina bangsa, untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat, meningkatkan nilai-nilai kekeluargaan, memajukan dasar-dasar kerajaan yang dipilih oleh rakyat dan sebagainya. Apa gunanya kalau orang tidak tengok, orang tidak dengar? Ini semua yang kita buat ini adalah usaha-usaha untuk memperbanyakkan audiens.

Jadi kadang-kadang kita terpaksa berkorban di sana sedikit demi untuk memperbanyakkan audiens dan membuat penyesuaian yang berbagai-bagai. Ini dia. Saya tidak tahu dan tidak dapat pastikan sama ada RTM yang menayangkan iklan tersebut kerana itu adalah iklan ASTRO. Saya tidak faham, saya akan *check* dahulu ya. Tetapi....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Mungkin ada pendapatan bagi RTM Yang Berhormat.

**Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Ya, memanglah. Memang kadang-kadang sama juga. RTM kadang-kadang menggunakan TV3 dan juga ASTRO untuk mengiklankan bagi mempromosikan program-program yang dia hendak orang tengok. Itu biasalah. Yalah, satunya untuk *revenue*, kita tayangkan sebab dia bayar duit. Tetapi RTM juga kadang-kadang mempromosikan program di TV3 dan ASTRO. Ini perkara biasa.

Seterusnya Yang Berhormat bagi Kemaman melahirkan perasaan tidak berpuas hati terhadap *website* RTM yang hanya memaparkan maklumat rancangan TV seperti yang disiarkan dalam akhbar. Sepatutnya *website* RTM memaparkan lebih banyak berita terkini.

Untuk makluman Yang Berhormat, di samping mengeluarkan maklumat semasa yang dilaporkan sendiri oleh Bahagian Berita RTM, *website* RTM juga ada linknya kepada *website* Bernama yang memaparkan maklumat lengkap mengenai berita-berita semasa. Namun demikian saya akan mengkaji kedudukan *website* RTM ini dan saya akan cuba memperbaikinya sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Panjang lagikah Yang Berhormat?

**Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Sedikit lagi. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Batu Pahat mencadangkan RTM mengadakan satu iklan atau rencana khusus berkaitan dengan penyakit-penyakit kerana kebanyakan iklan mengenai penyakit yang ada amat ringkas dan tidak memberi kesan kepada masyarakat. RTM menyambut baik saranan Yang Berhormat bagi Batu Pahat mengenai penerbitan iklan yang berkaitan kesihatan masyarakat. Kerjasama dengan kementerian lain seperti Kementerian Kesihatan diadakan dari masa ke semasa terutamanya bagi kempen-kempen khas seperti membanteras gejala dadah, hidup sihat tanpa AIDS, denggi dan pelbagai lagi.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat bagi Gerik beliau telah membangkitkan kebimbangan tentang hala tuju Filem Negara. Filem Negara seperti yang diketahui umum dikenali sebagai penerbit filem dokumentari, filem *thriller* dan liputan filem peristiwa yang kemudiannya di arkibkan bukan sahaja di Arkib Filem Negara tetapi juga di Arkib Negara. Filem Negara akan dijadikan sebagai pusat setempat *one stop center* bagi menerbitkan filem dokumentari dan animasi. Kini Filem Negara Malaysia telah pun memainkan peranannya sebagai sebuah pusat penerbitan dan menerbitkan filem-filem seperti Paloh, Embun dan drama mega bersiri Tin Gei Bin.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan mesyuarat***]

Di samping itu, Filem Negara juga menyediakan filem *thriller* bagi pihak yang menjalankan kempen-kempen yang menjelaskan dasar-dasar kerajaan kepada rakyat. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua yang telah membangkitkan pelbagai perkara mengenai kementerian saya. Kebanyakannya adalah membina dan ini telah pun diambil perhatian oleh pihak kementerian dan kita akan baiki di mana yang perlu dibaiki. Sekian terima kasih.

**Tuan Lim Kit Siang:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah habis Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, okey.

**Tuan Lim Kit Siang:** Oleh kerana semalam Yang Berhormat Pengerusi BBC dan Yang Berhormat bagi Johor Bahru pun ada melahirkan desakan mengenai *live telecast* Parlimen, sudah tentu cadangannya telah berkali-kali dikemukakan. Adakah Yang Berhormat Menteri kementerian beliau rela untuk kaji perkara ini kerana ia mengenai Parlimen di negara kita ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh?

**Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, ini sebenarnya bukanlah satu perkara yang mudah. Kalau kita hendak siarkan rancangan secara langsung tentang sidang Parlimen, bermakna kita terpaksa korbankan (*sacrifice*), pelbagai program-program yang lain. Program membina bangsa, program memerangi dadah, dan sebagainya yang berbagai-bagai. Itu satu. Okey, saluran yang baru untuk perhatian dan untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat akan memakan perbelanjaan yang cukup tinggi. Tapi kami juga mula merasakan bahawa ini adalah satu perkara yang perlu dan pihak kementerian sedang membuat kajian yang lengkap dan *detail* mengenai biaya sebenarnya yang diperlukan untuk mengadakan satu saluran baru.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah Yang Berhormat. Terima kasih. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

**3.27 ptg.****Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Seri Ong Ka Ting]:**

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian semasa membahaskan Usul menjunjung kasih dan perbahasan Titah Diraja yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di Dewan yang mulia ini.

Mengenai sistem penyampaian perkhidmatan PBT yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat bagi Subang, sukacita dimaklumkan bahawa pihak kementerian telah dan sedang melaksanakan beberapa langkah bagi menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan PBT berdasarkan laporan yang disediakan dengan kerjasama Institut Pentadbiran Awam Negara (INTAN).

Laporan tersebut menggariskan tindakan-tindakan yang perlu diambil oleh PBT bagi memperbaiki sistem penyampaian perkhidmatan. Antara tindakan yang terkandung dalam laporan ini ialah mewujudkan unit tindakan khas di PBT serta menggunakan pendekatan *Key Performance Indicators* (KPI). Antara tindakan-tindakan lain yang telah diambil oleh kementerian bagi memperkemas sistem penyampaian perkhidmatan di PBT ialah menyediakan garis panduan proses kelulusan pembangunan pada tahun 2002, menyediakan garis panduan bagi menubuhkan *one stop center* di PBT bagi mempercepatkan pengeluaran sijil layak menduduki (CFO) pada tahun 2003.

Dari segi pengambilan pekerja di PBT, ianya adalah mengikut budi bicara PBT dan hanya calon yang layak sahaja diambil bekerja. Mereka yang dipilih akan diberi latihan secara berterusan bagi meningkatkan prestasi termasuk aspek komunikasi dengan pelanggan.

Isu cukai pintu. Pihak kementerian bersetuju dengan saranan Ahli Yang Berhormat bagi Jerlun supaya PBT mengutip cukai pintu dengan lebih cekap memandangkan 60% daripada pendapatan PBT adalah dari hasil cukai pintu. Kutipan hasil cukai pintu di PBT pada keseluruhannya adalah memuaskan. Pada tahun 2000, sebanyak 82.7% daripada jumlah cukai pintu berjaya dikutip oleh PBT.

Pelbagai langkah mesra pelanggan telah diambil oleh PBT bagi meningkatkan lagi pungutan cukai pintu. Di antaranya ialah menyediakan kemudahan bayaran

berkomputer melalui bank dan Pos Malaysia serta memberi insentif bagi bayaran yang dibuat dalam tempoh yang ditetapkan. Dari segi penguatkuasaan di bawah Seksyen 148 Akta 171, PBT boleh mengambil tindakan untuk menuntut tunggakan melalui notis dan jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tertentu harta yang berkenaan akan di sita.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Cheras, cadangan supaya diadakan pilihan raya bagi memilih Ahli-ahli Majlis di PBT telah dijawab oleh kementerian ini semasa menjawab soalan lisan Ahli Yang Berhormat bagi Pulau pada 30 Mac 2005. Ahli Yang Berhormat bagi Subang dan Papar telah membangkitkan isu .....

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat.

**Tuan Tan Kok Wai:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa jawapan yang telah diberikan oleh Setiausaha Parlimen tempoh hari itu paling tidak memuaskan kerana alasan yang diberikan mengapa pilihan raya Kerajaan Tempatan tidak harus dibolehkan adalah disebabkan Ahli-ahli Majlis, prestasi mereka memuaskan dan cukup pemantauan daripada kerajaan.

Ini adalah tidak benar sama sekali kerana antara jumlah 144 kerajaan tempatan di seluruh negara, hampir kesemua ini adalah sangat dihina oleh rakyat kerana prestasi mereka adalah tidak memuaskan. Bukan semacam yang dikatakan oleh Setiausaha Parlimen iaitu adalah suatu kenyataan memutarbelitkan kebenaran. Saya juga ada menunjukkan empat kebenaran dalam ucapan saya yang harus dijawab oleh menteri.

Yang pertama, pada tahun yang lalu pada 1 Mac 1965 apabila bekas Perdana Menteri telah mengisytiharkan pilihan raya Kerajaan Tempatan itu digantungkan tetapi pada masa yang sama janji yang tidak diragui diberikan kepada Dewan ini bahawa sebaik-baik sahaja konfrontasi Indonesia tamat, sebaik sahaja ketenteraman dan keamanan kembali ke Malaysia, maka pilihan raya Kerajaan Tempatan akan dipulihkan tanpa sebarang persoalan. Ini adalah kenyataan yang diberi dalam Dewan Rakyat oleh kerajaan. Bukankah ini merupakan suatu pengkhianatan secara rasmi terhadap rakyat.

Yang kedua, Malaysia membangga-banggakan bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang berasaskan demokrasi berparlimen. Tetapi mengapakah negara-

negara jiran di rantau ini termasuklah negara-negara yang lebih mundur pun boleh mengadakan pilihan raya Kerajaan Tempatan termasuklah negara-negara komunis pun ada pilihan raya kerajaan tempatan, Malaysia tidak boleh. Saudi Arabia pun mulakan pilihan raya kerajaan tempatan. Tetapi Malaysia sebaliknya mundur dari mereka. Apakah penjelasan yang boleh diberikan oleh Yang Berhormat Menteri.

Yang ketiga, Suruhanjaya Diraja yang ditubuhkan oleh kerajaan yang diketuai oleh seorang Senator merekomenkan supaya pilihan raya Kerajaan Tempatan itu harus dipulihkan tetapi kerajaan enggan menerimanya. Ini adalah hakikat yang tidak dapat dinafikan oleh pihak kerajaan. Maka Yang Berhormat Menteri sila jelaskan, bukan ucapan yang tidak memuaskan daripada Setiausaha Parlimen, itu adalah tidak mencukupi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik Yang Berhormat.

**Tuan S. Devamany:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya membetulkan bahawa Setiausaha Parlimen tidak menjawab soalan pada hari itu.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, saya tahu. Memang saya hendak jelaskan ini juga. Yang Berhormat pun tidak mempunyai fakta betul-betul sebelum membuat dakwaan. Setiausaha Parlimen tidak pernah menjawab soalan ini di sini. Yang menjawab ialah Timbalan Menteri. [*Dewan riuh*] Kalau fakta asas itu pun tidak tahu, apa lagi yang hujah-hujah yang lain itu.

**Seorang Ahli:** Bodohlah.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Tidak mengapa. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat telah mengambil kesempatan untuk membuat satu dakwaan dan ucapan yang panas hati sedikit tetapi ianya tetap tidak akan mengubah ataupun membawa apa-apa perubahan kepada kenyataan.

Di Malaysia ini, negara kita ada banyak kejayaan. Ada banyak amalan kerajaan sejak kemerdekaan sehingga hari ini di mana begitu banyak negara lain termasuk pemimpin tertinggi mereka bergilir-gilir datang ke Malaysia untuk belajar daripada kita. Mengapa dia tidak sebut yang itu? Itu memang Malaysia boleh. Memang boleh.

Tidak payahlah buat satu tuduhan terhadap Ahli-ahli Majlis yang tidak ada dalam Dewan ini. Begitu ramainya Ahli Majlis di seluruh negara, mereka tidak ada di dalam Dewan ini. Jadi, buat dakwaan mengatakan dihina oleh rakyat, saya rasa itu tidak adil. Ada juga Ahli-ahli Majlis dari pembangkang dari Kelantan, adakah mereka juga dihina

oleh rakyat? Tidak boleh kita sekali gus mengatakan bahawa di mana-mana juga ada satu sistem, dia mesti ada kelemahan. Yang penting ialah hasrat dan keikhlasan kerajaan ataupun betapa seriusnya kita betulkan kelemahan.

Tidak boleh kita kata ada kelemahan menjadikan sistem yang keseluruhan itu semua baik. Tidak boleh di kata di Malaysia ada penjenayah, maka negara ini semuanya tidak baik. Saya tidak bersetujulah Yang Berhormat kata .....

**Tuan Tan Kok Wai:** Penjelasan, saya ada bukti teguh.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Saya belum siap menjawab apa yang telah dibangkitkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bagi Yang Berhormat jawablah.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Tidak payahlah cuba bagi ..... *[Disampuk]* Saya belum siap. Tidak apalah Yang Berhormat.

**Tuan Tan Kok Wai:** Satu bukti di sini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat duduk dahulu.

**Tuan Tan Kok Wai:** Dewan Bandaraya Kuala Lumpur misalnya di antara 144 Kerajaan Tempatan .....*[Disampuk]* *[Dewan amat riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Beberapa Ahli Pembangkang:** *[Bangun dan membantah]*

**Seorang Ahli:** Duduklah, apalah, macam ini susahlah!

**Tuan Yang di-Pertua:** Cheras, lepas ini boleh bangun.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Cukuplah Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin memberi satu jawapan yang menyeluruh. Tidak payahlah membangkit lagi isu.

Yang Berhormat cuba bangkitkan fasal DBKL itu pun tidak tepat. DBKL mana ada Majlis Bandaraya? DBKL adalah di bawah satu akta yang berlainan. Dia tidak ada Ahli Majlis. Hanya ada Lembaga Penasihat.

**Tuan Tan Kok Wai:** Tetapi dia pun Kerajaan Tempatan. Dia pun sebuah Kerajaan Tempatan.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Yang Berhormat sebut Ahli Majlis.

**Tuan Tan Kok Wai:** DBKL pun ditandatangani bersama oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan juga.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Betul. Itu betul tetapi Yang Berhormat telah menggunakan Ahli Majlis. Tadi Yang Berhormat menggunakan perkataan Ahli Majlis di seluruh negara dihina oleh rakyat. Saya betulkan dakwaan itu bahawa tidak tepat. Begitu ramai Ahli Majlis telah membuat kerja dengan begitu baik sekali. Tidak adil jikalau kita membuat suatu dakwaan terhadap mereka ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tidak perlu kita membuang masa untuk pusing-pusingan soalan ini.

Ahli Yang Berhormat bagi Subang dan Papar telah membangkitkan isu pelaksanaan program kemiskinan. Berhubung dengan perkara ini pihak kementerian telah merangka rancangan strategi tan pelan tindakan bagi menangani masalah kemiskinan di bandar untuk tempoh jangka .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat hendak beri laluan?

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** ..... saya belum siap ayat saya. Sekarang ini kemiskinan.

**Seorang Ahli:** Duduklah. Duduklah. Duduk!

**Beberapa Ahli Pembangkang;** [*Bangun membantah*]

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Bagi saya siapkan huraian ini, iaitu kemiskinan dahulu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti dia habis.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Bagi menangani masalah kemiskinan di bandar untuk tempoh jangka pendek dan sederhana di antara lima program tras yang dirancang bagi mengatasi masalah kemiskinan di bandar ialah program meningkatkan pendapatan ataupun capacity building, program menyediakan perumahan, program menyediakan kemudahan kesihatan, program pendidikan dan program sosial. Okey.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Fong Kui Lun:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Adakah Yang Berhormat Menteri bersetuju dengan saya bahawa Yang Berhormat Ahli Parlimen boleh dipilih oleh rakyat. Ahli Dewan Undangan dipilih oleh rakyat. Saya tidak tahu mengapa Ahli Majlis Kerajaan Tempatan tidak boleh dipilih oleh rakyat. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya. Terima kasih.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Saya memang tidak kata dan kerajaan pun tidak kata ahli majlis tidak boleh dipilih oleh rakyat. Pada masa kini sistem di Malaysia yang *three tier government* ini dengan izin telah pun diamalkan dengan baik - adalah berjaya. Jadi oleh kerana sistem ini berjaya maka tidak payahlah kita ubah-ubah. Itulah jawapan saya. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan berperanan sebagai penyelaras bagi semua program yang berkaitan dengan pembasmian kemiskinan di bandar yang dirancang oleh agensi Kerajaan Persekutuan dan negeri, pihak berkuasa tempatan dan badan bukan kerajaan.

Isu kebersihan dan kutipan sampah. Mengenai isu kebersihan dan longgokan sampah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Putatan, Dungun dan Jerlun sukacita dimaklumkan bahawa tanggungjawab memantau kebersihan sampah-sarap di suatu kawasan adalah terletak di bawah tanggungjawab pihak berkuasa tempatan yang berkenaan. Bagi langkah yang telah dan sedang diambil oleh kementerian bagi memupuk budaya kebersihan khususnya di kawasan PBT antaranya ialah 'pertandingan bersih dan indah' di PBT dan kempen 'tandas bersih' dan kementerian bercadang untuk mengadakan pertandingan kebersihan di PBT pada setiap dua tahun kali yang akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Selain itu kementerian juga menjalankan kempen bebas denggi, di mana secara tidak langsung isu kebersihan persekitaran juga dititik beratkan.

Mengenai isu penebangan pokok dan pencemaran alam sekitar dalam projek pembangunan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Mambong dan Kota Belud, ingin dimaklumkan bahawa Akta Perancangan Pembangunan dan Desa tahun 1976 [Akta 1972] telah dipinda pada tahun 1995 melalui Akta A933, yang mana telah memasukkan perkara baru bahagian 5(a) Perintah Pemeliharaan Pokok.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Sebelum Yang Berhormat sentuh mengenai pokok saya pun ada banyak masalah, soalan penjelasan diminta daripada Yang Berhormat cuma saya tadi ada dengar mengenai masalah tapak pelupusan sampah dan disebutkan mengenai Puchong. Puchong hanya mengambil sebahagian daripada hampir 3,000 tan satu hari untuk Wilayah Persekutuan, Puchong hanya mengambil tiga sampai 20%. Yang kebanyakan pergi ke Kepong

walaupun kawasan Batu tetapi kebanyakannya Kepong. *Station* pemindahan *transfer station* pun di Kepong. Itu yang disebut Yang Berhormat mengenai *sanitary landfill* yang patut dinamakan *unsanitary landfill* kerana bagi setiap *sanitary landfill*, kalau kita ada dua atau tiga lori, satu lori mesti ada pasir atau tanah untuk menimbus kemudian diikuti dengan *chemical*, kimia - tetapi tidak. Di Kepong lebih 30 tahun itu kita tidak nampak. Macam mana *sanitary landfill*, *the most unsanitary landfill in the world*. Itu masalah. Dan sekarang kita hendak pergi ke Bukit Tagar. Saya berharap betul-betul kita laksanakan *sanitary landfill* bukan seperti dahulu, walaupun ini bukan kesalahan Yang Berhormat kerana masa dahulu lagi diamalkan *unsanitary landfill*. Apakah tindakan sekarang mengenai sampah sarap di Wilayah Persekutuan termasuklah hasrat kerajaan untuk mengadakan *incinerator*.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Yang Berhormat dari Kepong, saya pernah jelaskan di sini dan saya ingin melengkapkan lagi penjelasan saya bahawa tapak pelupusan *sanitary* yang sedang dibina dengan fasa, *advanced cell* yang siap itu di Bukit Tagar memang adalah *sanitary landfill*, dengan izin, dengan teknologi yang baru. Jadi ia tetap satu teknologi dan satu cara merawat sisa pepejal. Saya kata di sini semalam bahawa kalau dahulu tidak ada tempat buang sampah tanpa rawatan secara berteknologi itu adalah *dump side*, tetapi apa yang kita buat ini adalah *sanitary landfill*. Jadi jangan bimbang di Bukit Tagar adalah merupakan *sanitary*.

Di Taman Beringin, kerajaan tidak membenarkan lagi sisa pepejal domestik yang dikatakan berbau dan juga yang boleh menimbulkan pencemaran persekitaran untuk terus diletakkan di Taman Beringin. Buat masa ini hanya *the green and the bulky waste*, dengan izin masih ada di situ yang tidak merupakan sampah yang akan menimbulkan banyak masalah terhadap pencemaran persekitaran dan *transfer station* dengan itu adalah juga satu *station* pemindahan yang berteknologi moden supaya sampah-sampah daripada Kuala Lumpur selepas dihantar ke situ dan akan ditransfer ke *sanitary landfill* di Bukit Tagar dan saya jangka dalam beberapa hari ini semua *dry run* bagi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dengan menghantar sisa pepejal ke Bukit Tagar itu akan dapat berjalan dengan licin, maka selepas itu tidak lagi menimbulkan masalah satu tempat yang berbau di Taman Beringin.

Tuan Yang di-Pertua, pihak berkuasa perancang tempatan semasa memproses kebenaran merancang perlu menasihatkan pemaju berkenaan peruntukan yang terdapat dalam Perintah Pemeliharaan Pokok. Semua negeri telah menerima pakai pindaan akta ini dan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa juga telah menyediakan kaedah-kaedah perintah pemeliharaan pokok pada tahun 1998 dan kaedah yang sama telah disemak pada tahun 2002. Kaedah-kaedah tersebut dapat membantu pihak berkuasa perancang tempatan mengikut peraturan dan prosedur perintah pemeliharaan pokok supaya dapat dilaksanakan dengan mudah di kawasan masing-masing.

Isu pembangunan di kawasan Bukit....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Tangga Batu bangun.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Oleh kerana Yang Berhormat Menteri telah sampai kepada pemeliharaan pokok dan saya mempunyai satu soalan di bahagian mengekalkan keindahan dan kebersihan negara.

Yang Berhormat Menteri kita maklum bahawa peranan kementerian untuk mengekalkan keindahan dan kebersihan negara ini amat sukar kerana ia memerlukan perubahan cara berfikir masyarakat. Adakah Yang Berhormat Menteri ingin mencadangkan supaya di peringkat pihak berkuasa tempatan untuk mengadakan saman ekor, iaitu apabila pengguna-pengguna jalan raya membuang sampah dari dalam kereta dan pihak berkuasa tempatan diberi kuasa untuk menyaman mereka seperti polis menyaman kita apabila melebihi had laju.

Yang kedua Yang Berhormat Menteri, berkenaan dengan pemeliharaan pokok-pokok ini saya ada mencelah di dalam ucapan Yang Berhormat Segambut, iaitu mencadangkan supaya pihak kementerian menyarankan setiap pokok yang ditebang oleh pemaju-pemaju untuk membangunkan suatu kawasan pembangunan digantikan dengan pokok yang lain. Setiap bukit yang ditarah diganti juga dengan bukit yang lain. Apakah pandangan Yang Berhormat Menteri tentang perkara ini? Terima kasih.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat daripada Tangga Batu dan memang mereka yang berperangai atau tabiat yang kurang bertanggungjawab sentiasa mengotorkan persekitaran kita perlu dipantau dan dikuatkuasakan undang-undang terhadap mereka. Cadangan saman ekor ini

kementerian saya akan kaji sebab kena tengok implikasi yang lain, apabila perundangan hendak dikenakan ini kita kena bincang dengan pihak-pihak yang mahir dalam perundangan ada implikasi yang lain, tidak dapat saya jamin hari ini, tetapi saya rasa kita boleh kaji.

Bagi pokok yang ditebang diganti, memang dalam peraturan yang ada sekarang ini sebagai syarat untuk meluluskan sesuatu kebenaran merancang dan juga dalam peraturan pemeliharaan pokok ada diperlukan supaya mereka kalau mereka kena tebang pokok, kalau mereka dapatkan kebenaran, kebenaran diberi dengan syarat kadang-kadang mereka kena ganti, tanam pokok di tempat yang lain atau sebagainya.

Yang Berhormat telah memberi satu cadangan yang baik juga kalau untuk mengekalkan kehijauan pada keseluruhannya yang mana di tebang, di tempat lain itu boleh ditanam semula. Saya bersetuju kerana kalau ketat sangat di mana pun tidak boleh tebang pokok maka tidak ada lagi projek pembangunan dan kadang kala kalau kita membangunkan sesuatu projek ada pokok-pokok di tempat-tempat yang memang tidak dapat dielakkan perlu ditebang tetapi dengan cara gantian, itu adalah satu cara.

Saya bersetuju dengan cara itu, kita akan tengok bagaimana dimasukkan dalam pelaksanaan amalan nanti. Cameron Highlands.

**Tuan Devamany a/I S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** Ya, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat mengenai perangkaan pelan struktur yang diusahakan di peringkat PBT dan di kawasan Cameron Highlands baru-baru ini telah dilancarkan pelan struktur ini.

Tapi salah satu masalah yang besar dalam pelaksanaan pelan struktur ini adalah seperti di Dewan Bandar Raya Ipoh, ada satu pelan struktur yang telah dirangkakan tapi ciri-ciri pelan struktur ini tidak dapat diamalkan secara berkesan. Seolah-olah pelan struktur itu menjadi "Indah khabar dari rupa".

Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri, bagaimanakah segala konsep yang telah dicetuskan dalam pelan struktur dan dipersetujui melalui penglibatan masyarakat dan juga NGO dan juga kakitangan-kakitangan dapat direalisasikan sedangkan kakitangan untuk merealisasikannya begitu terhad dan terkekang. Saya ingin tahu bagaimanakah PBT boleh merangkakan legislatif, perubahan legislatif dalam

istilahnya untuk menukarkan pegawai-pegawai yang bertanggungjawab dari satu PBT ke satu PBT yang lain kerana ini merupakan satu kekangan dan halangan yang besar dalam memastikan keberkesanan PBT secara menyeluruh.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Cameron Highlands telah membangkitkan dua perkara yang agak *major*. Mengenai perangkaan pelan struktur, pada masa kini adalah menjadi kewajipan di bawah undang-undang iaitu Akta Perancangan Bandar dan Desa, kalau sesuatu pelan struktur itu telah diwartakan oleh kerajaan negeri dan juga pihak berkuasa tempatan, maka semua pihak kena patuhi, kena ikut, kalau mana-mana pihak tidak mengikut apa yang telah ditentukan dalam pelan itu maka ia boleh dianggap telah melanggar Akta.

Yang menjadi masalah ialah terdapat juga pelan struktur ini tidak diwartakan oleh pihak berkuasa yang berkenaan dan dengan adanya penubuhan Majlis Perancangan Fizikal Negara selepas satu pindaan yang sangat *major* terhadap Akta Perancangan Bandar dan Desa di Dewan ini juga pada tahun 2001 dan kuat kuasa 2003 Majlis Perancangan Fizikal Negara ini mempunyai kesan yang ketara dan majlis ini dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri di mana setiausahanya adalah Ketua Pengarah Jabatan Perancang Bandar dan Desa akan sentiasa memantau negeri yang mana, PBT yang mana kalau dari segi garis panduan yang telah ditetapkan dan diikuti maka sekretariat di bawah Ketua Pengarah di kementerian saya ini akan melaporkan kepada Majlis Perancangan Fizikal Negara.

Saya anggap dengan adanya pindaan ini mulai sekarang, pihak-pihak berkuasa tempatan akan lebih berhati-hati dan pihak-pihak kuasa negeri pun kena berhati-hati supaya tidak membuat sesuatu yang tidak mengikut apa yang telah diwartakan dan kalau tidak warta pun mereka akan di lapor kenapa mereka tidak mewartakan pelan struktur ataupun pelan tempatan dan sebagainya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Mambong.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Jadi itulah memang satu perkara yang diawasi oleh kementerian saya.

**Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya memang bersetuju dengan Yang Berhormat Menteri tentang kesulitan menebang pokok ini di kawasan-kawasan perumahan di dalam pembangunan. Tetapi kalau kita tebang

semua pokok, kita akan kehilangan kepelbagaian biologi, maka ini adalah satu kesulitan juga untuk menyelenggarakan ekosistem.

Di dalam Akta Perancangan Bandar ini yang melarang juga menebang pokok, apakah keperluan-keperluan yang terkandung dalam Akta ini. Sama ada kerajaan ingin menyediakan peratusan kawasan yang tidak dibangunkan untuk pembangunan tersebut. Ini adalah penting kerana kalau kita menanam pokok kembali, ini akan mengambil masa.

Yang kedua, spesies yang ditanam nanti mungkin berlainan, oleh itu ekosistem juga akan berlainan dan mungkin tidak sesuai untuk penduduk-penduduk yang akan tinggal di situ. Yang penting adalah kesejahteraan penduduk-penduduk nanti jika mereka tinggal di tempat itu kerana ekosistem yang baik akan memberi kesejahteraan kepada mereka seperti mengurangkan kepanasan dan sebagainya. Ini adalah satu perkara yang penting, jadi apakah peruntukan di dalam Akta Perancangan Bandar itu yang melarang juga menebang pokok?

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab soalan ini, tadi Yang Berhormat bagi Cameron Highlands ada satu soalan yang penting juga, yang saya hendak jawab dulu iaitu bagaimanakah pegawai boleh ditukar keluar daripada satu PBT ke satu tempat lain. Ini adalah satu perkara yang pernah saya sentuh. Sebenarnya kerajaan sedang berusaha untuk meminda akta tapi ia nampaknya satu perkara yang sangat *major* di mana Jemaah Menteri pun bersetuju supaya Jabatan Peguam Negara, Ketua Setiausaha Negara bersama dengan kementerian saya berbincang bagaimana kita membolehkan penukaran keluar iaitu membuka "*close system*" dengan izin, PBT yang sedia ada supaya *service* ini menjadi satu *service* di dalam negeri yang sama, mereka boleh ditukarkan di antara satu PBT dengan PBT yang lain dalam negeri yang sama. Itu satu prinsip yang telah dipersetujui tetapi ada banyak implikasi dari segi Perlembagaan Persekutuan, Perlembagaan Negeri, dan Akta Kerajaan Tempatan. Walau bagaimanapun, usaha telah dijalankan dan ini adalah satu perkara yang kita pandang serius. Kita perlu tunggu sedikit masa dan ia dalam *priority* senarai tugas kementerian saya.

Bagi soalan kedua yang dibangkit oleh Yang Berhormat bagi Mambong tadi, saya tidak mencadangkan pokok hanya boleh ditebang untuk tujuan pembangunan. Sebenarnya, baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah memberi

arahan secara terbuka bahawa pokok yang lebih 6 hingga 8 inci tidak boleh ditebang. Sekarang kita kena buat garis panduan bagaimana mengamalkan arahan dan dasar ini.

Yang kedua, di bawah Akta 933 sekarang, di bawah subseksyen 35A(2), kita melarang menebang pokok kecuali dengan kebenaran bertulis dan kalau disebabkan sesuatu yang tidak dapat dielakkan, jika dibenarkan tebang pun pokok-pokok mesti diganti dengan cara yang ditentukan oleh pihak berkuasa tempatan, bukan ditanam sewenang-wenangnya oleh mereka. Ia ada syarat yang ketat serta mengikut arahan yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya pembangunan projek yang lebih daripada 20 hektar perlu EIA.

Kalau ada orang, katalah dia ada seratus ekar, dia sengaja potong dan jadikan banyak zon, kemudiannya membangun 19 hektar, 18 hektar cuba hendak elak pun tidak boleh. Dia kena beri EIA untuk keseluruhan kawasan itu. Ini akan melibatkan *environmentally sensitive area*, bagaimana di jaga, bagaimana memastikan pokok-pokok yang spesis tertentu itu dikekalkan dan dipelihara, banyak perkara ini telah dimasukkan. Jadi, kita nampak bukan senang lagi untuk sesiapa ambil kesempatan selepas satu kejadian yang baru-baru ini berlaku, yang baru saya hendak mula dengan isu pembangunan di kawasan Bukit Cahaya Sri Alam. Baru saya hendak masuk...

**Dr. Tan Seng Giaw:** [Bangun]

**Dr. James Dawos Mamit:** [Bangun]

**Tuan Mohd. Daud bin Tarihep:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, pilih mana satu!

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Orang yang tidak pernah.... *Daripada mana? Muar?*

*Bukan!*

**Tuan Mohd. Daud bin Tarihep:** Kuala Selangor!

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Kuala Selangor, sila.

**Tuan Mohd. Daud bin Tarihep:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Saya hendak minta penjelasan Yang Berhormat Menteri, apakah tindakan yang pihak kementerian boleh lakukan terhadap pihak berkuasa tempatan yang tidak menguatkuasakan undang-undang ataupun akta serta, *by law* yang ada. Umpamanya, saya mengambil contoh pemaju perumahan di kawasan projek Perumahan Kerayong Desa, nama pemajunya *Bumi Circle* dan juga projek

perumahan di Puncak Alam, pemajunya *Puncak Alam 2*, yang tidak mematuhi Akta Perancangan Bandar Dan Desa dan juga Akta Saliran dan Perparitan, yang mana mereka gagal untuk mematuhi syarat pembinaan kolam, kelodak air yang menyebabkan berlakunya banjir lumpur yang dahsyat beberapa kali kepada kawasan persekitaran, khususnya penduduk kampung yang menyebabkan kediaman orang kampung rosak dan juga hasil tanaman binasa. Terima kasih.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini sebenarnya berkaitan, sama juga dengan Bukit Cahaya yang saya hendak katakan itu. Sebenarnya penguatkuasaan ini kalau tidak dijalankan dengan serius ataupun tidak diamalkan dengan baik, maka pihak berkuasa negeri yang menjadi pihak yang boleh mengawal selia dan memastikan mereka jalankan tugas dengan serius. Seperti di Bukit Cahaya baru-baru ini kita sudah nampak, apabila penguatkuasaan itu tidak berjalan dengan baik, maka pihak berkuasa negeri akan masuk dan juga untuk memastikan semuanya diambil tindakan mengikut undang-undang.

Kalau sekiranya semua ini masih tidak jadi, maka baru-baru ini juga nampaknya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri yang menjadi Pengerusi pada Majlis Perancangan Fizikal Negara, juga mengambil bahagian yang serius dan saya telah kata pemantauan dijalankan. Kalau pihak berkuasa negeri sudah buat dengan baik, maka tidak perlu Kerajaan Persekutuan buat apa-apa tetapi kalau nampak masih tidak ada sesuatu yang tidak kena, barulah Kerajaan Persekutuan akan membuat sesuatu untuk membetulkan keadaan.

Tuan Yang di-Pertua, kerana perkara ini banyak dan panjang cerita, tidak payah Ahli Yang Berhormat lain sentuh lagi perkara yang salah. Jadi, saya hendak.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, ini bukan perkara yang sama tetapi perkara yang lain. Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Ada tiga perkara.

- (i) Yang Berhormat pernah menyatakan, kita mesti ada di dalam kawasan kediaman projek pembangunan, mesti ada lebih 10% tanah yang dijadikan kawasan lapang, hijau dan sebagainya. Saya setuju dengan Yang Berhormat, kita mestilah menguatkuasakan Akta 993 dengan berkesan, saya setuju dan kita mesti bagi semua pihak mesti bekerjasama. Tetapi mengenai

sekurang-kurangnya 10% tanah diperuntukkan untuk maksud rekreasi dan kawasan hijau dan ini termasuklah kawasan-kawasan yang belum diwartakan, misalnya di Wilayah Persekutuan, kita mempunyai 73 tapak kawasan ini yang besar-besaran, kawasan hijau yang melibatkan 650 ekar lebih tanah dan hanya 26 kawasan di Kuantan. Apakah pendapat Yang Berhormat? Ini berlainan dengan Bukit Tagar tadi itu.

- (ii) mengenai pencerobohan tanah hijau. Saya menyeru supaya Yang Berhormat mengkaji semula macam mana kita mengelakkan pencerobohan ini, misalnya sepanjang Jalan Kepong, memang ada banyak pencerobohan termasuk di Jalan Jambu, Jerneh. Di Jinjang Selatan itu memang kawasan Jambu, Jalan Jambu Jerneh. Dalam dua tahun yang lepas ada pihak yang tertentu menceroboh satu kawasan yang ditanam pokok oleh DBKL tetapi dicerobohi. Sampai sekarang tidak diperbetulkan, walaupun DBKL berjanji untuk membersihkan dan menanam semula. Apakah pendapat Yang Berhormat? Termasuklah dekat dengan Jalan Kuching, kita ada kawasan lapang, kawasan hijau, tetapi ini menjadikan ibu pejabat UMNO bahagian Kepong. [Ketawa] Saya sampai merasa pelik binti hairan....

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Awak punya kawasanlah [Ketawa]

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ha!

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Awak punya kawasan!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya tidak tahu macam mana hendak buat? Banyak perkara seperti ini disebutkan untuk jadi Rukun Tetangga, walhal Rukun Tetangga aktiviti<sup>nya</sup> kurang. Yang ada aktiviti itu parti-parti politik yang tertentu dan jadikan RELA pula kawasan hijau.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya tidak bersetujulah dengan ini, kita mesti kekalkan kawasan hijaunya.

(iii) Apakah Yang Berhormat akan buat? Ini saya hendak bantu jugalah. Di kawasan-kawasan pokok dan di taman-taman, penyelenggaraan itu yang tidak berkesan yang mungkin ada kurang. Misalnya, di Kelana Jaya, Taman Bandaran Kelana Jaya, apabila tidak ada aduan mengenai taman-taman itu, Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh ada taman kalau ada parit *monsun* itu, kumbahan itu mengalir dan masuk ke taman. Dan *oxidation pond* itu apabila dia melimpah, melimpah ke dalam taman. Macam mana kita adakan taman? Lebih baik kita jadikan pembedungan. Taman buat apa? Ini saya berharap Yang Berhormat kaji semua di seluruh negara, taman-taman ini sama ada pembedungan ataupun taman bandaran.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, Yang Berhormat, cukuplah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Dan ini ada satu lagi, yang akhir sekali mengenai pokok, mengenai dengan kebudayaan Gazebo. Apa Gzebonya? Tiap-tiap kali kita ada pengaduan mengenai penyelenggaraan taman dan sebagainya, ia ada projek kecil, Gazebo, ada gerbang, ada *kiosk* dan sebagainya dan tapak-tapak kelengkapan yang baru tetapi kalau *track*, *jogging track* itu rosak bertahun-tahun dia tidak kisah. Jadi, ini kebudayaan Gazebo lah itu. Apakah Yang Berhormat akan buat untuk memperbetulkan keadaan yang kurang sihat itu?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila jawab, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Yang Berhormat bangkitkan banyak perkara lebih daripada 3. Yang 10% di *reserve* untuk kawasan lapang dan kawasan hijau itu memang kita hendak semuanya ikut. Sebenarnya kalau termasuk kelengkapan awam yang lain ia bukan 10, ada lebih, ada kalanya sampai 30% dan sebagainya. Jadi, ia ada syarat-syarat apabila kebenaran merancang itu diluluskan, syarat-syarat ini dibuat dengan jelas dalam kelulusan itu. Saya memang, bukan sahaja di kementerian saya, Jemaah Menteri pun sangat memandang berat tentang kawasan-kawasan lapang dan kawasan-kawasan hijau yang masih ada ini. Selain daripada pewartaan juga perlu memastikan pewartaan itu bukan adalah satu amalan sementara kerana pewartaan boleh ditarik balik juga. Itulah sebabnya sebelum Yang Berhormat bangkitkan pun Jemaah Menteri dengan

secara proaktif telah berbincang dan kementerian saya sedang meneliti semua undang-undang bagaimana memperketatkan lagi sehingga kawasan-kawasan lapang, taman-taman yang belum warta perlu diwartakan dan yang sudah warta jangan ditarik balik wartanya. Dan, ini adalah satu usaha.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, kalau dapat habiskan jawapan dalam 4.35 petang.

**Cik Fong Po Kuan:** Minta penjelasan.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Saya cuba. Kalau dapat kerjasama saya cuba.

**Cik Fong Po Kuan:** Minta penjelasan.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Saya belum siap. Banyak perkara dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kepong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekejap, sekejap.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Saya secara ringkasnya, Yang Berhormat bagi Kepong kata kaji semua, saya memang kaji semua. Apa yang dibangkitkan untuk dikaji semua, taman-taman diselenggarakan, jangan kotor, ada air kumbahan. Ini budaya gazebo, gerbang ini adalah *hard landscape*. Landskap dia ada *soft landscape*, *hard landscape*. Kadang-kadang seni keindahan kita kena ada seimbang. Tetapi, saya setuju kalau kemudahan yang asas macam *jogging track* itu sangat penting. Kita kena selenggara dengan baik dan jangan biar sudah berlubang-lubang, tidak boleh guna lagi dan kemudian kita buat yang gerbang itu cantik-cantik. Saya faham sebab saya sendiri pun adalah seorang *jogger*. Saya pergi kepada taman-taman termasuk Taman Tun Dr. Ismail, juga Kelana Jaya saya pergi buat *jogging*, saya tahu. Jadi, saya setuju. Kita kaji, kita pantau dan akan bagi maklum balas kepada pihak-pihak berkuasa tempatan.

**Cik Fong Po Kuan:** [Bangun]

**Tan Sri Dato K.S. Njihar:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya. Yang Berhormat....

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Yang Berhormat ada sebut pasal pencerobohan Kepong ini, saya rasa perkara ini bolehlah dibangkitkan kepada Kementerian Wilayah Persekutuan, di mana DBKL yang bertanggungjawab untuk menghormati kementerian itu, saya rasa kita serah kepada kementerian berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak teruskan kerana sudah lambat. Masa sudah suntuk dan perkara.....

**Cik Fong Po Kuan:** Minta, minta penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Batu Gajah.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Satu sahajalah, last.

**Tan Sri Dato K.S. Njihar:** Satu lagi.

**Cik Fong Po Kuan:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang arif, yang cerdik pandai, yang nampaknya bertanggungjawab, hadir untuk menjawab. Saya hendak minta nasihat Yang Berhormat Menteri. Apakah yang patut dilakukan oleh orang ramai apabila mereka telah bayar cukai pintu, tetapi tidak memperoleh perkhidmatan daripada pihak majlis? Saya bagi contoh perkara yang saya pernah bangkitkan berkenaan suratan hak milik kepada lot kedai, kepada projek di Jalan Pantai Akad. Mereka telah beli lot kedai, sudah tujuh tahun. Projek itu ada *joint venture* antara majlis dari Kinta Barat dengan satu pemaju swasta. Tetapi, sehingga kini tidak ada tindakan.

Dan perkara kedua, dalam situasi di mana ada projek perumahan dan pengadu pergi berjumpa dengan DO dengan izin, Hari Bersama Pelanggan, hari Selasa di Majlis Daerah, memberitahu bahawa jangan luluskan sijil kelayakan menduduki kepada projek perumahan ini sebab mereka semua pembeli kerana selepas ujian, perumahan itu nampak dibanjiri air. Saya telah menulis kepada kementerian Yang Berhormat bagi penguatkuasaan tetapi tiada tindakan diambil. Walaupun aduan notis diberi lebih awal kepada majlis, dari isu sijil kelayakan menduduki sehingga kerja-kerja membaiki selesai supaya tiada berlaku banjir lagi. Tetapi, terus juga diisukan sijil kelayakan. Jadi, nampaknya pihak majlis lebih berpihak kepada pemaju daripada pembeli projek perumahan.

Jadi, saya hendak mintalah Yang Berhormat, yang arif bagi nasihat, apakah yang patut dilakukan? Mereka sudah jumpa DO. Mereka telah tulis kepada kementerian Yang Berhormat melalui saya. Jadi, apa nasihat apabila situasi ini berlaku?

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, Yang Berhormat.

**Cik Fong Po Kuan:** Saya pohon nasihat.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Kedua-dua perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, memang kalau dapat bantu, saya hendak bantu. Saya masih ingat ada satu kes dibangkit di sini, saya sudah rujuk pada kerajaan negeri dan saya telah diberi makluman bahawa mereka tetap akan selesaikan dari segi *title*. Saya tidak ingat dia punya nama.

**Cik Fong Po Kuan:** *[Menyampuk] [Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Tidak ada.

**Cik Fong Po Kuan:** Tunggu tujuh tahun. Berapa lama? Mungkin ada jangka masa. Sebab mereka tidak payah selalu datang. Saya tidak payah selalu bangkitkan dekat sini. Jangka masa, *at least time frame* dengan izin.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Ya. Secara lisan pegawai yang bertanggungjawab telah memaklumkan kepada kementerian saya bahawa mereka sudah ada penyelesaian. Jadi, walaupun semua ini di bawah pihak berkuasa negeri, tetapi Yang Berhormat bangkit di sini saya layan juga tetapi Yang Berhormat kena fahamlah, ini semua bukan secara terus di bawah kementerian saya, tetapi kita bantu juga.

Mengenai CFO banjir dan sebagainya, oleh kerana kadang-kadang terdapat masalah CFO ini dikaitkan dengan syarat-syarat tambahan yang lain. Itu sebabnya CFO pada masa kini ialah sesuatu yang perlu dikeluarkan. Kalau sekiranya ia sudah memenuhi semua syarat yang ditetapkan semasa kelulusan kebenaran merancang dan kebenaran pelan bangunan, semua itu bila lulus, kalau syarat-syarat itu semua telah dipatuhi, maka mereka layak diberi CFO. Kalau hendak tambah kemudian itu, bukan jadi dasar.

**Tan Sri Dato K.S. Njihar:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Subang.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Walau bagaimanapun, ini kes spesifik Saya kena semaklah.

**Tan Sri Dato K.S. Njihar:** Sedikit sahaja.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Saya, sebab Tuan Yang di-Pertua sudah beri had masa saya. Saya.....

**Tan Sri Dato K.S. Njihar:** Bolehkah Tuan Yang di-Pertua?

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Yang Berhormat, kalau saya beri seorang, semua yang lain saya kena layan sama rata.

**Tan Sri Dato K.S. Njihar:** Ini sedikit sahaja, sedikit.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** *Because I have said it last. Sorry.* Saya tidak dapat tamat pada masa yang ditetapkan. So, saya mohon maaflah kalau saya tidak dapat. Ini, saya terpaksa ikut arahan yang telah ditetapkan. Jadi, bagi isu yang saya sebutkan tadi, Bukit Cahaya Sri Alam kita semua sudah baca dalam surat khabar, pada akhirnya perkara ini telah dibawa ke mahkamah dan pemaju-pemaju berkenaan telah pun dikenakan tindakan undang-undang.

Walau bagaimanapun, terdapat satu Undang-undang Kecil Kerja Tanah, denda maksimum hanya RM2,000 pun, kementerian saya sedang ambil tindakan untuk meminda Undang-undang Kecil Kerja Tanah ini supaya menjadikan dendanya lebih berat. Akta-akta lain masih berkesan iaitu Akta Perancang Bandar dan Desa dan Akta 133 iaitu Parit, Bangunan dan Jalan.

Bagi orang kurang upaya, kementerian saya telah menyediakan garis panduan dan piawaian perancangan kemudahan golongan kurang upaya dan garis panduan ini menumpukan kepada peruntukan dan penyediaan kemudahan bagi golongan kurang upaya di sekitar luar bangunan, sama ada bangunan awam, bangunan perniagaan, terminal pengangkutan awam ataupun kawasan rekreasi.

Jadi, Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (*Uniform Building By Laws*) dengan izin, telah dipinda juga untuk menambah peruntukan Undang-undang Kecil 34(a) yang mewajibkan agar semua bangunan yang boleh dikunjungi disediakan kemudahan untuk golongan orang kurang upaya. Isu bantuan dan pengagihan peruntukan pada PBT, beberapa Yang Berhormat telah bangkit tentang bantuan yang diagihkan kepada PBT untuk projek-projek kecil.

Peruntukan kecil bagi Sabah dan Sarawak telah mula diberi dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Sebelum itu - tidak. Sebenarnya saya yang sangat sokong kuat supaya Sabah dan Sarawak juga kena beri bantuan. Pengagihan peruntukan ini dipandukan kepada beberapa faktor seperti kesesuaian tapak, keupayaan PBT melaksanakan projek dan juga membantu kepada peruntukan yang ada di kementerian saya. Buat permulaannya, peruntukan yang diberi kepada Sabah dan Sarawak adalah

RM10 juta setiap negeri dan ia ditambah sekiranya kementerian saya berjaya mendapat peruntukan tambahan.

Mengenai syarat-syarat pengeluaran CFO seperti dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Subang dan Yang Berhormat lain, ingin dimaklumkan bahawa pada masa kini, dengan kehendak *Uniform Building By Laws*, sijil kelayakan CFO hanya dikeluarkan oleh PBT pada semua bangunan yang telah mendapat kelulusan pelan bangunan dan borang E disempurnakan. Oleh kerana ada perkembangan baru bahawa Jemaah Menteri telah luluskan supaya *Certificate of Completion and Compliance* (CCC) akan menggantikan Sijil Layak Menduduki. Kalau segalanya licin, menjelang hujung tahun ini atau awal tahun depan, maka dalam hal ini cadangan penggantian CFO dengan Sijil Penyiapan dan Pematuhan (CCC) yang dikeluarkan oleh golongan profesional adalah merupakan satu langkah yang diambil oleh kerajaan untuk mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan.

Walau bagaimanapun, kepentingan semua pihak yang berkaitan seperti ahli profesional, pemaju dan pembeli diambil kira dalam penyediaan prosedur berkaitan sistem baru tersebut. Di samping itu, hanya golongan profesional.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat saya minta duduk sekejap. Yang Berhormat Menteri Kerja Raya ada membawa satu usul.

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**4.00 ptg**

**Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]:** Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12 (1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 6.30 petang dan selepas itu mesyuarat akan ditangguhkan sehingga pukul 10.0 pagi esok hari.

**Menteri Pengangkutan [Dato' Sri Chan Kong Choy]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemukakan bagi diputuskan dan disetujukan.

Usul disetujukan.

***[Majlis Mesyuarat disambung semula]***

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat sila sambung.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) ***mempengerusikan mesyuarat***]

Di samping itu hanya golongan profesional yang berdaftar dengan Lembaga Arkitek dan Lembaga Jurutera Malaysia sahaja dibenarkan untuk mengeluarkan CCC bagi satu projek yang diluluskan. Oleh itu, golongan profesional luar negara tidak terlibat dalam kelulusan tersebut. Cadangan supaya dilantik audit luar untuk memeriksa syarikat-syarikat golongan profesional terlibat akan diberi perhatian. Untuk makluman ahli Yang Berhormat bagi Santubong dan Dewan mulia pada masa ini perlesenan dan pemeliharaan anjing adalah tertakluk kepada akta kerajaan tempatan, Undang-undang Kecil Perlesenan Anjing. Seksyen 8 Undang-undang Kecil Perlesenan Anjing memperuntukkan kewajipan tuan punya anjing untuk mengambil langkah tertentu bagi memastikan anjing peliharaan tidak menjadi gangguan kepada jiran termasuk keperluan untuk menyediakan tali apabila di bawa keluar dari premis.

Walau bagaimanapun, mengambil kira keperluan semasa kementerian ini sedang meneliti akta dan undang-undang kecil yang digunakan oleh PBT agar bagi tujuan pindaan agar ia dapat dikuatkuasakan dengan lebih berkesan. Untuk makluman ahli Yang Berhormat bagi Muar, program kitar semula yang sedang giat dijalankan oleh Kementerian bermatlamat untuk mengurangkan sisa pepejal negara serta mengelakkan pembaziran dan menjimatkan kos. Golongan sasaran bagi program ini adalah melibatkan semua pihak termasuk pekerja-pekerja di pejabat. Bagi menggalakkan amalan kitar semula pihak kementerian telah membekalkan tong-tong kitar semula di pejabat-pejabat kerajaan untuk kegunaan pekerja mengasingkan barangan untuk kitar semula.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat bagi Batu Kawan, kementerian bersedia menimbang tentang permohonan dewan orang ramai. Sila kemukakan permohonan dengan disokong oleh Kerajaan Negeri. Kami akan mempertimbangkan.

Ahli yang bagi Gelang Patah telah sentuh mengenai isu kebakaran belukar di Taman Aminah Johor Bharu dan beberapa isu telah dibangkitkan selepas disiasat dan laporan diberi kepada kementerian, didapati adalah tidak benar yang dikatakan Jabatan Bomba hanya tiba ke tempat itu tiga jam selepas menerima aduan. Mengikut rekod, panggilan pertama adalah pada jam 10.47 pagi dan pada 10.58 pagi dua buah jentera bomba bersama satu jentera *water tanker* telah tiba bagi memadamkan kebakaran yang sedang merebak dan mereka telah bertungkus-lumus selama empat jam untuk memadam kebakaran tersebut.

Mengenai pili bomba. Untuk makluman Dewan yang mulia, setakat ini jumlah pili bomba yang ada di seluruh negara adalah sebanyak 253,892 unit iaitu 221,782 pili bomba awam dan 32,110 pili bomba swasta. Mengenai bantuan kepada pasukan bomba sukarela sehingga kini, sebanyak 310 pam angkut dan 20 unit jentera bomba telah diagihkan kepada pasukan bomba sukarela di seluruh negara. Sebanyak 30 unit jentera lagi akan diagihkan lagi dalam tempoh dua atau tiga tahun ini. Bagi pembinaan Balai Bomba Skudai, Johor ianya telah dimasukkan dalam senarai permohonan Rancangan Malaysia Ke-9, dan pembinaannya akan disegerakan.

Mengenai isu projek terbengkalai di Kulim, Kedah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tanjong, ingin dimaklumkan bahawa terdapat lapan projek rumah terbengkalai di Kedah, dari tahun 1990 hingga tahun 2004. Dua daripadanya berada di Kulim, Kedah iaitu projek Taman Sri Melawis dan taman Raya Indah. Pihak Kementerian telah membuat siasatan awal terhadap dua pemaju yang terlibat pada penghujung tahun 2004. Seterusnya pihak kementerian akan memanggil pihak terlibat iaitu pemaju, pihak bank, jawatankuasa pembeli dan penyelamat ataupun kontraktor atau pemaju yang berkenaan untuk mengadakan perbincangan bagi memulihkan projek.

Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Sri Gading, Puchong, Baram, Pulai, Cheras, dan Batu Sapi membangkitkan isu keperluan untuk membina lebih banyak rumah kos rendah untuk golongan yang berpendapatan rendah dan setingan.

Berhubung dengan perkara ini adalah menjadi hasrat kerajaan untuk menyediakan kemudahan perumahan yang mencukupi dan berkualiti bagi semua golongan masyarakat di negara ini dengan memberi keutamaan pada pembinaan rumah kos rendah untuk golongan berpendapatan rendah dan setinggan. Di bawah Rancangan Malaysia Ke-9, pihak kementerian bercadang untuk membina sejumlah 50,000 unit rumah kos rendah di seluruh negara, di bawah program perumahan rakyat PPR yang mempunyai keluasan minimum 63 meter persegi dan mengandungi tiga bilik tidur dan dua bilik air. Rumah kos rendah turut dibina oleh agensi-agensi kerajaan yang lain, seperti SPM agensi-agensi kerajaan negeri dan sektor swasta bagi memenuhi permintaan di bawah Rancangan Malaysia Ke-9.

Dari segi pengagihan rumah PPR sama ada untuk jual atau disewa. Untuk makluman Dewan yang mulia, keutamaan akan diberi kepada keluarga setinggan yang tinggal di kawasan yang dibangunkan atau di kawasan yang berhampiran tanpa mengira kaum sama ada Melayu, Cina, India ataupun kaum yang lain. Walau bagaimanapun, jika unit rumah tidak mencukupi mereka akan dipindahkan ke PPR yang lebih jauh sedikit dari tempat tinggal asal mereka mengikut kekosongan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan banyak terima kasih pada ahli-ahli Yang Berhormat yang sudi memberikan pandangan dan cadangan mengenai isu-isu berkaitan dengan kementerian saya. Sebenarnya apabila saya meneliti perkara yang dibangkitkan oleh semua ahli Yang Berhormat, saya cukup puas hati bahawa apa yang kementerian usahakan itu memang sejajar dengan banyak teguran dan pandangan ahli-ahli Yang Berhormat. Jadi kita berusaha bersama. Saya yakin....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Papar bangun.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Sudah siap. Masa sudah cukup. *Ok just one.* Satu sahaja.

**Tuan Mohd. Daud bin Tarihep:** Satu lagi Yang Berhormat Menteri.

**Puan Rosnah bte Haji Abd Rashid Shirlin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Semasa ucapan saya yang telah saya menyentuh mengenai skim-skim pembangunan berperingkat iaitu Skim Kampung

Tradisi. *So, I would to appreciate* dengan izin Dato' Menteri untuk memberikan jawapan pada isu ini.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, saya akan semak balik *Hansard* dan apa Yang Berhormat telah buat dan Kampung Tradisional ini memang ada satu program yang sangat dititik berat oleh Kementerian saya. Saya minta maaf kerana masa Yang Berhormat berucap, saya tidak ada di Dewan.

**Puan Rosnah bte Haji Abd Rashid Shirlin:** Ini adalah menyentuh mengenai sama ada Skim Kampung Tradisi akan diperluaskan skopnya ke negeri Sabah dan Sarawak. Sekarang ini hanya di Semenanjung Malaysia. Terima kasih.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Ya, faham. Saya telah bangkit pasal yang Kementerian akan beri peruntukan untuk projek-projek kecil pada Sabah, Sarawak selalunya Kementerian beri melalui kerajaan negeri. Jadi Kerajaan Negeri boleh juga usaha untuk membantu kampung-kampung tradisional dengan menggunakan peruntukan projek-projek kecil itu. Tetapi cadangan Yang Berhormat yang kata hendak perluaskan Sabah Sarawak itu juga satu perkara yang saya rasa boleh ditimbang. Tertakluk kepada berapa banyakkah peruntukan akan diperolehi dan Kementerian saya akan cuba untuk bantu ke arah itu. Sekian Terima kasih.

**Tuan Mohd. Daud bin Tarihep:** Soalan terakhir.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Menteri Sudah membuat keputusan.

**Tuan Mohd. Daud bin Tarihep:** Tuan Yang di-Pertua, tahun lepas saya sudah bangkitkan soalan betapa pentingnya ahli-ahli Parlimen....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, dia sudah selesaikan jawapannya. Menteri sudah selesaikan.

**Tuan Mohd. Daud bin Tarihep:** Boleh? Ringkas sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Tahun lepas Yang Berhormat janji....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat cukuplah

**Tuan Mohd. Daud bin Tarihep:** ....supaya ahli-ahli Parlimen akan dijemput hadir dalam setiap mesyuarat pihak berkuasa tempatan dan Yang Berhormat akan berbincang dengan kerajaan negeri apa kedudukannya sekarang.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Ya, ini memang satu perkara di bawah kuasa PBT masing-masing dan bagi mesyuarat pembangunan di daerah, saya ingat itu tidak jadi masalah. Saya rasa itu satu pandangan yang perlu ditimbang lagi. Mungkin saya akan bawa perkara ini untuk dibincangkan oleh jemaah menteri. Dengan itu barulah kita lanjut daripada situ.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Kerja Raya.

#### **4.40 ptg.**

**Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]:** Tuan Yang di-Pertua, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh beberapa perkara mengenai bidang tugas dan tanggungjawab Kementerian Kerja Raya ketika perbahasan Usul Menjunjung Kasih Ke Atas Titah Diraja dan saya akan menjawab atau memberikan penjelasan kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat tersebut.

Pertamanya, Yang Berhormat bagi Ayer Hitam telah membangkitkan mengenai Sistem Amaran Awal Tanah Runtuh dan pertindihan fungsi antara cawangan kejuruteraan, Jabatan Kerja Raya, Kementerian Kerja Raya dan Jabatan Mineral dan Geoscience Malaysia, Kementerian Sumber Asli.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam Rancangan Malaysia Kelapan iaitu sehingga penghujung tahun 2004, Kementerian Kerja Raya telah membelanjakan sejumlah peruntukan yang besar iaitu melebihi RM271 juta untuk kerja-kerja membaiki, membaik pulih dan juga menaik taraf cerun di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan pula, jemaah menteri telah meluluskan untuk memasang sistem amaran awal di cerun-cerun yang berisiko tinggi dan pada masa ini kita mempunyai 1,303 cerun-cerun yang berisiko tinggi meliputi 698 di jalan-jalan Persekutuan, 141 di Lebuh Raya Kuala Lumpur-Karak dan 464 di Lebuh Raya Utara-Selatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hanya cerun yang kritikal di jalan Persekutuan sahaja yang akan dibiayai oleh kerajaan, manakala cerun kritikal di Lebuh Raya Karak dan Lebuh Raya Utara-Selatan, pihak kerajaan bercadang akan

mengadakan rundingan dengan syarikat-syarikat konsesi yang berkaitan. Peruntukan yang telah diluluskan untuk Rancangan Malaysia Kesembilan bagi Sistem Amaran Awal hanya akan digunakan untuk aktiviti ini sahaja dan tidak akan melibatkan kerja-kerja yang lain.

Bagi kerja-kerja memperbaiki, membaik pulih serta menaik taraf cerun-cerun yang tidak selamat atau yang berisiko tinggi, Kementerian Kerja Raya telah memohon sejumlah peruntukan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan sebanyak RM550 juta untuk dipertimbangkan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi memastikan kerja-kerja pembaikan cerun berjalan lancar dan berkesan, JKR telah, sedang dan akan terus menjalankan penyelidikan terhadap cerun-cerun yang perlu dibaik pulih berdasarkan kepada penemuan-penemuan dari penyelidikan yang dijalankan nanti hanya akan dapat menjimatkan kos membaik pulih cerun, menyediakan reka bentuk yang lebih baik dan ekonomik serta dapat membuat penyelenggaraan dengan lebih sempurna supaya cerun-cerun akan lebih selamat di masa akan datang.

Satu garis panduan sedang disediakan oleh Jabatan Kerja Raya mengenai penyelenggaraan cerun yang perlu dipatuhi dan dipraktikkan bagi kegunaan semua pihak yang berkenaan. Dengan adanya garis panduan ini, kesedaran amalan serta budaya selenggara yang lebih baik boleh dilaksanakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah benar jika jalan-jalan utama ditutup akibat daripada kejadian tanah runtuh. Ianya akan memberi implikasi sosial [*Ucapan terhenti seketika*]... dan ekonomi. Walau bagaimanapun, dengan adanya Sistem Amaran Awal, mendidik serta memberitahu orang awam lebih dahulu mengenai kemungkinan berlakunya keruntuhan cerun di jalan-jalan dan lokasi yang tertentu akan mengurangkan implikasi sosial dan ekonomi tersebut. Ini kerana orang ramai sebagai pengguna jalan raya telah memahaminya dan mengambil tindakan awal yang difikirkan sesuai.

Sebagai contoh, jika orang ramai diberitahu lebih awal bahawa satu-satu jalan itu akan ditutup kerana kemungkinan berlakunya tanah runtuh, mereka boleh mencari jalan alternatif lebih awal untuk sampai ke destinasi yang dituju. Dengan cara ini semua

kegiatan ekonomi dan sosial dapat berjalan dengan lancar dan selamat, seterusnya mengurangkan implikasi ekonomi dan sosial yang serius.

Berkaitan dengan Sistem Amaran Awal, ingin dimaklumkan bahawa pada tahun ini iaitu pada tahun 2005, pihak JKR akan menubuhkan satu jawatankuasa khas untuk meneliti sistem yang terbaik untuk diuji dan digunakan sebelum membuat perolehan. Jawatankuasa tersebut meliputi Jabatan Kerja Raya, Lembaga Lebuh Raya Malaysia, Syarikat Lebuh raya Utara Selatan dan MTD Prime Sdn. Bhd., Jabatan Mineral dan Geoscience, Jabatan Remote Sensing Negara dan beberapa jabatan yang lain yang ada kaitan dengan itu dan di tiga lokasi iaitu cerun akan dikenal pasti sebagai tempat kajian kes *pilot study* yang mana akan dijalankan oleh pihak JKR, PLUS dan MTD masing-masing.

Satu lokasi *pilot study* untuk Sistem Amaran Awal ini akan dilaksanakan bagi mengkaji dan menganalisis keberkesanannya sebelum ianya dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya. Kementerian mengambil maklum mengenai keperluan laporan geologi yang wajib dikemukakan kepada kerajaan tempatan dan kerajaan negeri sebelum melaksanakan satu-satu projek pembangunan khususnya di kawasan tanah tinggi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sekiranya laporan geologi ini tidak menepati kehendak pembangunan khususnya mengenai ketahanan dan kestabilan sesuatu tapak projek, perkara ini boleh dirujuk kepada Cawangan Kejuruteraan Cerun, JKR yang baru ditubuhkan. Cawangan ini akan bekerjasama dengan Jabatan Mineral dan Geoscience dalam menyediakan laporan *geotechnics* dan geologi yang diperlukan dengan lebih terperinci lagi.

Walau bagaimanapun, ingin dimaklumkan bahawa pada masa ini CKC masih di peringkat awal penubuhannya dan belum mempunyai kakitangan yang mencukupi. Untuk memantapkan CKC dan membolehkannya melaksanakan fungsi mengawal selia pembangunan tanah tinggi di seluruh negara, maka cawangan ini perlu diperbesarkan dan kakitangan ditambah supaya ianya dapat berfungsi dengan lebih baik dan lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Ayer Hitam dan Pontian turut membangkitkan mengenai penglibatan syarikat-syarikat pembinaan Malaysia yang

mendapat kontrak pembinaan di luar negara. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat berdua, ingin dimaklumkan bahawa CIDB telah mengambil tindakan menganjurkan aktiviti berterusan bagi menggalak serta menggiatkan penglibatan kontraktor tempatan menceburi pasaran di luar negara.

Di antara aktiviti yang dijalankan adalah:

- (i) program promosi kemampuan dan pencapaian kontraktor tempatan di pasaran antarabangsa;
- (ii) usaha mendapat dan mengumpul maklumat mengenai peluang pasaran di luar negara serta menyalurkan kepada kontraktor-kontraktor tempatan;
- (iii) menganjurkan pelbagai lawatan ke negara-negara yang telah dikenal pasti bagi meneroka peluang pasaran pembinaan;
- (iv) menyelaraskan *business matching* di kalangan kontraktor tempatan dengan rakan *business* di luar negara;
- (v) memperkasa kontraktor tempatan menerusi pembangunan kapasiti agar mereka dapat bersaing di pasaran antarabangsa.

Mengenai cabaran-cabaran yang dihadapi oleh syarikat tempatan sebagaimana yang dibangkitkan, CIDB telah mengambil maklum mengenai perkara ini dan telah mengenal pasti isu berkaitan dengan penerokaan pasaran di luar negara seperti masalah kesukaran pembiayaan kewangan, prosedur serta tatacara di negara terbabit.

Mengenai isu kesukaran kontraktor mendapatkan pembiayaan daripada bank-bank Malaysia, perkara ini telah dibangkitkan untuk perhatian pihak kerajaan.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Jasin.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof:** Penjelasan. Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri, saya hendak minta sedikit penjelasan, tadi apabila kita bercerita tentang cerun-cerun dan perkara-perkara yang berlaku di lebuhraya, Yang Berhormat Menteri telah mengatakan bahawa ingin membesarkan lagi bahagian yang menjaga cerun. Tetapi saya dengar, cakap-cakap di luar bahawa sekarang ini kementerian banyak menggunakan pakar-pakar daripada luar, walhal di JKR ataupun Kementerian Kerja Raya mempunyai cukup pakar. Ada yang mengatakan bahawa ada di kalangan

*engineers* yang dekat JKR ini langsung tidak digunakan dan duduk sahaja dekat kementerian. Mengapa hendak pakai pakar luar, walhal kita ada pakar kita dan kalau kita beri peluang kepada anak-anak kita ataupun *engineer* kita di Kementerian Kerja Raya, mereka akan dapat pengalaman menangani masalah-masalah di Kementerian Kerja Raya, minta jawapan Datuk.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, saya jadi Menteri 21 tahun di JKR, tidak pernah saya lihat *engineer* duduk dan goyang kaki, tidak pernah. *Engineer* JKR boleh juga dilihat di mana-mana, ikutlah, kerana hendak tengok jalan. Kita lihat *engineer* berkerja sampai pukul 11 malam. Tetapi berkenaan dengan *engineers* kita yang sedia ada, kita mahu juga mencari jurutera yang mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja kepakaran iaitu tanah runtuh dan geologi. Oleh kerana itulah kita menubuhkan satu bahagian khas sekarang. Pada masa akan datang, jika kita mahu juga mengadakan *engineer* yang lebih, masa itu sahaja, kita akan mencari *engineer* baru. Sekarang kita menggunakan jurutera-jurutera yang sedia ada. Jikalau ada juga perkara yang tidak dapat diselesaikan, kita boleh melantik jurutera-jurutera yang lain daripada luar, Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita juga dijelaskan di sini bahawa syarikat pembinaan Malaysia yang melaksanakan kerja di India tidak memperoleh pakej pembiayaan dari Bank Dunia, sebaliknya mereka memperoleh pembiayaan menerusi pinjaman tersendiri, dan Kerajaan Malaysia tidak bertindak sebagai peminjam kepada pinjaman tersebut. Kontraktor-kontraktor Malaysiayang sedang bekerja di India itu diberi kepercayaan tinggi oleh bank-bank India. Oleh kerana mereka sudah ada pengalaman lebih lima atau enam tahun di mana pinjaman itu dibalikkan kepada bank mengikut perjanjian.

Tuan Yang di-Pertua, jadi mengenai suntikan dana daripada CIDB ke PSDC, perkara ini telah pun dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara untuk mendapatkan nasihat dan pandangannya. Ingin dimaklumkan bahawa Jabatan Peguam Negara telah memberi pandangan bahawa suntikan dana dari CIDB ke PSDC adalah tidak teratur kerana CIDB ditubuhkan khususnya untuk menyelaraskan projek pembinaan infrastruktur sedangkan PSDC pula mempunyai aktiviti yang pelbagai, bukan sahaja dalam bidang pembangunan infrastruktur, tetapi melibatkan aktiviti profesion yang lain seperti jurutera, arkitek, juruukur bahan, perancang bandar, peguam, akauntan, doktor

dan ahli farmasi. Secara ringkasnya penyaluran dana CIDB ke PSDC adalah bertentangan dengan Akta Tubuh CIDB itu sendiri. Oleh yang demikian, ia sedang mencari jalan lain bagi membantu PSDC.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Tanah Merah membangkitkan mengenai mengapakah pembinaan Lebuhraya Pantai Timur tidak diteruskan hingga ke negeri Kelantan? Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini kerajaan belum bercadang untuk meneruskan rancangan membina Lebuhraya Pantai Timur sehingga ke negeri Kelantan. Ini adalah kerana pembinaan sesuatu lebuhraya akan menelan belanja yang sangat besar. Oleh yang demikian, projek lebuhraya seperti ini perlu dilaksanakan secara berperingkat-peringkat.

**Ir. Hasni bin Haji Mohammad:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat bagi Pontian bangun.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Ya.

**Ir. Hasni bin Haji Mohammad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum Yang Berhormat Menteri menjawab dengan lebih jauh lagi perkara yang telah dibangkitkan oleh rakan-rakan Ahli Yang Berhormat. Apabila CIDB tidak boleh menyuntik modal ke dalam PSDC, saya berbesar hati mendengar bahawa usaha-usaha lain akan dikenal pasti oleh kementerian untuk membantu PSDC kerana ini amat penting Yang Berhormat, untuk membantu golongan profesional tempatan kita mengeksport kepakaran. Walaupun saya tidak begitu jelas kenapa golongan profesional tempatan masih lagi tidak dapat digunakan sepenuhnya dalam menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh projek-projek di bawah penguasaan Jabatan Kerja Raya atau Kementerian Kerja Raya, tetapi saya yakin dan percaya Yang Berhormat akan berusaha untuk terus membantu golongan profesional tempatan kita agar mereka terus diberi keutamaan dalam memberikan perkhidmatan berbanding dengan mengambil kepakaran dari luar negara, itu yang pertama Yang Berhormat.

Yang kedua, saya juga membangkitkan bahawa kita kerap menghadapi masalah yang seolah-olah berulang-ulang. Adakah Yang Berhormat bersetuju sekiranya ada usaha yang dibuat untuk mengelakkan daripada masalah yang dihadapi itu berulang kali seperti contoh, struktur-struktur yang tidak dibina dengan sempurna mahupun sehingga

ke tahap tidak direka bentuk dengan sempurna. Mungkin satu pendekatan yang boleh difikirkan oleh kementerian melalui masalah yang dihadapi itu, mungkin kita boleh jadikan kes tadi untuk diketengahkan, untuk diperjuangkan oleh badan-badan profesional yang ada di negara kita.

Saya sehingga hari ini masih menunggu lagi reaksi daripada sama ada persatuan arkitek ataupun institusi jurutera, apakah pandangan mereka yang dipertanggungjawabkan untuk menaikkan atau meningkatkan taraf kemampuan jurutera-jurutera dan juga profesional tempatan kita termasuk arkitek dan juruukur dalam segi membantu kerajaan, daripada mengelakkan mengambil kepakaran dari luar kerana itu tugas utama badan-badan profesional berkenaan untuk membantu ahli-ahli mereka. Jadi mungkin Yang Berhormat dapat memberi sedikit gambaran mengenai kedudukan semasa dalam perkara-perkara yang saya bangkitkan. Terima kasih.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana telah membangkitkan beberapa perkara berkenaan dengan PSDC, walaupun kita ada juga beberapa kepakaran di tanah air kita sendiri.

Masa dahulu kita menggunakan mereka di JKR dan juga di jabatan-jabatan kerajaan yang lain. Tetapi sekarang kita dapati banyak juga kepakaran di dalam negara kita. Oleh kerana itu kita menubuhkan PSDC. PSDC akan dieksport kepada negara-negara yang lain. Sekarang saya suka memberi sedikit keterangan kepada Yang Berhormat iaitu kita baru sahaja dapat satu projek iaitu sebanyak RM2 bilion untuk PSDC di Mekah. Kerja ini sudah diserahkan kepada PSDC satu perjanjian akan ditandatangani di antara Kerajaan Arab Saudi dan juga dengan PSDC tidak lama lagi.

Selain daripada itu, berkenaan dengan struktur-struktur di mana kita kadangkala menghadapi masalah, kita akan menyiasat dan jika struktur itu tidak mengikut piawaian reka bentuk kita akan mengambil tindakan ke atas jurutera-jurutera yang bertanggungjawab itu. Yang ketiga mengenai Pertubuhan Arkitek Malaysia dan juga Institut Jurutera.....

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** *[Bercakap bahasa Tamil]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Jerai.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Saya belum selesai lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat baru masuk sudah ada soalan, ya?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Saya hendak bertanya pasal cuaca.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat baru masuk, sudah ada soalan ya?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Bila saya selesai, Yang Berhormat cakap.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Okey, *sorry*.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Kedua-dua Pertubuhan Jurutera dan juga Arkitek sedang mengkaji bagaimanakah mereka boleh mendapat lebih pengalaman daripada apa yang berlaku di negara kita dan bagaimana perkhidmatan-perkhidmatan kejuruteraan dan juga arkitek boleh digunakan dengan lebih cekap. Satu perbincangan akan diadakan bersama dengan kedua-dua persatuan ini dan juga di antara Lembaga Jurutera Malaysia dan juga Lembaga Arkitek Malaysia. Ya, Yang Berhormat sila.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih Yang Berhormat. Inilah seorang Menteri yang rajin datang ke Parlimen.

*[Tepuk]*

Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat, mungkin saya ada urusan tadi mengenai gempa bumi ini kerana kita selalu nampak bangunan-bangunan ada bergoyang, yang tinggi goyang, yang rendah pun goyang dan lautan bergelora. Jadi, apakah Yang Berhormat tadi bercakap pasal kejuruteraan dan arkitek dan sebagainya dan saya ada mendengar dalam berita ada *statement* daripada Yang Berhormat mengatakan bahawa kita akan menasihati jurutera-jurutera dan juga arkitek-arkitek supaya di masa hadapan ini mengambil kira tentang keutuhan dan kekuatan sesuatu bangunan itu, memandangkan satu ketika dahulu kita tidak pernah terfikir akan berlaku gempa bumi. Sekarang ini walaupun gempa bumi tidak berlaku di negara kita tetapi ia sampai ke negara kita walaupun hanya berlaku di negara-negara jiran kita. Adakah kementerian Yang Berhormat akan mengambil kira daya ketahanan bangunan-bangunan yang ada pada hari ini jika berlaku sesuatu gempa bumi yang tidak diingini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Perkara ini tidak bangkit. Ada bangkitkah Yang Berhormat?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat kerana telah membangkitkan satu soalan yang penting dan juga mengikuti masanya. Kita sedang mengambil usaha bagaimana hendak mengatasi masalah gempa bumi ini. Satu rundingan akan diadakan di antara Lembaga Jurutera, Lembaga Arkitek dan juga Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dan lain-lain; dan pada akhirnya kita akan mengadakan satu forum untuk membincangkan perkara ini.

Kita juga akan memanggil pakar-pakar dalam perkara ini untuk memberi nasihat kepada kita. Pada akhirnya kita akan memberitahu kepada semua arkitek dan juga semua jurutera apabila mereka menjalankan kerja-kerja reka bentuk mereka mesti mengambil kira bahawa masalah ini boleh berlaku di negara kita pada suatu masa akan datang. Sekarang sudah sampai ke Sumatera, berapa jauh Sumatera daripada tanah besar kita? Bukankah jaraknya dengan Pulau Pinang tidak jauh? Saya percaya kita mesti mengambil satu tindakan lebih awal. Jangan kita tunggu sehingga bangunan kita runtuh atau orang meninggal baru kita ambil tindakan, tidak mahu. Satu tindakan proaktif mesti diambil oleh kementerian-kementerian yang berkaitan berkenaan dengan gempa bumi ini. Kita akan mengadakan forum. Saya sudah berbincang dengan Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi dan juga Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan sebentar tadi.

**Tuan Huan Cheng Guan:** *[Bangun]*

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Ini akan diadakan dan selepas itu bolehlah satu hari nanti kita boleh beri satu taklimat kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, apakah tindakan proaktif telah diambil oleh beberapa kementerian untuk mengatasi masalah ini.

**Tuan Huan Cheng Guan [Batu Kawan]:** Tadi Yang Berhormat ada sebut tentang tindakan proaktif. Adakah kementerian Yang Berhormat bercadang untuk menghantar jurutera-jurutera dari JKR ke Sumatera untuk melihat bagaimana keadaan di sana? *[Ketawa]*

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh menghantar sesiapa dengan sesuka hati kita. Kita tidak boleh hantar sesiapa. Ini akan disalah

fahamkan lagi. Kita tidak boleh masuk ke Indonesia dengan sesuka hati. Kita kena jaga. Kita macam adik, nanti abang hati panas kita susah lagi. *[Ketawa]* Janganlah macam itu. Kita boleh cari tempat lain yang juga mempunyai pengalaman yang tinggi.

Walau bagaimanapun jikalau ada juga permintaan daripada Kerajaan Indonesia untuk menghantar jurutera daripada negara kita, kita boleh menghantar dua dozen atau tiga dozen pun boleh. Tanpa kebenaran daripada mereka, saya percaya tidak betullah kalau kita sesuka hati sahaja pergi ke sana. Sekarang ada banyak masalah di sana, masalah Tsunami, masalah gempa bumi yang belum selesai lagi.

**Tuan Huan Cheng Guan:** *[Bangun]*

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Saya percaya, kita tunggu sahajalah. Jikalau ada permintaan baru kita pergi. Ya.

**Tuan Huan Cheng Guan:** Yang Berhormat, kalau Indonesia tidak sesuai, maka saya rasa Iran, Taiwan atau Iraq juga sesuai.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Taiwan pun boleh, Jepun pun boleh. Tetapi kita tidak mahu hantar ramai orang pergi sekarang. Kita bawa dua tiga orang daripada kawasan-kawasan ini yang berpengalaman untuk mendapat *transfer of technology* atau menukar teknologi daripada mereka dan akhirnya kita hantar orang untuk melihat apa yang berlaku semasa gempa bumi ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Tanah Merah turut membangkitkan mengenai tindakan memperelokkan kawasan-kawasan kemalangan ataupun dengan izin *black spot* agar kadar kemalangan jalan raya dapat dikurangkan.

**Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** *[Bangun]*

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya telah mengenal pasti 153 lokasi kawasan kemalangan maut di seluruh negeri.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat bagi Maran bangun.

**Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya tidak sempat tadi ketika Yang Berhormat Menteri ada sebutkan tentang Lebuhraya Pantai Timur dan selepas itu Yang Berhormat terus masuk kepada pandangan Yang Berhormat bagi Tanah Merah.

Saya hendak bertanya sedikit. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya setiap hari melalui Lebuh Raya Pantai Timur daripada Kuala Lumpur ke Kuantan dan Maran. Lebuh raya ini sebenarnya baru sahaja dibina dan dirasmikan lebih kurang satu tahun. Tetapi malangnya lebuh raya ini saya perhatikan telah banyak mengalami kerosakan dan sebahagiannya telah pun dibaiki dan boleh dikatakan setiap hari kemalangan jalan raya berlaku.

Saya pernah dan sering melihat kemalangan ini berlaku dan apa yang saya perhatikan bahawa sebahagian daripada lebuh raya ini telah pun mengalami kerosakan di mana jalan rayanya ini tidak rata lagi sentiasa bergerutu dalam istilah kita panggil. Terutamanya di kawasan laluan di antara Lanchang dan juga Temerloh dan saya kira sebahagiannya telah dibaiki dan sekarang kerosakan masih berterusan.

Saya minta kerjasama, terutama perhatian Yang Berhormat Menteri khususnya, kerana lepas ini sambungan lebuh raya ini akan dilakukan, dibuat daripada Kuantan ke Terengganu dan Kelantan. Saya tidak tahu di mana sebabnya dan saya kira mungkin ini, saya tidak salahkan Menteri tetapi mungkin dari segi perhatian yang perlu diberikan kepada kontraktor-kontraktor yang melaksanakan lebuh raya ini.

Saya mohon Yang Berhormat Menteri khususnya, tol telah dinaikkan, jalan raya baru dibuat, kereta yang kita lalu setiap hari tayarnya akan sentiasa cepat rosak dan sering mudah diganti. Jadi, saya mohon apakah tindakan atau langkah-langkah yang sedang diambil oleh pihak kerajaan atau kementerian dalam mengatasi masalah ini, bukan sahaja merugikan pengguna seperti saya, yang berulang daripada Maran ke Kuala Lumpur bahkan pengguna-pengguna lain yang terpaksa membayar tol dan juga penyenggaraan kenderaan mereka.

Yang paling menyedihkan kita ialah banyak kemalangan berlaku. Boleh dikatakan setiap hari. Saya mohon perhatian serius daripada menteri khususnya, Menteri Kerja Raya yang saya kira prihatin dalam masalah ini. Sila.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil perhatian apa yang telah dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Saya kena minta suatu siasatan diadakan berkenaan dengan tayar cepat rosak. Tayar cepat rosak itu boleh jadi satu siasatan yang serius. Kita kena panggil pakar. Tanpa pakar kita tidak boleh buat kerja itu. Walau bagaimanapun, saya janji kepada Yang Berhormat, saya minta Jabatan Kerja

Raya dan Lembaga Lebuh Raya untuk mengadakan satu siasatan dan satu laporan akan disediakan atas perkara ini kepada Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, siasat tayar atau pun jalan? Siasat tayar yang berkenaan ataupun jalan yang berkenaan.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Jalan, kita suka juga mendapat tahu mengapa tayar itu lebih cepat rosak. Barangkali jalan yang lebih kuat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Yang Berhormat, minta penjelasan, Yang Berhormat. Tadi pagi Yang Berhormat Menteri .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Pagi tadi Yang Berhormat Menteri pasal hendak .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tetapi Yang Berhormat, Menteri belum selesaikan soalan Speaker.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Berkaitan dengan tayar dan kereta.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Pagi tadi, Yang Berhormat cakap, beri penjelasan hendak *check* brek. Petang *check* tayar. *[Ketawa]* Jadi, nampaknya kereta-kereta kena masuk di bawah kementerian Yang Berhormat jugalah. *[Ketawa]* *[Dewan riuh]* Ataupun kita minta PUSPAKOM bekerjasama dengan Lembaga Lebuh Raya hendak siasat lebuh raya tidak 'ngam' dengan kereta ataupun kereta tidak 'ngam' dengan lebuh raya. Macam mana pandangan saya, Yang Berhormat?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tadi daripada Yang Berhormat ada erti yang besar oleh kerana kita ada juga dalam reka bentuk jalan *roughness of the road*. Kalau dia lebih *rough*, itu bererti tayar yang hilang lebih cepat. Itulah yang ditanyakan oleh Yang Berhormat tadi.

Oleh kerana itu, kita tidak boleh minta Kementerian Pengangkutan untuk menjaganya atau menyiasat. Kementerian saya mesti menyiasat untuk mendapat tahu apakah *degree of roughness*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. *Degree of roughness* - sebelum saya bagi jawab kepada Yang Berhormat. Ini kita sudah tahu barangkali kita

akan melicinkan jalan atau kita dapati *roughness* yang ada sekarang sudah cukup. Itu kira nasiblah, barangkali tayar itu bukannya tayar yang baik, ia rosak lebih cepatlah.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, terdapat tiga faktor utama yang disebabkan kemalangan di jalan raya iaitu:

- (i) faktor kenderaan;
- (ii) faktor pemandu; dan
- (iii) faktor jalan raya.

Maklumat yang diperolehi dari Audit Keselamatan Jalan-jalan di Malaysia menunjukkan bahawa faktor kombinasi pemandu dan jalan raya, hanya menyumbang 28% daripada keseluruhan punca berlaku kemalangan. Yang selebihnya adalah disebabkan kecuaiannya pemandu atau masalah teknikal kenderaan. Masalah berlakunya kemalangan disebabkan oleh kecuaiannya pemandu hanya dapat diatasi dengan penguatkuasaan undang-undang jalan raya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Kepong, mana dia?

**Tuan Lim Hock Seng:** Minta penjelasan.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Okey, boleh.

**Tuan Lim Hock Seng:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Menteri yang rajin datang ke Parlimen. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, pada suatu ketika yang lalu Yang Berhormat telah berkata, kenderaan-kenderaan berat sekiranya rosak di lebuhraya maka ia akan ditarik dengan serta-merta. Tetapi pada masa sekarang ini, minggu yang lalu ada kawan saya, dia memandu kereta dari Butterworth hendak pergi ke Sitiawan. Apabila melalui Bukit Merah, beliau telah melanggar sebuah lori *military*. Ia sudah rosak, dia taruh di tepi jalan. Dia sudah langgar belakang. Isterinya sudah mati.

Jadi, masih berlaku banyak kemalangan di mana jentera-jentera berat telah diletak di tepi jalan tidak ditarik dengan serta-merta. Ini telah menjadikan banyak nyawa terkorban. Saya berharap Yang Berhormat Menteri boleh mengarahkan PLUS supaya apabila berlaku kenderaan berat diletakkan di tepi jalan, terus tarik jangan tunggu-tunggu lagi. Terima kasih.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, minggu yang lalu saya sudah menyatakan apakah masalah. Masalah jalan boleh dapat diselesaikan. Tetapi masalah pemikiran manusia tidak boleh diselesaikan. Ini pemikiran manusia, tidak peduli berkenaan dengan nyawa orang lain. Bila rosak, dia mesti telefon dengan serta-merta. Tetapi saya akan mengarahkan seperti apa yang telah dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat, nampak sahaja kenderaan rosakkah atau tidak rosak, tarik.

Ahli Yang Berhormat bagi Kepong telah membangkitkan sebanyak 25 isu berkaitan dengan projek pembinaan Hospital Temerloh, Pahang dan satu isu mengenai Hospital Sultan Ismail, Johor Baru. Memandangkan isunya begitu banyak, saya akan menjawab dengan ringkas dan padat seperti berikut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerja-kerja penyediaan tapak dan kerja-kerja tanah Hospital Temerloh telah dilaksanakan lebih awal daripada tarikh pemilikan tapak bagi memastikan projek dapat disiapkan dengan segera. Tindakan ini dijalankan setelah mendapat persetujuan dari Kementerian Kewangan. Pada asalnya projek ini ....

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Berjalan masuk ke Dewan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, Kepong masuk *[Dewan riuh seketika]*

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Saya belum jawab lagi. Baru sahaja jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tunggu, tunggu.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Bagus, ada dengar? *[Mengalihkn pandangan kepada Yang Berhormat Kepong]*. Lebih baguslah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bercakap tanpa pembesar suara] [Ketawa]*

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Pada asalnya projek ini patut disiapkan pada 6 September 2004. Walau bagaimanapun, tarikh siap projek ini telah dilanjutkan kepada 14 Januari 2005 disebabkan keperluan tambahan dari Jabatan Bomba yang perlu dipenuhi. Kementerian Kewangan telah meluluskan Projek Hospital Temerloh kepada konsortium Syarikat Permodalan Kebangsaan Berhad (MMN Bina Sendirian Berhad) dan Aspirasi Sama Sendirian Berhad pada 5 Oktober 1999. Syarikat-syarikat tersebut telah menubuhkan suatu konsortium Projek Hospital Temerloh Sendirian Berhad, pada 7 Disember 2001 dan kemudiannya didaftarkan dengan CIDB, pada 22 Mac 2002.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perakuan siap kerja (CPC) bagi sesuatu projek akan dikeluarkan setelah pihak kontraktor berjaya memenuhi semua syarat-syarat pengeluaran perakuan tersebut.

Proses yang terlibat untuk mendapat CPC adalah seperti berikut:

- (i) pemeriksaan dalaman antara kontraktor dan subkontraktor;
- (ii) pemeriksaan di antara kontraktor dan perunding kontraktor;
- (iii) pemeriksaan di antara kontraktor dan pihak berkuasa tempatan seperti Majlis Perbandaran Tempatan, Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Bomba dan lain-lain agensi berkaitan;
- (iv) pemeriksaan di antara kontraktor dengan JKR;
- (v) pemeriksaan di antara kontraktor dengan Bahagian Kejuruteraan Kementerian Kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi Hospital Temerloh *certificate of practical completion* iaitu CPC telah dikeluarkan pada 31hb. Februari 2005 berserta senarai kecacatan dan kerja-kerja kecil yang perlu disiapkan dalam tempoh tanggungan kecacatan *defect and liability period* yang menjadi sebahagian dari syarat-syarat kontrak dan ini adalah amalan biasa dalam pelaksanaan projek bangunan dan juga infrastruktur.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat semua kontrak JKR yang melibatkan kerja-kerja bekalan .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri, Sri Gading bangun.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Sila Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Banyak terima kasih Dato' Seri. Tuan Yang di-Pertua, saya banyak suka Menteri Kerja Raya jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Apa soalan?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Akan sampailah Tuan Yang di-Pertua. Saya buat alu-aluan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak perlulah Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Bukan. Ini Menteri senior dia banyak bagus, kerja kuat kita pujilah dia. Ini budi bahasa. Kita kena hormat orang yang senior, yang hebat macam Dato' Seri Menteri Kerja Raya ni.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukup jujurlah Yang Berhormat ye!

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Jujur, betul jujur. Dato,' kalau saya tidak silap dua hari lepas kita semua banyak hati senang apabila saya dengar dari berita radio Dato' akan mengumumkan....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat sekarang apa perkara yang dibangkitkan oleh Menteri.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Dibangkitkan oleh Menteri Kerja Rayalah. Ini Kerja Rayalah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Apa perkara?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Ini Kerja Raya punya hal Tuan Yang di-Pertua. Ini Menteri tentu boleh jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat tentang hospital di negeri Pahang.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Pasal saya mahu baliklah Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak boleh tunggu sampai 6.30 petang. Saya minta maaf kerana saya ada janji jam 5.30 petang. Saya tidak tahu Parlimen sampai 6.30 petang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat ini sudah langgar Peraturan Mesyuarat. Hendak minta penjelasan tentu berkaitan dengan perkara yang.....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Minta penjelasan Yang Berhormat Menteri. Saya dengar Dato' kata mahu ubah itu Seremban Tol. Jadi kalau Seremban Tol itu dipindahkan, jem yang berlaku dua hari lepas banyak kuat jem, Dato' pun tahulah. Dato' pun tidak suka itu jem. Saya harap projek itu dipercepatkan, saya sokong sangatlah kasi alih itu Tol Seremban, alih mana saya pun tak tahulah. Itu Dato' punya pandailah, yang penting tol itu tidak ada kita boleh lancar terus ke Kuala Lumpur sampai ke Parlimen hati banyak senanglah Dato'. Terima kasih Dato' dan tahniah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri selesaikan dahulu masalah Yang Berhormat Kepong kemudian baru jawab soalan dia. Kepong punya selesaikan dahulu.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin saya jawab kepada Yang Berhormat Sri Gading, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Soalan sudah sampai jikalau tidak jawab ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat satu kali sahajalah.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Okey. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ini ada dalam perancangan dan juga sedang dikaji, oleh kerana kita menghadapi banyak masalah di Tol Gate Seremban. Oleh kerana kenderaan-kenderaan dialih di atas jalan Lebuhraya Utara Selatan, tiga lorong pun dia guna. Jadi ini bererti orang ke arah selatan tidak boleh jalan. Kita dapat juga kesesakan lalu lintas 5 batu, 6 batu dan 10 batu pun ada juga.

Saya sudah minta Lembaga Lebuhraya Malaysia untuk mengkaji untuk memindah plaza tol ini ke tempat yang lain, di mana masalah ini dapat diselesaikan. Itu sahajalah Yang Berhormat Sri Gading.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Banyak terima kasih.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Yang Berhormat minta penjelasan.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Okey lah.

**Cik Fong Po Kuan:** Terima kasih. Berkenaan tadi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sri Gading. Saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, tadi sudah saya katakan satu soalan sahaja. Kalau semua orang seperti Sri Gading lepas tanya balik nanti tinggal saya satu orang di sini.

*[Dewan riuh]*

**Cik Fong Po Kuan:** Tuan Yang di-Pertua jangan risau saya akan temankan Tuan Yang di-Pertua. Sebab kami hendak menjalankan tanggungjawab, kami pastikan Menteri jawab dengan baik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Teruskan soalan.

**Cik Fong Po Kuan:** Yang Berhormat Menteri, saya hendak bangkitkan pada hari Ahad yang lepas ramai kaum China balik untuk 'Cheming'. Saya dari Ipoh ke Kuala Lumpur mula jam 4.30 petang sampai Kuala Lumpur jam 8.30 malam. Terlalu *traffic* jem bukan sahaja tol di Seremban, sepanjang jalan dia jem itu bukan perayaan untuk semua orang dan bukan cuti perayaan, tetapi hanya cuti hari Ahad dan ramai kaum China balik untuk sembahyang Cheming. Jam 4.30 petang sampai di Kuala Lumpur, 8.30 keluar tol di Damansara lagi teruk jem. Jem disebabkan apa? Disebabkan semua beratur bayar tol. Saya ada cuba hubungi PLUS hendak tanya apakah itu kerana ada kemalangan jalan raya? Tetapi dari pukul 4.30 petang hinggalah saya sampai di Petaling Jaya tidak ada orang jawab panggilan telefon saya. Ini masalahnya dan yang menarik sekali apa saya nampak? Saya nampak kereta polis *traffic* sebab ada kenderaan guna *emergency lane*, dia pergi berhentikan kereta yang menggunakan *emergency lane* ini menyebabkan lebih bahaya kepada pengguna jalan sebab kereta telah diberhentikan oleh trafik di *emergency lane*, belakang yang ikut-ikut begitu cepat sekali - langgar. Jadi saya risaulah. Jadi saya mohon apa boleh buatlah.

Kami sudah bayar cukai jalan, kena bayar tol untuk memendekkan masa, tetapi tidak ada beza kalau guna jalan biasa. Sudah bayar cukai jalan sekarang tol pun tidak boleh cepatkan perjalanan. Jadi Yang Berhormat Menteri tolonglah kami, semua ini tolonglah dan pastikan kalau hendak perbaiki kemudahan janganlah tambah lagi tol. Setujukah Barisan Nasional?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah hari ini dapat banyak sokongan daripada Barisan Nasional.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, minta dia masuk Barisan Nasional bantu Barisan Nasional.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Saya minta dia marah lagi lah. Sebab dia ada di depan saya. Bila keluar kita mintalah. Tuan Yang di-Pertua, hari yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat, saya sendiri pun pada hari itu adalah hari yang banyak masalah. Masalah lalu lintas oleh kerana ada berbagai-bagai acara seperti dikatakan oleh Yang Berhormat '*Cheming*', *all those days* banyak orang keluar dari rumah pergi ke tempat ibu bapa tinggal dan juga hari itu orang yang keluar dari rumah-rumah mereka datang balik ke Kuala Lumpur pun bersama. Jadi biasanya hari Sabtu tidak banyak masalah.

Hari Ahad kita mempunyai masalah dari Ipoh ke Kuala Lumpur oleh kerana sekurang-kurangnya daripada 850 ribu kenderaan hingga 1.1 juta kenderaan, tetapi pada hari itu saya dapati lebih daripada kebiasaannya. Jadi ....

**Cik Fong Po Kuan:** Yang Berhormat bolehkah apabila jalan tol ini tidak berjaya memberi kemudahan kepada penggunaanya di mana kesesakan demikian menyebabkan pengguna mengambil masa lebih panjang dari satu tempat ke tempat yang lain, jadikan hari itu bebas tol. Apabila mereka sampai tol sana sebab ada kad *print*, itu tol punya kad pembayaran. Bebaskan tol atau setengah hargalah. Bolehkah Yang Berhormat Menteri pertimbangkan ini sebab objektif tol adalah memastikan jalan lebih senang tetapi objektif itu tidak tercapai. Jadi bolehkah pertimbangkan, *at least discount*lah kalau tidak boleh bebas tol pada situasi sedemikian. Sokongkah Barisan Nasional?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, kita pergi ke Keponglah.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, jikalau kita melihat apa yang berlaku di kawasan kutipan tol, pada hari seperti ini kita ada juga banyak pondok sementara untuk mengutip tol tetapi kita tidak jangka ia boleh juga lebih daripada 1.1 juta. Jadi oleh kerana itulah kerajaan sekarang mengambil tindakan untuk memperluaskan, melebarkan jalan daripada Rawang ke Sungkai. Okey, terima kasih. Saya kembali kepada Ahli Yang Berhormat... *Arikato*.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua kontrak JKR melibatkan kerja-kerja bekalan dan pemasangan sistem mekanikal dan elektrik serta peralatan perubatan yang menggunakan perkhidmatan mekanikal dan elektrik mengandungi syarat-syarat ujian dan pentauliahan. *Testing and commissioning* dengan izin, syarat-syarat ini juga adalah dimasukkan dalam kontrak pembinaan Hospital Temerloh. Projek ini telah dilaksanakan secara *turnkey* mengikut syarat-syarat kontrak yang telah diguna pakai oleh JKR yang meliputi syarat-syarat mereka bentuk, membina, membekal kelengkapan, mentauliah dan menyelenggarakan. Dokumen kontrak Hospital Temerloh terdiri daripada 45 jilid yang meliputi aspek-aspek kehendak dan keperluan kontrak, seni bina, sivil dan struktur, mekanikal, elektrik, peralatan perubatan, kenderaan dan latihan sumber manusia iaitu dengan izin, *end-users training* sebagai sebahagian dari pengurusan kontrak.

Pihak kontraktor utama perlu mengenal pasti pihak juru perunding, subkontraktor dan pembekal peralatan dengan persetujuan dari pihak JKR. Oleh itu, dakwaan yang menyatakan kelemahan prosedur ujian dan tauliah dokumen-dokumentasi kontrak, ketiadaan latihan sumber manusia, ketiadaan rekod subkontraktor dan sistem pemantauan yang tidak berkesan bagi projek Hospital Temerloh adalah tidak benar sama sekali.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Bolehkah Yang Berhormat terangkan kepada Dewan yang mulia ini, siapa aspirasi sama? Adakah aspirasi sama ini sudah disenaraikan di *Construction Industry Development Board (CIDP)* yang dipuji oleh Yang Berhormat sebentar tadi. CIDP, adakah aspirasi sama dimasukkan di dalam CIDP? Yang kedua, apakah peruntukan daripada PHTSB untuk *goods and service*, apakah dan mengapa *end-users training* ni dihantar orang kepada Milan, Venice, London, untuk maksud apa? Adakah mereka itu mengunjungi hospital ataupun *fashion hall di Milan*? Ini kita nak tahu dan adakah Yang Berhormat sedar bahawa hanya kita menggantikan *residual current device (RCD)*. 30m dengan 10m itu tidak cukup, tidak boleh diterima dan bolehkah Yang Berhormat tunjuk kepada Dewan ini *a complete CPC schedules, a complete one, including the delay of the bomba*. Adakah bomba saja yang menyebabkan penangguhan atau ditundakan projek ini dan sebagainya ataupun ada benda-benda yang lain?

Saya pun ada 45 jilid. Satu jilid itu *volume 5A* di sini, *volume 5A* sini, saya tak nampak dan Yang Berhormat dengan bantuan Menteri Kesihatan mungkin kita boleh kaji sama-samalah, saya nak pergi juga.

Di dalam kontrak 5A, *volume 5A*, jilid 5A - kontrak dokumen di antara PHTSB dengan kerajaan misalnya, 7.33537 for *reliability and safety each final circuit in the OT suite - - operation theater (OT) recovery rooms*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *delivery rooms, ICU, CCU, intensive care unit (ICU), coronary care unit (CCU) ..resuscitation area etc. shall not be connected with more than two power points. Some of the wall mounted power points in the OT rooms shall be connected to essential circuits which shall not share the same sub-main circuit with UPS for an uninterrupted power supply (UPS)* dan sebagainya.

Dan banyak lagilah yang tidak dimasukkan Yang Berhormat, saya hendak pergi dengan Yang Berhormat. Belum sampai, saya ada lagi.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Yang Berhormat Kepong. *[ketawa]*.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya ada banyak lagi.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Boleh, boleh, sampai esok pagi pun boleh, isteri saya tidak ada di rumah. *[ketawa]*.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, ujian dan pentauliahan loji pembetulan telah dilaksanakan oleh para kontraktor dan wakil daripada IWK Kuantan untuk memenuhi syarat-syarat Jabatan Perkhidmatan Pembetulan, berikutan dengan itu sijil menduduki (CF) telah diperolehi pada 13 Januari 2005.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai rombongan lawatan teknikal ke luar negara di bawah program pemindaan teknologi adalah bertujuan untuk mengkaji reka bentuk dan fungsi dua hospital kanak-kanak terunggul di dunia iaitu *Ormond. Children's hospital di London* dan *Bambino Gesu, children's hospital di Rome*. Lawatan ini juga selaras dengan rancangan kerajaan untuk membina sebuah hospital wanita dan kanak-kanak yang pertama di negara ini dan juga di rantau Asia. Rombongan ini juga telah melawat hospital di Venice serta membuat kajian ambulans sungai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Kepong.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Saya akan sampailah ni, ini semua ada dalam saya punya jawapan. Saya ikut dengan saya punya jawapan, akhir sekali Yang Berhormat tanyalah okey.

Rombongan ini juga telah melawat hospital di Venice serta membuat kajian ambulans sungai dan jambatan terapung Pontun yang boleh dijadikan model bagi pembinaan hospital Belaga di Sarawak di mana pengangkutan utama ialah melalui sungai. Hospital Belaga adalah salah satu hospital yang dirancang untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Perbelanjaan lawatan tersebut adalah ditanggung oleh kerajaan mengikut kelayakan pegawai-pegawai tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat ahli Yang Berhormat, Hospital Temerloh mempunyai dua *stand by generator set*. Kedua-duanya telah pun diuji, ditauliahkan masing-masing pada 26 Julai 2003 dan 31 Julai 2003. Kedua-dua generator set tersebut telah diuji secara manual, secara auto, diselaraskan operasinya dan telah

dilulus ujian pada 10 Jun 2004. setelah generator set tersebut dipasang di tapak projek ianya telah diuji semula dan telah beroperasi dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua bahan-bahan binaan dalaman yang digunakan adalah mengikut spesifikasi kontrak kecuali bahan-bahan yang tidak boleh diperolehi di pasaran ianya telah digantikan dengan barang yang setaraf dan diluluskan oleh JKR.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, *crusher run* hanya digunakan sebagai jalan sementara semasa pembinaan. Jalan kekal telah dibina menggunakan granit ujian berkualiti oleh pihak ketiga, *third party independent testing* yang telah diarahkan oleh pihak JKR telah mengesahkan kualiti bahan pembinaan memenuhi spesifikasi kontrak.

Tuan Yang di-Pertua, pada umumnya pembinaan longkang dan jalan mempunyai dua komponen iaitu dinding longkang yang menggunakan batu-bata jenis tanah liat, *Claybrick* dan dasar longkang menggunakan *reinforce* konkrit. Sehubungan dengan ini pembinaan longkang di hospital Temerloh adalah dengan menggunakan bahan tersebut selaras dengan spesifikasi kontrak.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman ahli Yang Berhormat sistem *fix carbon dioxide* untuk bangunan hospital utama telah disiapkan dan di pasang serta mendapat kelulusan daripada Jabatan Perkhidmatan Bomba. Sistem automatik *fix carbon dioxide* tidak dipasangkan untuk *substation* TNB setelah mendapat pengecualian dari Jabatan Perkhidmatan Bomba.

Tuan Yang di-Pertua, kesemua ruang tempat letak kereta termasuk tempat letak kereta yang dikhususkan untuk orang kurang upaya telah dibina mengikut spesifikasi yang ditetapkan dan telah di periksa serta diluluskan pada 2hb Disember 2004 oleh pihak Majlis Perbandaran Temerloh.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman ahli Yang Berhormat, Sijil Perakuan Siap Kerja telah dikeluarkan secara bersyarat di mana kontraktor dikehendaki membekalkan 44 jenis peralatan perubatan mudah alih yang masih belum dibekalkan. Peralatan yang tertunggak ini adalah peralatan diklasifikasikan sebagai *minor equipment* dan telah dipersetujui oleh pihak Kementerian Kesihatan kerana ianya tidak akan menjejaskan persiapan untuk operasi hospital setakat ini, 21 peralatan telah diterima dan bakinya akan dibekalkan pada akhir bulan April 2005.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman ahli Yang Berhormat, *residual current device* (RCD) bukanlah peralatan bagi pesakit jantung. Ianya adalah alat di dalam sistem pendawaian elektrik. Dengan adanya RCD ia dapat mengesan mana-mana peralatan perubatan yang digunakan yang mengalami kerosakan seperti kebocoran arus, peralatan RCD ini akan mengesan dan bertindak mematikan punca bekalan. Di samping itu ianya mengeluarkan bunyi amaran menandakan terdapat kerosakan pada peralatan perubatan yang digunakan. Pihak kerajaan tidak mengecualikan pemasangan peralatan RCD ini. Walau bagaimanapun memandangkan pemasangan di peringkat awal mengalami kesilapan maka pihak kontraktor pada masa ini sedang dalam proses membaikinya. Walau bagaimanapun pemasangan peralatan RCD ini telah tergendala kerana semua bilik yang berkaitan telah disita, *sealed* selepas *inventory counting*. Dalam hal ini pihak kontraktor telah memberi jaminan untuk memasangnya....

**Dr. Tan Seng Giaw:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Kepong bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** RCD itu adalah jawapan salah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, macam mana boleh kata jawapan salah?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya, saya hendak beri satu maklumat, saya hendak beri maklumat ini Yang Berhormat ini dia cuba memberi jawapan oleh pegawai, dia mencuba dan saya berterima kasih. Ini hendaklah kita sama-sama pergi kaji ya....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, jawapan baru diberikan macam mana Yang Berhormat boleh kata, dia salah?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya ada maklumat sedikit di sini, boleh saya terangkan kepada Yang Berhormat?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kalau Yang Berhormat ada maklumat tidak payah tanya.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tidak, bukan, begini dia beri jawapan yang salah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Oh, baik, baik.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Jawapan yang salah, kita hendak perbetulkan kerana Dewan yang mulia ini hendak kebenaran dan kita bersama-sama menuju kepada kebenaran.

Yang Berhormat apabila saya melawat hospital kerana cadangan Yang Berhormat kerana ini hospital yang tercantik sekali di Pantai Timur apatah lagi di seluruh negara, cantik tetapi di dalam itu tidak begitu cantik. Kurang sedikit di dalam dan pada hari itu saya pergi bulan lepas, selepas Yang Berhormat memberi kenyataan bahawa kita mesti melawat hospital itu, saya pergi. Waktu itu ada wakil daripada PHD SB beritahu saya, dia sudah beli 160 RCD, sudah beli. Dia kata harganya RM800, walhal tidak ada langsung, itu jawapan. Yang perlu kita buat itu, bolehkah Yang Berhormat sahkan sama ada RCD ini dimasukkan di dalam senarai? Adakah ini ada masuk dalam senarai, list of *outstanding works* dan adakah ini dikecualikan oleh pihak PHD SB pada mulanya, sekarang ini dia nak pasang.

Dan kita mesti tahu, dengan izin saya pun tahu yang harganya sekurang-kurangnya RM1,200 bukan RM800 dengan izin Tuan Yang di-Pertua;

*'it deals with linkage current protecting patients especially those in critical conditions and this is the standard practice. Over 300 units of RCDs is sign for this project spreading all over various ward, critical areas such as ICUs, CCUs and so forth but it is PHD SB do not include this things from the beginning, why?*

*That is not the answer that I reflect the truth dan what are the all those approved shop drawing Tuan Yang di-Pertua, drawing seperti ini [sambil menunjukkan dokumen ke dalam dewan] apakah status drawing ini? Saya hendak tahu. Tambah pula sekarang Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang pun tidak dapat maklumat yang lengkap, yang tepat dan Yang Berhormat mesti kajilah itu. Ini bukan kesalahannya tetapi mesti kaji sebab apa, maklumat yang lengkap dan tepat tidak diberi kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang bila dia melawat baru-baru ini, saya pun tidak tahu.*

Saya berharap Yang Berhormat dapat balik ke JKR dan bertanya kepada mereka benar-benar adakah RCD dimasukkan di dalam senarai yang pertama dan kemudian

adakah benar-benar diberi jawapan kepada saya bahawa 180 sudah dibeli ataupun 60 sudah dibeli dengan harga RM800 satu unit. Saya hendak tahu semua ini. Yang sebenarnya PHD SP tidak bekalkan RCD pada mulanya, kerana ini memang penting sekali kerana Yang Berhormat pada masa hadapan 5, 10, atau 20 tahun akan datang. Kalau ada berlaku kemalangan ke atas pesakit di situ, kita mesti mencari punca, punca yang utamanya adakah PHD SP membekalkan dan mengadakan *equipment* ataupun kelengkapan yang sempurna, ini mesti satu.

Saya berharaplah ahli-ahli parlimen daripada Pahang sekarang itu mesti tanya kalau ada kemalangan ke atas semua pesakit di situ mengenai *equipment* atau kelengkapan dan masalah elektrik mesti mereka tanya, adakah kerana PHD SB tidak bekalkan atau adakan kelengkapan yang sempurna, ini mesti satu....

**Beberapa ahli:** [*Menyampuk*] Duduk lah!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Eh, duduk pula!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah Yang Berhormat!

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah jawab tadi kepada Yang Berhormat. Saya kata, pihak kerajaan tidak mengecualikan pemasangan peralatan RCD ini. Siapa kata tidak ada pasang? Ada pasang. Kita pergi tengok sanalah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** [*Menyampuk*]

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tengok sanalah, bukan Parlimen. [*Dewan gamat seketika*] Boleh pergi tengok sana. Kalau mahu, Yang Berhormat minggu depan Yang Berhormat ikut dengan saya, kita pergi Temerlohlah, ha? Kita pergi hospital Temerloh, kita tengok adakah tidak.

**Seorang Ahli:** Okey.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Haa, okey.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy:** Tohmahan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak apalah, tidak apalah. Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri sudah jemput pergi minggu depan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Itulah kuantiti kita mahu.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Yang Berhormat, pemasangan RCD mengikuti.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bercakap]*

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Dengar, dengarlah Yang Berhormat. Pemasangan RCD diikuti dengan pengesyoran oleh pakar-pakar...

**Beberapa Ahli:** Ya.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Bukannya suka hati saya pasang dua, lain orang pasang dua. Adik saya pasang dua. Ini apa yang disyorkan oleh jurutera. Itu kita pasang. Kalau jurutera telah mengesyorkan, kalau kontraktor tidak memasang, itu kita mesti ambil tindakan. Mesti ambil tindakan, hantar dia pergi mahkamah, oleh kerana tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh kerajaan. Okey? Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada awalnya *surge suppressor* telah dipasang secara *parallel*. Pihak juru perunding telah mengarahkan pihak kontraktor menukar kepada sistem *series* sebagaimana yang disyaratkan dalam kontrak. Pihak kontraktor telah memberi jaminan untuk memastikannya secara *series* dan pada masa ini, pemasangan sedang dijalankan dan dijangka siap pada akhir bulan ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sistem *uninterrupted power supply* iaitu bekalan elektrik tanpa gangguan telah diuji oleh pembuat peralatan *Master Guard GMBH* dari German pada 25 November 2003 sebelum dihantar ke Malaysia. UPS ini diuji semula oleh pembekal tempatan *V-ITACE Aire Sdn. Bhd* pada 28 Jun 2004 sebelum dihantar ke tapak, ianya telah dipasang dan diuji semula dan didapati beroperasi dengan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, maklumat daripada saya, saya minta Yang Berhormat bagi Kepong. Saya tidak mahu Yang Berhormat bagi Kepong berfikir kita tidak menunjukkan atau tidak memberitahu apa yang betul. Jikalau ada juga apa-apa soalan, Yang Berhormat bagi Kepong boleh juga menulis, boleh jawab, boleh bagi *proof* betulkah tidak boleh diberi.

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Saya belum kasi tempat lagi.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya mintalah.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Okeylah, minta.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Dia memang. Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Terdapat *client* dan kontraktor mesyuarat itu hampir 100 kali. Jadi, daripada 29 Julai 2004

mengenai *surge suppressor*. Dari 29 Julai, hampir Ogos tetapi tarikh yang diberi oleh Yang Berhormat tadi lebih awal lagi misalnya dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

**Beberapa Ahli:** [*Menyampuk*]

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Dengarlah sikit. Apa saya kata, dengarlah sikit. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Kepong, sistem *uninterrupted power supply* bekalan elektrik tanpa gangguan telah diuji oleh pembuat peralatan *Master Guard* GMBH di Jerman pada masa itu 25 November 2003, bukan di Kuala Lumpur, bukan di..... [*Dewan gamat seketika*]

**Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said:** [*Bangun*]

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Selain daripada itu, sebelum dihantar ke Malaysia .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, Kuala Krau bangun.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy:** Peraturan Mesyuarat....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Apa ini?

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy:** Peraturan Mesyuarat.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri ada Peraturan Mesyuarat.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Apa itu Peraturan Mesyuarat Yang Berhormat?

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy:** 36(6). Seseorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas sesiapa ahli yang lain.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah. Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy:** Saya mengatakan bahawa Yang Berhormat bagi Kepong telah mempunyai sangkaan jahat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah. Ini pandangan Yang Berhormat. Cukup.

**Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kuala Krau bangun Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said:** *[Bangun]*

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Okeylah, saya jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ada seorang bangun Yang Berhormat. Kuala Krau.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Jadi.....

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk] [Dewan gamat seketika]*

**Seorang Ahli:** Apa ini?

**Seorang Ahli:** Laluan ya?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Yang Berhormat, Sekarang pertanyaan daripada saya, kepada Yang Berhormat bagi Kepong.

**Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said:** Minta laluan, minta laluan.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Saya akan membawa pakar-pakar saya. Yang Berhormat tuduh menuduh, saya mesti mahu tengok siapakah pakar itu. Bukan Yang Berhormat sahaja bangkit, jikalau ada juga apa-apa maklumat, kita boleh juga tuduh menuduh mana-mana pihak. Kita mesti ada dapat nasihat daripada pakar. Yang Berhormat bawa pakar, saya pun bawa pakar.

**Beberapa Ahli :** Ya!.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Yang Berhormat punya pakar, betul, saya punya pakar salah. Okeylah, itu jam kita boleh minta maaf, boleh juga.

**Seorang Ahli:** Whoaa!

**Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Kuala Krau bangun.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Ya.

**Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak tanya Yang Berhormat bagi Kepong.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, tanya Menteri.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said:** Yang Berhormat bagi Kepong ini, dia tahukah tidak bahawa hospital Temerloh ini akan beroperasi sepenuhnya pada 15 dan 16 April.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, sekarang yang menjawab Menteri. Apa soalan dituju kepada Menteri.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said:** Hendak tanya Yang Berhormat Menteri. Ini kerana, Yang Berhormat bagi Kepong ini beritahu semuanya cacat. Semuanya tidak sempurna. Jadi, adakah Yang Berhormat Menteri.....

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy:** Sangkaan jahat!

**Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said:** .....tahu bahawa Hospital Temerloh ini semuanya lengkap dan sempurna dan pesakit-pesakit hospital Mentakab akan berpindah pada 15 April ini? Terima kasih.

**Seorang Ahli:** Jahat.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang ditanya oleh Ahli Yang Berhormat bagi Kepong saya tidak ambil sebagai sangkaan jahatlah. Ini minta makluman, beliau mempunyai hak untuk mempersoalkan kepada saya. Saya mempunyai hak untuk menjawab bagi pihak kerajaan. Itu sudah selesailah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Cameron Highlands telah dijawablah.

**Seorang Ahli:** Percaya Cameron.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Saya jawab sekarang Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Teruskan.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Cameron saham turun.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, lorong jalan kaki berbumbung dari asrama jururawat ke bangunan utama dan dari perhentian bas ke bangunan utama telah dibina mengikut spesifikasi kontrak

kecuali di lokasi yang melintasi jalan raya. Di lokasi ini bumbung tidak dibina kerana akan menghalang lalu lintas kenderaan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hospital ini telah dibina dengan reka bentuk yang istimewa. Walaupun pada masa ini, hospital berkenaan hanya menempatkan 498 katil, ianya boleh menampung sehingga 700 katil bila diperlukan kelak. Ini bermakna di masa hadapan, kerajaan boleh menjimatkan perbelanjaan bagi menampung keperluan tambahan pesakit. Hospital ini juga telah dilengkapi dengan peralatan perubatan yang terkini untuk menyediakan perkhidmatan *secondary care* bagi menggantikan fungsi Hospital Mentakab. Ianya juga dilengkapi dengan kemudahan *helipad* untuk.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Kepong bangun.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Ya.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.

**Seorang Ahli:** Cakaplah Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** ...mesti ada. Itu yang pertama. Apakah status IWK untuk memberi tauliah kepada ....*and commissioning*. Apakah status IWK dan kedua itu bilakah rombongan melawat *transfer of technology* pergi ke *Great Ormond Street London*, Hospital Kanak-kanak yang terkemuka di *London*. *Great Ormond Street* dan bilakah pergi ke Bambino Gesu dan ambulans sungai dan sebagainya, bila pergi? Dan adakah kepakaran ini orang-orang yang dihantar ini isteri kepada Ketua Pengarah pun pergi. Isteri kepada Pengarah Projek PHTSB pun pergi, itu pakar, isteri dia pakar, pergi ke situ juga dan ditanggung oleh pihak kerajaan. Mana ada dan Yang Berhormat Menteri pun dia sokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat tengok sinilah.

[*Dewan riuh*]

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya tengok sini. Isteri kepada Pengarah Projek macam mana dia *transfer* teknologi? Apa *transfer*?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, Ketua Pengarah pergi mengikuti dengan rombongan. Kontraktor mempunyai hak untuk bersama dengan Ketua Pengarah pergi ke tempat-tempat. Tetapi isteri pergi dengan mereka adakah Yang Berhormat tahu syarikat itu atau kerajaan bayar untuk isteri? Tidak pernah kerajaan bayar untuk isteri.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Adakah Ketua Pengarah pergi ke rombongan, bagi kita tahu, bagi Dewan ini tahu. Siapa pergi, adakah Ketua Pengarah pergi?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Baru sahaja Yang Berhormat kata Ketua Pengarah sudah pergi, sekarang tanya balik kepada kita adakah Ketua Pengarah pergi?

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

*[Dewan riuh seketika]*

*[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat bagi Kepong cukuplah.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Yang Berhormat.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri, hari ini sudah mengambil masa yang panjanglah. Kita boleh alih ke tajuk yang lain.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Mula-mulanya Tuan Yang di-Pertua, semua perkara berkenaan dengan hospital, sekarang sudah jadi persendirian, kalau sudah jadi persendirian kita tidak boleh jawab sampai besoklah.

*[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak payah jawablah, cukuplah.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** jadi saya minta kebenaran Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab. Walau bagaimanapun.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

*[Dewan gamat seketika]*

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Ahli Yang Berhormat, nanti sekejap, bagi saya bercakaplah. Walau bagaimanapun, apa yang dituduh oleh ahli Yang Berhormat sekarang saya akan siasat esok. Sebab ketua Setiausaha ada di belakang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat tidak payah sebut nama.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** .....esok ada betul ke tidak.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya, betul ya. Terima kasih. Ada satu lagi misalnya....

**Seorang Ahli:** Duduk, duduk.

**Dr. Tan Seng Giaw:** .....*electrical engineering requirements of the* dengan izin panduan JKR. *Electrical Engineering Requirements*, ini memang .....7.4.6, ini JKR punya panduanlah itu. Saya hendak Yang Berhormat siasat juga dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *Helipad shall be provided with proper visual landing aids such as wind cone, helipad landing light, flood lighting etc. is shall be a fit helipad lighting system, feusing and electro, lamination light source, aircraft obstruction light shall be provided where necessary* dan sebagainya. Saya hendak Yang Berhormat kaji sama ada semua spesifikasi ini yang dikeluarkan oleh JKR sendiri, semua dipenuhi dan waktu *testing and commissioning*, siapa yang datang, siapa pergi, adakah Ketua Pengarah pergi dan sebagainya. Saya tidak tahu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah Yang Berhormat, cukuplah-cukuplah.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri cukuplah, cukuplah.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, jika ahli Yang Berhormat mahu saya untuk menyiasat perkara ini ada betul ke tidak. Tetapi apa yang ditetapkan oleh JKR, JKR mestilah dapat. JKR mesti mendapat dan juga memeriksa sebelum spesifikasi itu ada diikuti atau tidak. Untuk makluman Yang Berhormat bagi Kepong, Tuan Yang di-Pertua, [*Sambil membelekkan kertas*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sudahlah, cukup.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** .....Hospital ini juga merupakan satu-satunya hospital terancang di Kawasan Pahang yang akan memberi perkhidmatan kepada penduduk-penduduk luar bandar negeri Pahang. Oleh kerana itulah kita mahu juga mengadakan helipad. Untuk makluman Yang Berhormat, hospital ini disiapkan dengan harga RM480 juta berdasarkan kepada siri-siri di atas harga yang adalah berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman ahli Yang Berhormat pembinaan helipad bagi hospital ini adalah menurut spesifikasi pihak Jabatan Penerbangan Awam telah memeriksa 29/09/2004 yang bagi Kepong, 29/09/2004.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Nantilah sedikit, tidak mahu bagi saya jawab ini, apa ini? Surat kelulusan telah dikeluarkan pada 18/10/2004. Tuan Yang di-Pertua, bagi Hospital Sultan Ismail, dari satu hospital kita, tukar ke satu hospital yang lain sekarang, Johor Bharu. Semua alat *residual current device* - RCD termasuk peralatan elektrik lain yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat bagi Kepong, seperti *surge suppresser for electrical system and uninterrupted power supply* telah dipasang dengan sempurna di bawah pengawasan, penyeliaan dan bertauliah juru perunding mekanikal dan elektrik.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat bagi Kapit, sekarang kita tukar Yang Berhormat. Kementerian ini mengambil.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Ada juga ramai orang lagi Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat sudah hendak pergi tengok.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Akhir ah. Ok.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan itu tidak lengkap walaupun Yang Berhormat berusaha berikhtiar tetapi tidak lengkap. Saya hendak menyusunkan kepada perkara ini, termasuklah penjelasan kepada Yang Berhormat mengesahkan sama ada jalan-jalan dan sebagainya mengikut spesifikasi. Granit bukan batu kapur sahaja, macam mana kita sebutkan. Ia sudah kata, ia sementara sahaja 10%, 10% itu menggunakan batu kapur sementara sahaja. Saya hendak sahkan, sama ada benar ataupun tidak. Kita mesti *bound the whole and overlook whether its true or not* dan juga RCD. Tidak mengikut kontrak. Saya hendak dan Yang Berhormat *surge suppresser*..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Kepong, tadi Menteri sendiri sudah kata beliau akan menyiasat dan juga Yang Berhormat dijemput ke Pahang.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya, saya pun hendak tengok.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Jadi, saya fikir perkara ini kita berhentikan sementara dan Menteri boleh lanjutkan kepada perkara yang lain.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) *mempengerusikan mesyuarat*]

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Untuk makluman Yang Berhormat bagi Kapit, Kementerian mengambil maklum mengenai permohonan untuk membina jalan yang menghubungkan Bandar Kapit dengan bandar-bandar utama lain di Sarawak. Dalam hal ini, Kementerian Kerja Raya akan mengkaji keseluruhan projek yang dipohon oleh kerajaan negeri dan akan memperakukan projek yang mempunyai keutamaan yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Batu Sapi pula iaitu supaya membaiki jalan raya di Sabah yang kebanyakannya tidak rata serta berlubang. Kementerian ini mengambil maklum dan akan menyiasat sama ada jalan tersebut merupakan jalan-jalan persekutuan atau negeri.

**Tuan Teng Boon Soon:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Tebrau bangun.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Sekiranya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Tebrau bangun.

**Tuan Teng Boon Soon:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Dato' Menteri, saya sudah tunggu lama giliran saya untuk bertanya tentang Hospital Sultan Ismail di kawasan Tebrau, bilakah CPC akan dikeluarkan untuk Hospital Sultan Ismail di Tebrau dan juga agaknya bila ia boleh diserahkan kepada Kementerian Kesihatan kerana rakyat di kawasan Tebrau sudah lama menunggu untuk menggunakan hospital yang canggih itu.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, kita sudah serahkan hospital ini tidak berapa lama dahulu. Selepas itu mereka menghadapi masalah kulat. Apabila melihat masalah kulat sahaja, dia kata dia tidak terima hospital itu. Pada masa

dahulunya dia kata dia sudah terima, kerja sudah dimulakan, beberapa orang sudah bekerja dan lain-lain tetapi sekarang kerja-kerja untuk memperbaiki kulat dan masalah yang lain sedang dijalankan. Apabila perkara ini selesai, saya percaya lagi satu bulan kita juga boleh menyerahkan hospital ini kepada Kementerian Kesihatan. Dengan itu saya percaya, 'insya-Allah', tidak ada lagi masalah daripada hospital ini. *[Disampuk]* Saya pun akan masuk hospital itu sedikit hari nanti. *[Ketawa]*

**Tuan Teng Boon Soon:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Tebrau, apa lagi?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Ya.

**Tuan Teng Boon Soon:** Yang Berhormat Dato' Menteri, sedikit penjelasan lagi saya minta. Adakah peruntukan untuk kononnya RM14 juta untuk membersihkan taman dalaman itu yang dipastikan sebagai punca kulat yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, adakah itu benar dan adakah peruntukan ini telah diluluskan oleh *Treasury*?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, permohonan untuk peruntukan sudah disediakan oleh Kementerian Kewangan dan mereka telah bersetuju. Sekarang kita sudah minta kontraktor untuk meneruskan dengan memperbaiki masalah kulat di hospital itu. Mereka sudah kerja untuk satu bulan sekarang. Lagi satu bulan atau satu bulan setengah, boleh selesai semua masalah. RM14 juta lebih, RM14.3 juta kah atau yang sebetul-betulnya saya tidak pasti, RM14.3 jutalah.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya jalan berkenaan merupakan jalan Persekutuan, kementerian akan mengarahkan syarikat konsesi penyelenggaraan jalan-jalan Persekutuan yang bertanggungjawab untuk mengambil tindakan pembaikan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat bagi Serdang, kementerian mengambil maklum isu-isu yang dibangkitkan dan sedang berusaha untuk menambah baik kemudahan-kemudahan yang mesra pelanggan di Lebu Raya Sistem Lingkaran Luar Kajang. Pada masa ini syarikat konsesi telah membina lapan lokasi tempat berteduh bagi penunggang-penunggang motosikal. Mengenai pusingan U yang tidak selamat pula, setakat ini kementerian tidak menerima apa-apa laporan mengenai

kemalangan di pusingan U tersebut. Walau bagaimanapun, kementerian akan mengambil maklum mengenai perkara yang dibangkitkan.

Mengenai ketiadaan lorong motosikal di Lebuh Raya SILK, ianya tidak dapat dibina kerana kekurangan *reserve* bahu jalan yang mencukupi untuk pembinaannya. Mengenai jejantas yang tidak mencukupi pula, kementerian telah memohon peruntukan siling daripada Unit Perancang Ekonomi bagi membina lima buah lagi jejantas iaitu tiga di Sungai Ramal dan dua di Balakong.

**Dato' Yap Piah Hon:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Serdang berminat, Yang Berhormat.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Oh ada di sini. Okey.

**Dato' Yap Piah Hon:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Lorong khas untuk motosikal telah diwajibkan oleh kementerian, bukan sahaja di lebuh raya yang baru tetapi di lebuh raya yang lama juga diwujudkan dan kerajaan berbelanja berbilion ringgit untuk membuka lorong khas untuk motosikal. Tetapi di Lebuh Raya SILK yang baru dibina, sepatutnya ia diambil kira. Apa sebabnya semasa pembinaan reka bentuk Lebuh Raya SILK ini tidak mengambil kira terhadap lorong khas untuk motosikal itu. Apa sebabnya, saya mahu tanya.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab Ahli Yang Berhormat, separuh jalan telah dibina di atas *reserve* jalan yang sedia ada. Tidak ada tempat lagi untuk membina lorong motosikal. Jikalau kita bina lorong motosikal di separuh jalan ada, separuh tidak, itu pun jadi masalah kepada Yang Berhormat dan kepada saya juga. Oleh kerana itu kita tidak bina lorong itu. Pada masa akan datang, kita ada juga jalan-jalan baru atau lebuh raya baru, itu kita mesti tetapkan lorong motosikal mesti disediakan.

Mengenai kawasan Kajang Utama yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, terpisah dan menyukarkan penduduk sekitarnya, kementerian bercadang untuk membina terowong *underpass* bagi menghubungkan kedua-dua kawasan tersebut. Projek pembinaan terowong ini yang dianggarkan bernilai RM25 juta akan dipohon di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Saya minta Yang Berhormat sabarlah sedikit. Bagilah penjelasan kepada penduduk-penduduk di kawasan itu sebagai Ahli Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat bagi Bagan, kerja-kerja pengorekan titanium atau 'sangat timah' itu telah dijalankan sejak bulan Februari 2005 dan dijangka berakhir pada Mei 2005. Jalan yang terlibat adalah Jalan Persekutuan 1 di daerah Seberang Prai Utara, Pulau Pinang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, lesen untuk mengeluarkan bijih tersebut telah dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang bersama-sama dengan Institut Penyelidikan Teknologi Nuklear kepada Syarikat Hasil Impresif Sdn. Bhd.

Syarikat tersebut telah dilantik oleh kerajaan negeri bagi tujuan mengeluarkan bahan radioaktif secara terkawal memandangkan terdapat banyak kejadian pengeluaran bijih tersebut secara haram oleh pelombong-pelombong individu. Kerajaan negeri telah mengemukakan permohonan pengeluaran bijih tersebut kepada Jabatan Kerja Raya kerana melibatkan jalan Persekutuan.

Jabatan Kerja Raya telah mengenakan beberapa syarat yang perlu dipatuhi oleh syarikat berkenaan semasa kerja-kerja pengorekan dilaksanakan.

- (i) Aktiviti pengorekan tersebut hendaklah dimulakan kerjanya pada jam 12.30 malam dan berakhir pada pukul 5.00 pagi;
- (ii) Kerja-kerja penurapan semula jalan hendaklah dilaksanakan sebelum 6.00 pagi pada hari yang sama;
- (iii) Membaiki bahagian permukaan jalan yang rosak; dan
- (iv) Menurap semula kesemua jajaran tersebut apabila kerja pengeluaran bijih selesai sepenuhnya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, setakat ini Hasil Impresif Sdn. Bhd. telah membayar royalti RM1 juta kepada kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan telah menyentuh mengenai perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Kerja Raya semasa membahaskan Usul Menjunjung Kasih Ke Atas Titah Diraja. Jika ada perkara-perkara yang telah dibangkitkan tetapi tidak dijawab, sila maklumkan kepada saya supaya penjelasan secara bertulis dapat diberikan kepada Ahli Yang Berhormat.

Berkenaan dengan lawatan ke... [*Memandang ke arah tempat duduk Yang Berhormat bagi Kepong*] Eh, mana dia, Yang Berhormat bagi Kepong?

**Beberapa Ahli:** Sudah keluar.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Dia sudah melawat keluar sekarang. *[Ketawa]* Lawatan ke hospital itu saya akan tetapkan dan saya akan memberitahu kepada Yang Berhormat bagi Kepong.

Ahli-ahli Yang Berhormat, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Sudah selesailah jawapan daripada saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Baik Yang Berhormat, terima kasih. Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi, saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

**6.20 ptg.**

**Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya bagi pihak Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam Perbahasan Titah Diraja terutamanya kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat bagi Dungun, Ayer Hitam, Ipoh Timor, Beluran, Ledang, Jasin, Kinabatangan, Sabak Bernam, Permatang Pauh, Kemaman, Rasah, Cameron Highlands, Sandakan dan Labuan yang telah membangkitkan beberapa perkara atau isu serta memberi cadangan yang membina, yang menyentuh bidang tugas kementerian ini semasa perbahasan di Dewan yang mulia ini.

Sebahagian daripada isu-isu yang dibangkitkan itu telah pun diberikan penjelasan semasa sesi soal jawab atau secara bertulis. Namun begitu, sukacita saya memberi penjelasan lanjut berhubung dengan perkara-perkara dasar yang tertentu berkaitan dengan isu-isu yang telah dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa isu yang berkaitan dengan bidang tugas kementerian ini seperti pengurusan air, tenaga dan komunikasi telah menarik minat Ahli-Ahli Yang Berhormat. Ini menggambarkan keprihatinan Ahli-Ahli Yang Berhormat terhadap tugas dan tanggungjawab mereka dalam memastikan kebajikan rakyat yang diwakili mereka terus terbela. Ahli Yang Berhormat bagi Beluran dan Ayer Hitam meminta supaya Kerajaan Persekutuan menambah peruntukan pembangunan bagi

negeri-negeri Sabah dan Sarawak dalam usaha meningkatkan kemudahan bekalan tenaga elektrik dan air bersih. Langkah ini perlu kerana jurang perbezaan yang amat ketara berikutan pengagihan peruntukan dan projek pembangunan yang tidak seimbang antara negeri-negeri.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Kelapan, Sabah telah diberi peruntukan sebanyak RM194.9 juta bagi melaksanakan program bekalan elektrik luar bandar yang disalurkan melalui Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLBW). Tambahan kepada itu, Kerajaan Persekutuan juga telah meluluskan peruntukan sebanyak RM889.3 juta kepada Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) dalam bentuk geran dan pinjaman bagi melaksanakan projek-projek pembangunan infrastruktur bekalan elektrik yang bertujuan untuk memperkukuhkan sistem pembekalan elektrik di seluruh negeri Sabah. Antara projek-projek berkenaan yang telah dan sedang dilaksanakan oleh SESB adalah seperti berikut;

- (i) pembinaan pencawang pembahagian utama 33/11 KB di beberapa lokasi yang telah dikenal pasti seperti di Tambunan, Labuan, Limbawang, Tawau, Keningau dan Sandakan;
- (ii) pembinaan Sistem Grid Sabah yang terdiri daripada Grid Pantai Timur - Sabah, Tawau ke Sandakan, seterusnya Grid Utara Sabah – Kota Kinabalu ke Kota Belud dan Kudat dan akhirnya Grid Sambungtara Timur Barat Sabah – Kota Kinabalu ke Sandakan. Dengan siapnya projek grid ini semua stesen jana kuasa SESB akan disambungkan melalui satu rangkaian ke seluruh negeri Sabah.

Projek pengukuhan sistem pembahagian di bandar-bandar utama di negeri Sabah seperti Kota Kinabalu, Sandakan, Tawau, Kudat dan Labuan. Projek ini, apabila siap nanti akan dapat menyalurkan bekalan elektrik yang mencukupi, *reliable* dan tanpa gangguan kepada pengguna-pengguna di kawasan terlibat.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Tangga Batu bangun Yang Berhormat.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Okey, ini Sabahkah?

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya bertanya ini fasal baru balik daripada Sabah menghadiri Larian Dadah di sana. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya hendak tanya sedikit, oleh kerana banyak sistem grid yang bakal dibina di Sabah dan mungkin ada yang sedang dalam pembangunan. Siapakah yang melakukan dan melaksanakan projek-projek pembangunan Sistem Grid di negeri Sabah ini? Adakah pihak SESB ataupun diswastakan kepada pihak-pihak tertentu?

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Yang Berhormat juga adalah salah seorang bekas tenaga kerja daripada Tenaga Elektrik Nasional, saya yakin Yang Berhormat tahu kebanyakan daripada kerja-kerja yang dijalankan, ditawarkan oleh SESB Sabah adalah di bawah bidang kuasa SESB Sabah dan biasanya ia dipanggil secara tender dan dipantau sendiri oleh pihak kementerian ini, terima kasih.

Bagi tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan, KKLBW sedang mengkaji untuk menyediakan keperluan peruntukan yang sewajarnya bagi melaksanakan program bekalan elektrik luar bandar. Dalam pada itu, SESB juga memohon pinjaman mudah sebanyak RM800 juta daripada Kerajaan Persekutuan bagi mempertingkatkan liputan bekalan elektrik ke paras 90% di seluruh negeri Sabah menjelang tahun 2010. Manakala bagi negeri Sarawak pula, KKLBW juga telah menyediakan peruntukan sebanyak RM255.6 juta bagi melaksanakan bekalan elektrik luar bandar di bawah Rancangan Malaysia Kelapan.

Selain daripada itu, Perbadanan Perbekalan Elektrik Sarawak (SESCO) sedang menyediakan peruntukan yang besar iaitu RM1.264 juta bagi melaksanakan projek-projek pembangunan infrastruktur bagi negeri Sarawak untuk tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan yang bertujuan untuk menyediakan bekalan elektrik yang mencukupi dan *reliable*. Antara projek-projek yang dicadangkan untuk dilaksanakan adalah seperti berikut;

- (i) membina loji jana kuasa berasaskan gas dengan kapasiti 100 megawatt di Bintulu;

- (ii) meningkatkan keupayaan dan keselamatan talian-talian penghantaran elektrik 275KV dan 132KV di seluruh negeri Sarawak, dan;
- (iii) membangunkan pengagihan 33KV (kilowatt)

Bagi bekalan air pula, usaha kerajaan membantu Sabah dan Sarawak dapat dilihat daripada jumlah peruntukan yang besar dan disalurkan kepada kedua-dua negeri ini. Jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain di bawah Rancangan Malaysia Kelapan misalnya, peruntukan berjumlah RM470.4 juta diberi kepada Sabah dan RM338.2 juta kepada Sarawak untuk melaksanakan projek bekalan air. Sementara itu, di bawah Rancangan Malaysia Kelapan pula, peruntukan yang lebih besar iaitu masing-masing berjumlah RM1.62 bilion untuk negeri Sabah dan RM586.4 juta untuk negeri Sarawak sedang diberi pertimbangan oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada Ahli Yang Berhormat bagi Jasin kerana berminat kepada penggunaan *biomass* sebagai tenaga alternatif untuk penjanaan tenaga elektrik. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, kerajaan telah memberi perhatian yang serius terhadap pembangunan tenaga alternatif khususnya daripada sumber *biomass*. Dalam Rancangan Malaysia Kelapan, kerajaan telah mengumumkan polisi penggunaan tenaga alternatif dalam penjanaan *electricity* iaitu *Fifth Fuel Policy*. Sehubungan dengan itu, kerajaan telah melancarkan program yang dinamakan Projek-Projek Jana Kuasa Kecil Tenaga Yang Boleh Diperbaharui – *Small Renewal Energy Programs* (SREP) pada 10 Mei 2001 sebagai salah satu usaha kerajaan dalam menggalakkan pembangunan sumber bahan api yang mesra alam dan menjana elektrik daripada sumber yang boleh diperbaharui. Kerajaan akan terus mengenal pasti...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, berapa lama lagi hendak habiskan?

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Saya berhenti 6.30, ada sedikit *lines* lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Okey.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Kerajaan akan terus mengenal pasti dan membangunkan sumber tenaga alternatif di negara ini bagi memastikan pembangunan

mapan bagi sektor tenaga di negara ini dapat dicapai. Program-program untuk mencapai matlamat ini akan dimasukkan di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, Ledang dan Cameron Highlands telah mempersoalkan mengapa dalam proses penubuhan Suruhanjaya Pengurusan Air Negara (SPAN), ia tidak melibatkan penubuhan Jawatankuasa Pemilihan (*Select Committee*). Menurut mereka, Jawatankuasa ini patut ditubuhkan bagi mendapatkan pandangan semua peringkat pengguna berhubung dengan penubuhan SPAN.

Pertamanya, izinkan saya untuk menjelaskan sedikit mengenai pindaan Perlembagaan Persekutuan bagi membolehkan Kerajaan Persekutuan bersama-sama dengan kerajaan negeri berganding bahu dalam aspek pengurusan air negara. Sebagaimana Ahli-Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pindaan Perlembagaan Persekutuan telah diluluskan oleh kedua-dua dewan pada 18 dan 19 Januari 2005 dan persetujuan Diraja diperolehi pada 4 Februari 2005. Pewartaan dilakukan pada 10 Februari 2005 dan tarikh kuat kuasa ditetapkan pada 21 Mac 2005 kecuali pindaan mengenai kutipan hasil.

Memang pada asalnya terdapat cadangan supaya Jawatankuasa Pilihan Khas ditubuhkan untuk membincangkan kedua-dua rang undang-undang iaitu Rang Undang-undang Industri Perkhidmatan Air (IPA) dan Rang Undang-undang Suruhanjaya Air Negara (SPAN). Walau bagaimanapun, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 16 Mac 2005 memutuskan bahawa Jawatankuasa Pilihan Khas atau *Select Committee* bagi membincangkan kedua-dua rang undang-undang berkenaan tidak perlu ditubuhkan. Penubuhan Jawatankuasa.....

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mendapat penjelasan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Johor Bahru.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa adakah ini bermakna apabila seorang Menteri berjanji kepada Dewan ini bahawa sebuah Jawatankuasa Pilihan akan ditubuhkan untuk membincangkan dan melihat kepada rang undang-undang yang bakal hendak dibawa kepada Dewan yang mulia ini, bahawa Dewan ini tidak boleh pegang kepada janji daripada Menteri. Adakah ini yang

dimaksudkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dan kalau hujah asasnya kerana ini akan mengambil masa yang begitu lama saya rasa ini bukan satu hujah yang boleh kita terima kerana Yang Berhormat sedia maklum bahawa air sudah merupakan satu masalah yang sungguh kontroversial.

Saya sedar umpamanya kementerian Yang Berhormat telah turun pergi ke negeri Johor membincangkan tentang masalah pengurusan air dan hasil daripada pertemuan itu pun saya dapati bahawa tidak ada keputusan bagaimana hendak menyelesaikan masalah yang dibawa oleh rancangan penswastan yang telah dilaksanakan oleh negeri Johor terhadap pengurusan air. Jadi kalau sudah begitu lama tambah lagi kalau sudah begitu lama kita berhadapan dengan masalah kualiti air, pembahagian dan dalam hendak mewujudkan atau membentangkan rang undang-undang yang baru kementerian Yang Berhormat merasakan bahawa tidak perlu melalui proses Jawatankuasa Pilihan atau *Select Committee* untuk membincangkan rang undang-undang yang bakal dibentangkan di Dewan ini setelah Menteri berjanji.

Saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh menyatakan dengan tegas bahawa apa sahaja yang dikatakan dan dijanjikan dalam Dewan ini tidak boleh pakai walaupun ianya telah dijanjikan di hadapan kami semua. Kalau itu pendirian Yang Berhormat Timbalan Menteri saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri akan mengatakan secara jelas bahawa lain kali jawapan pihak Timbalan Menteri atau Menteri jangan kita ambil kira sebagai satu jawapan yang muktamad dalam Dewan ini.

*[Tepuk]*

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Johor Bahru. Biar saya bercakap dengan berterus terang. Saya minta maaf kalau ada yang tertinggal. Sepanjang yang saya ingat ketika perbincangan pindaan perlembagaan tempoh hari ketika Yang Berhormat Menteri menjawab, di antara perkara yang dikatakan adalah dia akan mencadangkan kepada pihak Kabinet supaya satu *Select Committee* ditubuhkan.

Jadi saya yakin pihak kementerian melalui Menteri telah berbincang dengan pihak kabinet. Dalam perbincangan seperti Yang Berhormat tahu saya tidak terlibat dalam Kabinet dan bagaimana mendapat persetujuan Kabinet untuk supaya tidak

ditubuhkan *Select Committee* saya tidak dapat menjawabnya. Cuma saya dimaklumkan bahawa pihak Kabinet tidak perlu ditubuhkan *Select Committee*.

Walaupun tidak ditubuhkan *Select Committee* dalam masa yang sama sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi kementerian ini turut ke setiap negeri untuk memberi penerangan termasuk juga ke negeri Kelantan dan juga sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi baru-baru ini ke Johor Bahru. Walaupun tidak dapat melakukan penyelesaian yang menyeluruh kerana sebagaimana Yang Berhormat ketahui berhubung dengan isu air ini setiap negeri ada sejarahnya tersendiri. Johor dengan sejarahnya sendiri, Selangor dengan sejarahnya sendiri, Negeri Sembilan ada sejarahnya sendiri.

Tetapi apa yang cuba dilakukan oleh kementerian ini adalah bersungguh-sungguh untuk mendapatkan pandangan daripada seluruh kerajaan negeri permasalahan-permasalahan *legacy* yang dihadapi oleh setiap negeri supaya dapat dikumpulkan dan dikemukakan semula kepada pihak Kabinet supaya dapat diberi perhatian. Itu yang dapat saya jelaskan.

**Cik Fong Po Kuan:** Minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh habiskan jawapan.

**Cik Fong Po Kuan:** Saya pohon penjelasan. Pada isu yang saya bangkitkan sebelum ini pun belum jawab. Kalau boleh hari esok kita sambung. Tapi sebelum itu saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri seorang yang bertanggungjawab tetapi dia telah dijadikan *scapegoat* dengan izin kerana isu berkenaan air dan cadangan penubuhan telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Menteri seperti dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Johor Bahru.

Saya rasa adalah lebih baik kita tangguhkan Mesyuarat biar Menteri esok datang jawab. Saya bukan kata Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak cukup baik. Tetapi Yang Berhormat telah dijadikan *scapegoat* untuk jawab apa Yang Berhormat tidak mempunyai maklumat yang lengkap. Tadi Yang Berhormat telah mengakui tidak ada dalam perbincangan Kabinet. Jadi saya haraplah kita boleh sama-sama minta Menteri demi menjaga maruah Dewan ini minta Menteri bertanggungjawab hadir untuk jawab isu ini. Adakah Yang Berhormat Johor Bahru akan sokong dan yang lain.....

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Saya, saya .....

**Cik Fong Po Kuan:** .....sebab isu air sangat penting.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Yang Berhormat.....

**Cik Fong Po Kuan:** Saya cadangkanlah Yang Berhormat Menteri hadir esok.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Esok ada kabinet *meeting*. Yang pertama sebagaimana yang saya nyatakan tadi.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** .....yang saya ingat boleh *refer* kepada *Hansard*.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Batu Gajah, sila ikut peraturan.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** .....ia adalah merupakan satu cadangan daripada Yang Berhormat Menteri kepada Parlimen.

**Cik Fong Po Kuan:** Tapi Dewan sekarang hendak tahu apakah sebab Kabinet menolaknya di mana Yang Berhormat telah nyatakan tadi Yang Berhormat tidak ada maklumat.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Kerana keperluan dasar.

**Cik Fong Po Kuan:** Sebab Yang Berhormat tidak ada menduduki dalam mesyuarat Kabinet.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Yang Berhormat beri peluang jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Batu Gajah sila duduk Batu Gajah.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Yang Berhormat dengar jawapan saya.

**Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Titiwangsa.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Dengar jawapan saya ini sila duduk dahulu. Penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas ini bukan sahaja akan melambatkan urusan penggubalan kedua-dua rang undang-undang tetapi juga melambatkan usaha Kerajaan Persekutuan untuk membangunkan dan memantapkan industri perkhidmatan air negara.

Saya yakin ini adalah salah satu sebab utama mengapa mesyuarat Kabinet memutuskan bahawa *Select Committee* tidak diperlukan. Tetapi dalam masa yang sama meminta kementerian turun ke pusat negeri memberi penerangan dan menerima segala pandangan-pandangan supaya dapat dikemukakan semula kepada jemaah Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, hendak habiskan hari ini atau hendak sambung esok?

**Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz:** [*Bangun*]

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Boleh sambunglah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Titiwangsa. Batu Gajah, Batu Gajah sila duduk.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Dalam usaha menggubal kedua-dua rang undang-undang berkenaan kementerian ini tidak membelakangkan pandangan dan cadangan daripada kerajaan negeri sebagai contoh dalam beberapa siri pencambahan pemikiran *brainstorming* telah diadakan di peringkat pegawai di mana turut melibatkan wakil-wakil dari Kerajaan Negeri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Baik, Titiwangsa.

**Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Semalam saya telah bercerita tentang keperluan untuk mengadakan satu kajian bebas mengenai takrif *inform*. Barangkali sebab saya berucap agak lewat sedikit dan memandangkan kementerian ini ada tiga bidang kuasa besar iaitu tenaga, air dan komunikasi. Sudah berjalan ke air ini nampaknya apa yang saya hujahkan semalam tidak dapat sebarang reaksi. Barangkali sebab saya berucap agak lewat. Semalam Menteri tidak ada, Timbalan Menteri tidak ada barangkali pegawai pun tidak ada. Saya harap Timbalan Menteri dapat memberikan sedikit reaksi kepada apa yang saya cadangkan semalam,.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Terima kasih, kita akan sampai apabila tiba waktu nanti.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat hendak habiskan atau.....

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Masih lama lagi, lama lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Lama lagi? Okey, kalau lama lagi kita sambung esok.

Ahli Yang Berhormat jawapan akan disambung esok. Dewan yang mulia ini akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi esok.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 6.40 petang.***

21 Mac 2005

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP.** (Pasir Salak) - UMNO

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, PJN., PIS. (Kulai) - MCA

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, PGDK., ADK. (Sipitang) - UMNO

**MENTERI**

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) - MCA
4. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. “ Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) - UPKO
7. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
8. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
9. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO
10. “ Menteri Penerangan, Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.H.M.S., P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu) – UMNO
11. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
12. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO
13. “ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO

14. “ Menteri Pelajaran, Dato’ Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) - UMNO
15. “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) - UMNO
16. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato’ Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO
17. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO
18. “ Menteri Pengangkutan, Dato’ Sri Chan Kong Choy, S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S., (Selayang) – MCA.
19. “ Menteri Kewangan Kedua, Senator Tan Sri Datuk Seri Nor Mohamed bin Yakcop
20. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Dato’ Seri Utama Mohd. Isa bin Abdul Samad, P.S.M., S.P.N.S., D.S.N.S., P.M.C. (Jempol) – UMNO
21. “ Menteri Pelancongan, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah) - PBB
22. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
23. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
24. “ Menteri Pengajian Tinggi, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat) – UMNO
25. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato’ Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M., D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
26. “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato’ Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO
27. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Mustapa bin Mohamed (Jeli) - UMNO
28. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) - UMNO
29. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato’ Sri Adenan bin Satem (Batang Sadong) – PBB
30. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
31. “ Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
32. “ Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) - UMNO
33. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato’ Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

**TIMBALAN MENTERI**

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) – GERAKAN
2. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. “ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA
4. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC
5. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA
6. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO
7. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO
8. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO
9. “ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin **Haji** Aman (Kimanis) - UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA
16. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Fu Ah Kiow (Kuantan) – MCA
17. “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin (Merbok) – UMNO
18. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO
20. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN

21. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato’ S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tengah) - MIC
23. “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato’ Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA
24. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
25. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP
28. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato’ Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS
29. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato’ Kong Cho Ha (Lumut) - MCA
30. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Mah Siew Keong, (Telok Intan) - GERAKAN
31. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO
32. “ Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato’ Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato’ Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Setiawangsa) - UMNO
34. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO
35. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
36. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato’ Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO
37. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
38. “ Mulia Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) – UMNO

#### SETIAUSAHA PARLIMEN

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Mohd Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO

- 
2. “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
  3. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato’ Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
  4. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO
  5. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
  6. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato’ Yong Khoo Seng (Stampin) - SUPP
  7. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA
  8. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Dato’ Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
  9. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) - PBB
  10. " Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
  11. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato’ Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO
  12. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC
  13. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA
  14. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO
  15. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA
  16. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA
  17. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat (Batu) - GERAKAN
  18. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO
  19. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO
  20. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
  21. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN

22. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

### **AHLI-AHLI**

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. “ Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. “ Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. “ Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) - PAS
6. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
7. “ Dato' Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
8. “ Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
9. “ Dato' Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
10. “ Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO
11. “ Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
12. “ Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titiwangsa) - UMNO
13. “ Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai) - UMNO
14. “ Tuan Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
15. “ Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRs
16. “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
17. “ Datuk Bung Mokhtar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO
18. “ Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO
19. “ Dato Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - PAS
20. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
21. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
22. “ Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
23. “ Dato' Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
24. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
25. “ Dato' Chua Jui Meng (Bakri) – MCA
26. “ Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
27. “ Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO
28. “ Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
29. “ Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP

- 
30. “ Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
  31. “ Dato' Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
  32. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
  33. “ Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
  34. “ Dato' Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
  35. “ Dato' Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
  36. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
  37. “ Datuk Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
  38. “ Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
  39. “ Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
  40. “ Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
  41. “ Tan Sri Dato' Hew See Tong (Kampar) - MCA
  42. “ Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
  43. “ Tuan Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
  44. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
  45. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
  46. “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS
  47. “ Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
  48. “ Dato' Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
  49. “ Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
  50. “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
  51. “ Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
  52. “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
  53. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
  54. “ Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
  55. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO
  56. “ Tan Sri Dato' K.S. Nijhar (Subang) - MIC
  57. “ Dato' Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
  58. “ Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) - DAP
  59. “ Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN
  60. “ Dato' Seri Law Hieng Ding (Sarikei) - SUPP
  61. “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA
  62. “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
  63. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP
  64. “ Dato' Liow Tiong Lai (Bentong) - MCA

- 
65. “ Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
66. “ Dato’ Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) - MCA
67. “ Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
68. “ Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
69. “ Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
70. “ Dato’ Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
71. “ Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Keteroh) – UMNO
72. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
73. “ Tuan Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO
74. “ Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
75. “ Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
76. “ Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
77. “ Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
78. “ Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
79. “ Dato’ Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO
80. “ Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
81. “ Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
82. “ Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
83. “ Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
84. “ Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
85. “ Dato’ Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
86. “ Tan Sri Dato’ Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib (Pasir Salak) - UMNO
87. “ Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
- 88.** “ Dato’ Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
89. “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
- 90.** “ Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO
91. “ Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
92. “ Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
93. “ Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
94. “ Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
95. “ Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO
96. “ Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
97. “ Dato’ Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
98. “ Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP

- 
99. “ Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO
100. “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
101. “ Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulung) – UMNO
102. “ Dato’ Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO
103. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
104. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
105. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
106. “ Cik Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
107. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP
108. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
109. “ Datuk Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
110. “ Mulia Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang) – UMNO
111. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
112. “ Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
113. “ Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP
114. “ Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP
115. “ Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
116. “ Dato’ Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
117. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) - KEADILAN
118. “ Dato’ Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
119. “ Dato’ Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO
120. “ Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
121. “ Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
122. “ Tuan Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO
123. “ Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA
124. “ Dato’ Yap Pian Hon (Serdang) - MCA
125. “ Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

**MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)**

1. Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop

## DEWAN RAKYAT

**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

**Setiausaha Dewan Rakyat**  
Dato' Abdullah bin Abdul Wahab

**Ketua Penolong Setiausaha**  
Roosme binti Hamzah  
Ruhana binti Abdullah  
Riduan bin Rahmat

**Pegawai Undang-Undang**  
Muzalni bin Soid

**Penolong Setiausaha**  
Muhd Sujairi bin Abdullah  
Lavinia a/p Vyveganathan  
Bazlinda binti Bahrin  
Farah Nurdiana binti Azhar

**PETUGAS-PETUGAS****CAWANGAN DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah  
Hajah Paizah binti Haji Salehuddin  
Hajah Supiah binti Dewak  
Mohamed bin Osman  
Abd. Talip bin Hasim  
Hadzirah binti Ibrahim  
Saadiah binti Jamaludin  
**Syed Azuddin bin Syed Othman**  
Hairan bin Mohtar  
Jamilah Intan binti Haji Bohari  
**Nurziana binti Ismail**  
Nik Elyana binti Ahyat  
Marzila binti Muslim  
Habibunisah binti Mohd. Azir  
Aisyah binti Razki  
Yoogeswari a/p Muniandy  
Nor Liyana binti Ahmad  
Mohd. Izhar bin Hashim

**JURUBAHASA SERENTAK**

Mazidah binti Mohamed  
Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman  
Cik Lee Jing Jing

**PETUGAS-PETUGAS****UNIT CETAK**

Kamaroddin bin Mohd. Yusof  
Mohamed Shahrizan bin Sarif  
Alias bin Mohd. Nor

**PETUGAS-PETUGAS****CAWANGAN PERUNDANGAN**

Mohd. Shariff bin Hussein  
Azmi bin Othman  
Zafniza binti Zakaria  
Hindun binti Wahari  
Rozaimah binti Mohamad Ariffin  
Mohd. Sidek bin Mohd. Sani  
Mazlina binti Ali  
Norlaila binti Abdullah Sidi  
Ropiah binti Tambi  
Suhairi bin Othman

**BENTARA MESYUARAT**

Lt. Kol (B) Mohamed Nor bin Mohd. Darus  
Mejar (B) Mohd Azimi bin Arifin

**PETUGAS-PETUGAS****CAWANGAN KOMPUTER**

Zunaini bt. Mohd Salleh  
Mohd Shah bin Rahman  
Sulaiman bin Sirad  
Siti Rohaini bt. Roslan  
Mohamad Faizal bin Harun  
Mohd. Faizol bin Mohd. Noh  
Zaini Azlina bt. Zawawi